

**BAB KETIGA**  
**PEMILIHAN STRUKTUR MORFOLOGI**  
**DALAM AL-QURAN AL-KARIM**

**3.0 Pendahuluan**

Morfologi merupakan aspek bahasa yang halus dan memainkan peranan penting dalam sesuatu ungkapan. Ia mempunyai pelbagai struktur yang memberi kesan kepada makna yang disebut sebagai makna morfologi seperti pelaku, objek, sifat dan sebagainya. Bab ini akan memberi penekanan kepada pemilihan struktur morfologi dalam al-Quran al-Karim secara perbandingan dan mengenal pasti rahsia penggunaannya mengikut konteks ayatnya.

**3.1 Konsep Morfologi**

Perkataan al-sarf dalam bahasa Arab atau morfologi dari sudut bahasa bererti perubahan. Dari sudut istilah pula mengikut al-Ḥamalaawiyy ia boleh dilihat dari dua maksud, iaitu maksud praktikal dan ilmiah. (Secara praktikalnya ia bererti mengubah satu perkataan asal kepada pelbagai bentuk bagi maksud tertentu yang terhasil melaluinya... secara ilmiahnya pula ia merupakan satu ilmu mengenai kaedah-kaedah yang dengannya diketahui keadaan-keadaan bentuk perkataan dan juga keadaan-keadaan yang bukan *i'raab* dan *binaa*').<sup>1</sup> Yang dimaksudkan dengan keadaan yang bukan *i'raab* dan *binaa*' adalah seperti *ibtidaa'*, *imaalat*, *i'laal*, *idghaam* dan sebagainya,

'Abd al-'Aziiz 'Atiiq menyatakan bahawa al-sarf ialah "Perubahan pada bentuk perkataan bagi sesuatu maksud berkaitan makna atau lafaz".<sup>2</sup> Maksud berkaitan makna adalah seperti

---

<sup>1</sup> Al-Ḥamalaawiyy. Syadhaa al-'Arf Fii Fann al-Ṣarf. Hal. 13.

<sup>2</sup> 'Abd al-'Aziiz 'Atiiq. Al-Madkhal Ilaa 'Ilm al-Naḥw Wa al-Ṣarf. Hal. 7.

bilangannya, kata terbitan dan sebagainya dan maksud berkaitan lafaz adalah seperti *i'laal*, *Ibdaal*, *idghaam* dan sebagainya.

Daripada definisi di atas, dapat dirumuskan bahawa al-sarf atau morfologi mempunyai ciri-ciri berikut:

- 1- Perbincangannya hanya berkaitan perkataan sahaja.
- 2- Fokus perbincangan ialah perubahan perkataan tersebut.
- 3- Perubahan itu mempunyai maksud tertentu sama ada makna atau lafaz.
- 4- Perubahan itu mempunyai kaedah tertentu.

Skop perbincangan morfologi ialah perkataan yang menerima perubahan, iaitu kata nama *mu'rab* dan kata kerja *mutasarrif*. Oleh itu, perkataan yang *mabniyy* dan tetap tidak dibincangkan dalam morfologi.

### **3.2 Struktur Utama Morfologi Arab dan Perbandingannya**

Struktur morfologi Arab boleh dibahagikan kepada dua bahagian: struktur utama dan bukan utama. Yang akan dibincangkan di sini hanyalah struktur utama sahaja termasuk perbandingannya.

#### **3.2.1 Struktur Utama Morfologi Arab**

Struktur utama morfologi Arab terdapat pada dua jenis perkataan, iaitu:

- a- Kata kerja
- b- Kata nama

##### **3.2.1.1 Kata Kerja**

Kata kerja dalam bahasa Arab boleh dilihat daripada pelbagai sudut seperti berikut:


### 3.2.1.1.1 Kata Kerja Dari Sudut Masa

Kata kerja dari sudut masa pada dasarnya terbahagi kepada tiga bahagian:


#### a- Kata kerja kala lampau

Ia merupakan kata kerja yang pada dasarnya menunjukkan berlakunya sesuatu perbuatan sebelum masa ia diucapkan. Antara tanda utamanya ialah ia menerima ت yang menunjukkan pelaku, seperti قَرَأَتْ .

Walau bagaimana pun, ia boleh menunjukkan masa kini atau hampir dengan masa kini sekiranya didahului oleh قَدْ seperti قَامَتِ الصَّلَاةُ قَدْ dan berbentuk insya'iyiy seperti بِعَثْنِكَ . Ia menunjukkan masa akan datang sekiranya didahului oleh kata tugas لِلتَّحْضِيضِ / لَوْ لَا / لَوْ مَا لِلتَّحْضِيضِ , kata syarat dan memberi maksud doa/permintaan serta janji, seperti: <sup>3</sup> مَا الْمَصْدَرِيَّةُ ،



- سَأَظْلُ بَارًا بِوَالِدِيَّ مَا بَقِيْتُ



- حَفِظَهُ اللهُ

#### b- Kata kerja kala kini


<sup>3</sup> Hanafi Dolah. 'Ilm al-Şarf al-Mutaqaddim Li Aghraaḍ 'Ilmiyyaḡ. Hal. 200-201.

Ia merupakan kata kerja yang pada dasarnya menunjukkan berlakunya sesuatu perbuatan pada masa ia diucapkan dan selepasnya. Ia mesti didahului oleh salah satu huruf *mudaara'at*: أ ن ي ت. Antara tanda utamanya ialah ia boleh dimasuki لم seperti: لَمْ يَكْذِبْ.

Pada dasarnya ia menunjukkan masa kini dan akan datang. Namun, sekiranya didahului oleh peranti naif لَيْسَ ، إِنَّ ، مَا<sup>4</sup> ia menunjukkan masa kini, seperti:

لَسْتُ أَلْعَبُ ، مَا أَلْعَبُ ، إِنَّ أَلْعَبُ

Ia menunjukkan masa akan datang, sekiranya didahului oleh peranti *nasb*,<sup>5</sup> syarat dan سَوْفَ ، serta menunjukkan permintaan seperti:



Ia menunjukkan masa lalu sekiranya didahului oleh لَمْ ، زَمًّا ، إِذْ<sup>6</sup> seperti:

<sup>4</sup> Maḥmuud ‘Ukaasyaṭ. Al-Taḥlīl al-Lughawīyy Fīl Ḍau’ ‘Ilm al-Dīlaalaṭ. Hal. 103.

<sup>5</sup> Hanafi Dolah. ‘Ilm al-Ṣarf al-Mutaqaddim Li Aghraaḍ ‘Ilmiyyaṭ. Hal. 208.

<sup>6</sup> Ibid. Hal. 210.

لَمْ أَذْهَبْ ، رُبَّمَا أَذْهَبُ ، إِذْ أَذْهَبُ

c- Kata kerja suruhan

Ia merupakan kata kerja yang memberi maksud tuntutan melakukan sesuatu selepas ia diucapkan. Antara tanda utamanya ia menerima ياء المُخَاطَبَةِ dan menunjukkan maksud suruhan seperti: اذْهَبِي

### 3.2.1.1.2 Kata Kerja Dari Sudut Asal dan Imbuan

Kata kerja bahasa Arab dari sudut asal dan imbuan terbahagi kepada dua: *mujarrad*, iaitu asal tanpa sebarang imbuan dan berimbuan, iaitu mempunyai imbuan tertentu. Kata kerja *mujarrad* mempunyai dua bahagian: tiga huruf dan empat huruf. Kata kerja *mujarrad* tiga huruf mempunyai enam kategori pola:

Jadual 3.1

Kategori Kata Kerja Mujarrad Tiga Huruf

Kata Kerja Kala lampau	Kata Kerja Kala kini
فَعَلَ	يَفْعَلُ
	يَفْعُلُ
	يَفْعَلُ
فَعِلَ	يَفْعَلُ
	يَفْعَلُ
فَعُلَ	يَفْعَلُ

Pola-pola ini pada dasarnya adalah samaa'iyi.<sup>7</sup> Walaupun ahli bahasa dan ulama telah meletakkan panduan-panduan umum baginya,<sup>8</sup> namun pola yang tepat perlu dilihat kepada kamus dan penggunaan orang Arab sendiri. Kata kerja mujarrad empat huruf pula mempunyai satu kategori pola sahaja, iaitu: فَعْلَلٌ ، يُفْعِلِلٌ .

Kata kerja tiga huruf berimbuhan pula mempunyai sembilan pola produktif dengan makna-makna morfologi tertentu, seperti berikut:

i- أَفْعَلٌ

Antara makna morfologinya yang masyhur:

a- Menukar kata kerja tak transitif kepada transitif seperti:

كَرَّمَ (mulia) → أَكْرَمَ (memuliakan)

Sekiranya kata kerja itu adalah ekatransitif, ia akan ditukarkan kepada dwitransitif seperti:

لَبَسَ (pakai) → أَلْبَسَ (memakaikan)

b- Masuk, sama ada masa atau tempat seperti:

أَصْبَحَ (masuk waktu pagi)

أَبْحَرَ (masuk ke laut)

c- Patut/layak/sampai masa seperti:

---

<sup>7</sup> Samaa'iyi bererti sesuatu yang diketahui hanya dengan mendengar daripada orang Arab sendiri tanpa mengikut kaedah umum tertentu.

<sup>8</sup> Seperti kata kerja berpolakan فَعْلَلٌ yang maṣḍarnya فَعَّلَ sekiranya transitif dan فُعُولٌ sekiranya tak transitif.

أَخْصَدَ (sampai masa untuk dituai)

d- Mempunyai/memiliki seperti:

أَثْمَرَ الْبُسْتَانَ (Kebun itu telah mempunyai buah/berbuah)

e- Mendapati seperti:

أَبْخَلَ (mendapati bakhil)

ii- فَاعِلٌ

Antara makna morfologinya yang masyhur:

a- Kesalingan seperti:

قَتَلَ (membunuh) → قَاتَلَ (saling bunuh membunuh/memerangi)

b- Berturut-turut seperti:

تَبِعَ (ikut) → تَابَعَ (mengikuti secara berturut-turut)

iii- فَعَّلَ

Antara makna morfologinya yang masyhur:

a- Menukar kata kerja tak transitif kepada transitif seperti:

صَحَّ (betul) → صَحَّحَ (membetulkan)

Sekiranya kata kerja itu adalah ekatransitif ia akan bertukar menjadi dwitransitif seperti:

دَرَسَ (belajar) → دَرَّسَ (mengajar)

b- Penambahan kualiti dan kuantiti seperti:

أَعْلَقَ (menutup) → عَلَّقَ (menutup kemas)

قَطَعَ (memotong) → قَطَّعَ (mencincang)

c- Mengaitkan/menghubungkan seperti:

فَسَّقَ (menjadi fasiq) → فَسَّقَ (mengaitkan dengan fasiq/memfasiqkan)

d- Akronim seperti:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ هَلَّلَ (menyebut)

e- Menuju/menghala seperti:

شَرَّقَ (menuju ke timur)

iv- انْفَعَلَ

Ia hanya memberi satu makna sahaja, iaitu respon/tindak balas seperti:

كَسَرَ (memecahkan) → انْكَسَرَ (terpecah)

v- افْتَعَلَ

Antara makna morfologinya yang masyhur:

a- Menggunakan / “menjadikan sebagai” seperti:

اِخْتَمَ (menggunakan cincin)

اِمْتَطَى (menjadikannya sebagai kenderaan)



b- Bersungguh-sungguh/teliti (berkualiti) seperti:

اِكْتَسَبَ (berusaha bersungguh-sungguh)

اسْتَمَعَ (mendengar dengan teliti)

c- Kesalingan seperti:

اِخْتَصَمَ (saling bermusuhan)

d- Berlebihan/bersangatan seperti:

اِقْتَدَرَ (sangat berkuasa/mampu)

e- Respon/tindak balas/menukarkan kata kerja transitif kepada tak transitif seperti:

جَمَعَ (mengumpul) → اجْتَمَعَ (berkumpul)

vi- نَفَعَلَ

Antara makna morfologinya yang masyhur:

a- Respon/tindak balas/kesan/menukarkan kata kerja transitif kepada tak transitif seperti:

كَسَرَ (memecahkan) → تَكَسَّرَ (terpecah)

b- “Menjadikan sebagai” seperti:

تَوَسَّدَ (menjadikan sebagai bantal/berbantalkan)

تَخْتَمَ (menjadikannya sebagai cincin/bercincinkan)

c- Berusaha/menggagahi<sup>9</sup> seperti:

تَصَبَّرَ (berusaha bersabar)

d- Menjauhi/meninggalkan seperti:

تَهَجَّدَ (menjauhi/meninggalkan tidur)

e- Sedikit demi sedikit/beransur-ansur/semakin seperti:

تَجَرَّعَ (meneguk sedikit demi sedikit)

تَحَسَّنَ (beransur/semakin baik)

f- “Menjadi seperti” seperti:

تَحَجَّرَ (menjadi seperti batu)

vii- أَفْعَلٌ

Antara makna morfologinya yang masyhur:

a- Kekuatan warna seperti:

أَبْيَضَ (sangat putih)

b- kecacatan seperti:

أَعْوَرَ (buta sebelah mata)

viii- تَفَاعُلٌ

---

<sup>9</sup> Disebut dalam bahasa Arab sebagai التَّكْلُفُ yang berarti pelaku menghadapi kesukaran melakukannya, tetapi berusaha juga melakukannya dengan bersusah payah.

Antara makna morfologinya yang masyhur:

a- Kesalingan seperti:

قَتَلَ (membunuh) → تَقَاتَلَ (saling membunuh/berbunuh-bunuhan)

b- Berpura-pura seperti:

تَنَاوَمَ (berpura-pura tidur)

بَجَّاهَلَ (berpura-pura tidak tahu)

c- Semakin/beransur seperti:

تَزَايَدَ (semakin bertambah)

d- Respon/tindak balas/menukarkan kata kerja transitif kepada tak transitif seperti:

بَاعَدَ (menjauhkan) → تَبَاعَدَ (berjauhan)

ix- اسْتَفْعَلَ

Antara makna morfologinya yang masyhur:

a- Meminta seperti:

عَفَرَ (mengampun) → اسْتَعْفَرَ (meminta ampun)

b- “Bertukar menjadi” seperti:

اسْتَحْجَرَ (bertukar menjadi batu)

c- Menganggap/merasakan seperti:

اسْتَصْغَرَ (menganggap kecil)

d- Pertambahan (kualiti/berlebihan) seperti:

اسْتَكْبَرَ (bangga diri yang kuat)

اسْتَمْسَكَ (berpegang dengan kuat)

e- Mendapati seperti:

اسْتَكْرَمَ (mendapati mulia)

f- Akronim seperti:

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ (menyebut استرجع)


Kata kerja empat huruf berimbuhan mempunyai dua pola sahaja yang memberi makna respon atau tindak balas dan mengubah kata kerja transitif kepada tak transitif, iaitu:

i- تَفَعَّلَ seperti:

دَخَرَ (menggolek) → تَدَخَّرَ (bergolek/tergolek)

ii- أَفْعَلَّ seperti:

طَمَأَّنَ (menenangkan) → اطمأنَّ (tenang)



Tiga Huruf

Empat Huruf

Tiga Huruf

Empat Huruf

Rajah 3.1

Pembahagian Kata Kerja Berdasarkan Imbuan

### 3.2.1.1.3 Kata Kerja Dari Sudut Memerlukan Objek

Kata kerja dari sudut memerlukan objek/maf'ul atau tidak memerlukan terbahagi kepada dua bahagian:

a- Tak transitif

Ia merupakan kata kerja yang tidak memerlukan objek seperti:

ذَهَبَ الطَّالِبُ إِلَى الْجَامِعَةِ

b- Transitif

Ia merupakan kata kerja yang memerlukan objek tanpa sesuatu harf jarr seperti:

قَرَأَ الطَّالِبُ الْكِتَابَ

Tandanya ia boleh dihubungkan dengan ganti nama هـ yang merujuk kepada objek dan diterbitkan kata nama objek tanpa harf jarr atau zarf seperti: مَقْرُوءٌ ، قَرَأَهُ .

Ia mempunyai tiga bahagian:

- i- Memerlukan satu objek seperti contoh tadi.
- ii- Memerlukan dua objek.

Kedua-dua objek ini kadang-kadang asalnya ialah subjek dan prediket seperti:

(المَطَرُ نَازِلٌ ظَنَنْتُ الْمَطَرَ نَازِلًا)

Kadang-kadang ia bukan berasal daripada subjek dan prediket seperti :

أَعْطَيْتُ الْفَقِيرَ صَدَقَةً

iii- Memerlukan tiga objek seperti:

أَعْلَمْتُ الْوَالِدَ ابْنَهُ نَاجِحًا

Sebenarnya kata kerja transitif dan tak transitif ditentukan dengan melihat kehadiran harf jarr selepas sesuatu kata kerja. Sekiranya harf jarr hadir, maka kata kerja itu dikategorikan sebagai tak transitif dan sekiranya tidak ia adalah transitif. Penggunaan harf jarr pula adalah berdasarkan penggunaan orang Arab sendiri. Kadang-kadang terdapat dua kata kerja yang mempunyai maksud yang sama, tetapi penggunaan harf jarr adalah berbeza seperti

يَتَّصِمُنُ ، يَخْتَوِي . Kedua-duanya bererti mengandungi, tetapi يَخْتَوِي memerlukan harf jarr على maka ia dikategorikan sebagai tak transitif, manakala يَتَّصِمُنُ tidak memerlukan harf jarr, maka ia dikategorikan sebagai transitif.

#### 3.2.1.1.4 Kata Kerja Dari Sudut Aktif

Kata kerja dari sudut aktif dan pasif terbahagi kepada dua: kata kerja aktif apabila disebut pelaku dan kata kerja pasif apabila digugurkan pelaku.

Dalam konteks kata kerja kala lampau, kaedah umumnya ialah huruf pertama dibarisdepankan dan huruf sebelum akhir dibarisbawahkan seperti قُتِلَ. Sekiranya ia dimulakan dengan ت tambahan, huruf kedua turut dibarisdepankan seperti: تُعَلِّمُ ، تُفَوِّتُ . Sekira ia dimulakan dengan *hamzah wasl*, huruf ketiga turut dibarisdepankan seperti أَنْطَلِقَ ، أُسْتُخْرَجُ . Sekiranya huruf keduanya ialah ا ia ditukarkan kepada ي dan dibarisbawahkan huruf pertamanya seperti قِيلَ ، اخْتِيرَ .

Dalam konteks kata kerja kala kini pula, kaedah umumnya ialah huruf pertama dibarisdepankan dan huruf sebelum akhir dibarisataskan. Sekiranya huruf sebelum akhirnya ialah huruf *mad*, ia ditukarkan menjadi ا seperti يُقَالُ .

### 3.2.1.2 Kata Nama

Kata nama dalam bahasa Arab boleh dilihat daripada pelbagai sudut seperti berikut:

#### 3.2.1.2.1 Kata Nama Dari Sudut Jantina

Kata nama dalam bahasa Arab dari sudut jantina terbahagi kepada dua, iaitu kata nama mudhakkar dan mu'annath. Kata nama mudhakkar tidak mempunyai sesuatu tanda khusus, sebaliknya sekiranya tidak mempunyai tanda mu'annath atau tidak digunakan sebagai muannath, maka ia adalah mudhakkar.

Kata nama mu'annath mempunyai tanda-tanda tertentu, iaitu:

1- Taa' ta'niith (ة) seperti: مُجْتَهِدَةٌ ، طَالِبَةٌ .

Namun, ia tidak memasuki perkataan wasf musytaqq yang khusus kepada perempuan seperti: مُرَضِعٌ ، حَائِضٌ . Ia juga tidak memasuki pola wasf musytaqq yang menggunakan pola yang sama untuk lelaki dan perempuan, iaitu:<sup>10</sup>

- a. فَعُولٌ seperti: صَبُورٌ
- b. فَعِيلٌ seperti: جَرِيحٌ
- c. مَفْعَالٌ seperti: مِهْدَارٌ
- d. مَفْعِيلٌ seperti: مِعْطِيرٌ
- e. مَفْعَلٌ seperti: مِعْشَمٌ

---

<sup>10</sup> Al-Ḥamalaawiyy. Syadhaa al-‘Arf Fii Fann al-Ṣarf. Hal. 114.

2- Alif maqsurat (ى) yang terdapat pada pola-pola masyhur berikut:<sup>11</sup>

- a. فُعَلَى sebagai sifat seperti حُبَلَى atau maşdar seperti بُشْرَى
- b. فُعَلَى sebagai sifat seperti شَبَعَى atau maşdar seperti نَجْوَى
- c. فِعْلَى sebagai maşdar seperti ذِكْرَى
- d. فُعَالَى sebagai sifat seperti عُلَادَى

3- Alif mamdudaṭ (اء) yang terdapat pada pola-pola masyhur berikut:<sup>12</sup>

- a. فَعْلَاءٌ sebagai kata nama seperti صَحْرَاءٌ , maşdar seperti رَعْبَاءٌ atau sifat seperti حَمْرَاءٌ
- b. أَفْعَالَاءٌ seperti أَرْبَعَاءٌ
- c. فَاعُوْلَاءٌ seperti عَاشُوْرَاءٌ
- d. فِعْلِيَاءٌ seperti كِبْرِيَاءٌ
- e. نُفَعَالَاءٌ seperti نُفَسَاءٌ
- f. فُنْعَالَاءٌ seperti خُنْفَسَاءٌ

Kata nama mu'annath juga dari sudut hakikat jantina terbahagi kepada dua, iaitu:

- 1- Hakiki: iaitu yang boleh melahirkan anak sama ada manusia atau binatang seperti امْرَأَةٌ ، بَعْرَةٌ

---

<sup>11</sup> Ibid. Hal.115-116.

<sup>12</sup> Ibid. Hal.117-118.



- 2- Majazi: iaitu yang tidak boleh melahirkan anak, tetapi ia digunakan sebagai mu'annath melalui sesuatu tanda mu'annath yang merujuk kepadanya seperti kata tunjuk, ganti nama atau ta' ta'niith pada kata kerjanya. Contohnya:

هَذِهِ الشَّمْسُ رَأَيْتُهَا طَلَعَتْ

Kata nama muannath dari sudut tandanya juga terbahagi kepada dua, iaitu:

- 1- Lafzi: iaitu perkataan yang digunakan sebagai mudhakkar, tetapi mempunyai tanda mu'annath seperti: طَلْحَة
- 2- Maknawi: iaitu perkataan yang merupakan kata nama khas mu'anntah, tetapi tidak mempunyai tanda muanntah seperti: مَرِيَم

### 3.2.1.2.2 Kata Nama dari Sudut Bilangan

Kata nama dari sudut bilangan terbahagi kepada tiga bahagian:

- 1- Mufrad seperti: امْرَأَة ، رَجُل
- 2- Duan, iaitu perkataan yang menunjukkan kepada dua dengan menambahkan اِنْ / اَيْنِ seperti امْرَأَاتَانِ / امْرَأَتَيْنِ ، رَجُلَانِ / رَجُلَيْنِ . Syarat perkataan yang hendak dijadikan duaan ialah:
- Mufrad
  - Mu'rab
  - Wujud persamaan antara dua perkataan yang hendak dijadikan Duan dari sudut lafaz, pola dan makna.

Oleh itu, tidak boleh dijadikan perkataan **أَبُو بَكْرٍ** dan **عُمَر** sebagai duaan dengan **عُمَرَانِ**<sup>13</sup> kerana tiada persamaan lafaz. Namun, sekiranya dua perkataan saling berkait boleh dijadikan duaan melalui *taghliib* seperti **القَمَر** ، **الشَّمْس** yang dijadikan duaan dengan **القَمَرَانِ**. Begitu juga, tidak boleh dijadikan perkataan **عَمْرُو** dan **عُمَر** sebagai duaan dengan **عُمَرَانِ** kerana tiada persamaan pola. Begitu juga, tidak boleh dijadikan perkataan **العَيْنُ الجَارِيَّة** dan **العَيْنُ البَاصِرَة** duaan dengan **العَيْنَان** kerana tiada persamaan makna.<sup>14</sup>

3- Jamak: iaitu perkataan yang menunjukkan lebih daripada dua. Ia mempunyai tiga bahagian:

a. Jamak mudhakkar saalim yang dibentuk dengan menambahkan **يْنَ** ، **وْنَ** pada perkataan mufrad seperti **صَالِحُونَ** ، **مُحَمَّدُونَ** . Ia dibentuk daripada dua jenis perkataan dengan syarat-syarat tertentu:<sup>15</sup>

i. Jaamid dengan syarat:

- Ia merupakan kata nama khas. Justeru, tidak boleh dijamakkan **رَجُل** dengan **رَجُلُونَ** kerana ia bukan nama khas.
- Ia hendaklah mudhakkar. Justeru, tidak boleh dijamakkan **رَيْنَب** dengan **رَيْنَبُونَ** kerana ia muannath.
- Ia hendaklah berakal. Justeru, tidak boleh dijamakkan **لَاحِق** (nama kuda) dengan **لَاحِقُونَ** kerana ia tidak berakal.

<sup>13</sup> Dengan maksud duaan secara hakikatnya.

<sup>14</sup> Al-Ḥamalaawiy. Syadhaa al-‘Arf Fii Fann al-Ṣarf. Hal. 122.

<sup>15</sup> Ibid. Hal.123-124.

- Ia tidak mempunyai ة . Justeru, tidak boleh dijamakkan طَلْحَتُونَ dengan طَلْحَةٌ kerana ia mempunyai ة.
- Ia tidak berbentuk al-tarkib. Justeru, tidak boleh dijamkan سَيِّوَيْهُونَ dengan سَيِّوَيْهِ with kerana ia berbentuk al-tarkib.

ii. Musytaqq dengan syarat:

- Ia hendaklah mudhakkar. Justeru, tidak boleh dijamakkan مُرْضِعُونَ dengan مُرْضِعٍ kerana ia mu'annath.
- Ia hendaklah berakal. Justeru, tidak boleh dijamakkan فَارِهِ (sifat kuda) dengan فَارِهِونَ kerana ia tidak berakal.
- Ia tidak mempunyai ة . Justeru, tidak boleh dijamakkan عَلَامَةٌ dengan عَلَامَتُونَ kerana ia mempunyai ة.
- Ia bukan berpolakan أَفْعَلٌ yang mu'annathnya فَعْلَاءٌ. Justeru, tidak boleh dijamkan أَفْعَلٌ dengan أَحْمَرُونَ kerana ia mempunyai pola أَفْعَلٌ.
- Ia bukan berpolakan فَعْلَانٌ yang muannathnya فَعْلَى . Justeru, tidak boleh dijamakkan فَعْلَانٌ dengan عَطَشَانُونَ kerana ia mempunyai pola فَعْلَانٌ.
- Ia bukan pola yang mudhakkar dan mu'annathnya adalah sama. Justeru, tidak boleh dijamkan صَبُورٌ dengan صَبُورُونَ kerana ia merupakan pola yang boleh digunakan untuk mudhakkar dan mu'annath.

b. Jamak muannath saalim yang dibentuk dengan menambah ات pada perkataan mufrad.

Ia adalah qiyaasiyy pada:<sup>16</sup>

- i. Kata nama khas mu'annath, seperti : زَيْنَبَات ، هِنْدَات .

<sup>16</sup> Al-Ḥamalaawiy. Syadhaa al-ʿArf Fii Fann al-Ṣarf . Hal.124-125.

- ii. Kata nama yang diakhiri dengan ة seperti: فَاطِمَة ، طَلْحَة yang dijamakkan dengan طَلْحَات ، فَاطِمَات .
  - iii. Kata nama yang diakhiri dengan ى seperti سَلْمَى ، حُبْلَى yang dijamakkan dengan سَلْمِيَّات ، حُبْلِيَّات kecuali pola فَعْلَى yang mudhakkarnya فَعْلَان seperti عَطَشَى .
  - iv. Kata nama yang diakhiri dengan اء seperti صَحْرَاء ، حَسَنَاء yang dijamakkan dengan صَحْرَاوَات ، حَسَنَاوَات kecuali pola فَعْلَاء yang mudhakkarnya أَفْعَل seperti حَمْرَاء .
  - v. Kata nama *taṣghiiir* yang tidak berakal seperti دُرَيْهَمَات ، جُبَيْلَات .
  - vi. Kata sifat bagi sesuatu yang tidak berakal seperti شَائِحَات ، مَعْدُودَات .
  - vii. Kata nama lima huruf yang tidak mempunyai jamak taksiir seperti: حَمَّامَات ، سُرَادِقَات ، اصْطَبَّالَات .
- c. Jamak taksiir yang dibentuk dengan mengubah bentuk mufradnya seperti رِجَال ، أُسْدُ . Ia merangkumi yang berakal dan tidak berakal, lelaki dan perempuan.

Diperhatikan bahawa sesuatu kata nama kadang-kadang mempunyai banyak bentuk jamak seperti كَافِرِينَ ، كَفْرَةَ ، كُفَّار . Perbezaan ini disebabkan oleh perbezaan kabilah Arab, kadar banyak dan perbezaan makna,<sup>17</sup> seperti:

- حُمُر (mengikut kebanyakan kabilah) حُمُر (mengikut kabilah Tamim)

<sup>17</sup> Al-Saamarra'yy. Ma'aanii al-Abniyaṭ Fi al-'Arabiyyaṭ. Hal. 129.

- أَبْحُر (kadar sedikit) بِحَار (kadar banyak)
- كُفَّار (orang-orang yang kufur iman) كَفَرَةَ (orang-orang yang kufur nikmat)

Jamak ini juga dari sudut bilangannya terbahagi kepada dua bahagian, iaitu:

i. Jamak qillaṭ untuk bilangan daripada tiga hingga sepuluh. Ia mempunyai empat pola:

- أَكْلُب ، أَذْرُع ، أَوْجُه ، أَعْيُن seperti أَفْعَل
- أَنْوَاب ، أَحْمَال ، أَصْلَاب seperti أَفْعَال
- أَطْعَمَةَ ، أَكْسِيَةَ like أَفْعَلَة
- فِتْيَةَ ، صَبِيَةَ like فِعْلَة

ii. Jamak kathraṭ untuk bilangan sebelas ke atas. Ada pendapat yang menyatakan bahawa ia bermula dari tiga ke atas. Ia mempunyai dua puluh tiga pola:

Jadual 3.2

Pola Jamak Kathraṭ

Pola	contoh	pola	contoh
فُعَل	(أَحْمَر jamak حُمُر)	فُعَل	(جَمَار jamak حُمُر)

فَعَلَ	عُرِفَ	فِعَلَ	حَجَجَ
فُعَلَةٌ	فُضَاةٌ	فُعَلَةٌ	سَحْرَةٌ
فَعْلَى	جَرَحَى	فِعَلَةٌ	قِرْدَةٌ
فُعَلٌ	رُكِعَ	فُعَالٌ	فُرَاءٌ
فِعَالٌ	جِمَالٌ	فُعُولٌ	جُنُودٌ
فِعْلَانٌ	غِلْمَانٌ	فُعْلَانٌ	دُكْرَانٌ ، بُلْدَانٌ
فُعْلَاءٌ	بُحْلَاءٌ	أَفْعِلَاءٌ	أَنْبِيَاءٌ
فَوَاعِلٌ	نَخَوَاتِمٌ	فَعَائِلٌ	صَحَائِفٌ
فَعَالِيٌّ	حَبَارِيٌّ	فَعَالِيٌّ	صَحَارِيٌّ
فَعَالِيٌّ	كَرَاسِيٌّ	فَعَالِلٌ	بِرَائِنٌ
شَبَهَ فَعَالِلٌ	مَسَاجِدٌ		

### 3.2.1.2.3 Kata Nama Dari Sudut Terbitan

Kata nama dari sudut terbitan terbahagi kepada jaamid dan musytaqq.

#### a. Jaamid

Kata nama jaamid ialah kata nama asal dan ia hanya mempunyai satu jenis sahaja, iaitu maṣdar.

### **i. Maṣdar**

Maṣdar merupakan sejenis kata nama yang menunjukkan perbuatan tanpa masa yang khusus.

Dari sudut pola, maṣdar tiga huruf mujarrad pada dasarnya adalah sama'iy. Maka, polanya yang tepat perlu dilihat kepada kamus. Namun begitu, ahli bahasa telah meletakkan panduan umumnya seperti dari sudut makna ia adalah seperti berikut:<sup>18</sup>

- Pola فِعَالَةٌ untuk pekerjaan seperti زِرَاعَةٌ ، حِرَاسَةٌ ، حِرَاسَةٌ .
- Pola فَعْلَانٌ untuk perubahan dan ketidakstabilan seperti غَلِيَانٌ .
- Pola فُعَالٌ untuk penyakit dan bunyi seperti صُدَاعٌ ، غُوءٌ .
- Pola فَعِيلٌ untuk bunyi dan perjalanan seperti رَحِيلٌ ، زَيْبٌ .
- Pola فُعْلَةٌ untuk warna seperti حُمْرَةٌ .
- Pola فَعَلٌ untuk kecacatan seperti عَرَجٌ .
- Pola فُعُولٌ untuk perbuatan seperti صُعُودٌ .
  
- Pola فُعُولَةٌ untuk makna tetap seperti مُلُوحَةٌ .
- Pola فِعَالٌ untuk keengganan seperti حِمَاحٌ .

---

<sup>18</sup> Al-Raajihiiy. Al-Taṭbiiq al-Ṣarfiyy. Hal. 67. ‘Abd al-‘Aziiz ‘Atiiq. Al-Madkhal Ilaa ‘Ilm al-Naḥw Wa al-Ṣarf. Hal. 62-67.

Dari sudut pola pula ia adalah seperti berikut:<sup>19</sup>

- Bagi kata kerja transitif, pola maṣḍarnya ialah فَعْلٌ seperti فَتَحَ ، فَهَمَ .
- Bagi kata kerja tak transitif, sekiranya huruf keduanya berbaris bawah, maka pola maṣḍarnya ialah فَعَلٌ seperti تَعَبَ . Sekiranya huruf keduanya berbaris atas, maka pola maṣḍarnya ialah فُعُولٌ seperti نُزُولٌ ، نُهْوَضٌ ، فُعُودٌ . Sekiranya huruf keduanya berbaris depan, maka pola maṣḍarnya ialah فِعَالَةٌ atau فُعُولَةٌ seperti شَجَاعَةٌ ، سُهُؤَلَةٌ

Diperhatikan bahawa sesuatu kata kerja mungkin mempunyai lebih daripada satu bentuk maṣḍar seperti لَقِيَ yang mempunyai maṣḍar-maṣḍar لُقِيَ ، لُقْيَانٌ ، لِقَاءٌ ، لُقْيَةٌ . Perbezaan ini disebabkan oleh banyak kabilah Arab seperti بَحَلٌ ، بَحْلٌ ، بَحْلٌ dan perbezaan makna seperti صِعْرٌ untuk fizikal dan صَعَارَةٌ untuk kadar.<sup>20</sup>

Manakala maṣḍar kata kerja tiga huruf berimbuhan dan kata kerja empat huruf mujarrad serta berimbuhan yang produktif adalah qiyaasiyy seperti berikut:

### Jadual 3.3

#### Pola Maṣḍar Kata Kerja Tiga Huruf Berimbuhan

#### Dan Kata Kerja Empat Huruf

---

<sup>19</sup> Al-Raajihiiyy. Al-Taṭbiiq al-Ṣarfiiyy. Hal. 67. ‘Abd al-‘Aziiz ‘Atiiq. Al-Madkhal Ilaa ‘Ilm al-Naḥw Wa al-Ṣarf. Hal. 62-67.

<sup>20</sup> Al-Saamarraa’iyy. Ma‘aanii al-Abniyaṭ Fi al-‘Arabiyyaṭ. Hal. 18-19.



Jenis		Pola kata	Pola Maşdar	Contoh
Tiga Huruf	Berimbuhan	أَفْعَل	إِفْعَال	إِكْرَام
		فَعَّل	تَفْعِيل / تَفْعِيلَة	تَذْكَير / تَذْكَيرَة
		فَاعَل	مُفَاعَلَة / فِعَال	مُجَاهَدَة / جِهَاد
		انْفَعَلَ	انْفِعَال	انْكِسَار
		اِفْتَعَلَ	اِفْتِعَال	اعْتِكَاف
		تَفَاعَلَ	تَفَاعُل	تَدَارُس
		تَفَعَّل	تَفَعُّل	تَعَلُّم
		اَفْعَلَّ	اِفْعِلَال	احْمِرَار
		اسْتَفْعَلَ	اسْتِفْعَال	اسْتِغْفَار
Empat Huruf	Mujarrad	فَعَّلَل	فَعَّلَلَة / فِعَالَل	زَلْزَلَة / زِلْزَال
	Berimbuhan	تَفَعَّلَل	تَفَعُّلَل	تَزَلُّزَل
		اَفْعَلَّل	اِفْعِلَّلَال	اطْمِئْنَان

Di samping maşdar asli tadi, terdapat beberapa jenis maşdar lain:

- Maşdar miimiyy kerana ia bermula dengan م . Ia berpola مَفْعَل bagi kata kerja tiga huruf seperti مَعْرَى ، مَرَأَى ، مَقَالَ ، مَطَّلَب dan pola اسم المفعول dari kata kerja bukan tiga huruf seperti مُنْطَلَق ، مُدْخَل. Mengikut Faadil al-Saamarra'iy maşdar miimiyy mengandungi

sesuatu makna yang melebihi makna maṣḍar biasa seperti zat, penghujung, lengkap dan sebagainya.<sup>21</sup>

- Maṣḍar marrat̄ yang menunjukkan bilangan sekali. Ia berpola فَعْلَةٌ untuk kata kerja tiga huruf seperti سَجْدَةٌ ، رَكْعَةٌ dan penambahan ة pada maṣḍar biasa untuk bukan tiga huruf seperti تَسْبِيحَةٌ.
- Maṣḍar hai'at̄ yang menunjukkan cara perbuatan. Ia berpola فَعْلَةٌ seperti ذُبْحَةٌ ، جَلْسَةٌ.
- Maṣḍar sinaa'iȳ yang menunjukkan sifat dan ciri maknawi yang dipunyai oleh kata nama tersebut.<sup>22</sup> Ia dibentuk dengan menambah يَّة di hujung perkataan seperti الْحُرِّيَّةُ ، الْوَطَنِيَّةُ ، الْبَشَرِيَّةُ .

## b. Musytaqqaat/Kata Terbitan

Kata nama musytaqqaat/terbitan mempunyai jenis-jenis berikut:

### i. Kata Nama Pelaku

Ia merupakan pola yang menunjukkan pelaku sesuatu perbuatan seperti كَاتِبٌ atau pemilik sesuatu sifat seperti مُجْتَهِدٌ .

Polanya dari kata kerja tiga huruf mujarrad ialah فَاعِلٌ. Manakala polanya dari kata kerja tiga huruf berimbuhan dan kata kerja empat huruf mujarrad dan berimbuhan adalah dengan menukarkan *harf muḍaara'at̄* kepada مُ dan dibarisbawahkan huruf sebelum akhir. Ia adalah seperti berikut:

#### Jadual 3.4

#### Pola Kata Nama Pelaku Bagi Kata Kerja

#### Tiga Huruf Berimbuhan Dan Kata Kerja Empat Huruf

<sup>21</sup> Al-Saamarraa'iȳ. Ma'aanii al-Abniyaṭ Fii al-'Arabiyyaṭ. Hal. 34-36.

<sup>22</sup> 'Abd al-'Aziiz 'Atiiq. Al-Madkhal Ilaa 'Ilm al-Naḥw Wa al-Ṣarf. Hal. 82.

		Pola Kata Kerja	Pola Kata Nama Pelaku	Contoh
Tiga Huruf	Mujarrad	فَعَلَ	فَاعِلٍ	كَاتِبٍ
	Berimbuhan	أَفْعَلَ	مُفْعِلٍ	مُكْرِمٍ
		فَعَّلَ	مُفَعِّلٍ	مُعَلِّمٍ
		فَاعَلَ	مُفَاعِلٍ	مُجَاهِدٍ
		انْفَعَلَ	مُنْفَعِلٍ	مُنْكَسِرٍ
		اِفْتَعَلَ	مُفْتَعِلٍ	مُعْتَكِفٍ
		تَفَاعَلَ	مُتَفَاعِلٍ	مُتَفَاعِدٍ
		تَفَعَّلَ	مُتَفَعِّلٍ	مُتَعَلِّمٍ
		اِفْعَلَّ	مُفْعَلِّ	مُحْمَرِّ
		اسْتَفْعَلَ	مُسْتَفْعِلٍ	مُسْتَعْفِرٍ
Empat Huruf	Mujarrad	فَعَّلَلَ	مُفْعَلِّلٍ	مُدْخِرٍ
	Berimbuhan	تَفَعَّلَلَ	مُتَفَعَّلِّلٍ	مُتَخَرِّجٍ
		اِفْعَلَّلَ	مُفْعَلِّلِّ	مُطْمَئِنِّ

## ii. Şiighat Mubaalagat

Ia merupakan pola yang ditukarkan daripada kata nama pelaku untuk menunjukkan makna banyak dan berlebihan.<sup>23</sup> Ini bererti bahawa *ṣiighaṭ mubaalaghaṭ* mempunyai kata nama pelaku dan maknanya pula melebihi makna kata nama pelaku dari sudut kuantiti yang bererti lebih banyak atau dari sudut kualiti yang bererti lebih kuat, hebat dan seumpamanya.

Ia hanya diterbitkan daripada kata tiga huruf.<sup>24</sup> Pola-polanya ialah:

Jadual 3.5  
Pola *Ṣiighaṭ Mubaalaghaṭ*

Pola Masyhur	Contoh	Pola Kurang Masyhur	Contoh
فَعَّال	فَهَّار	فَعِيل	صِدِّيق
فَعُول	عَفُور ، شَكُور	مِفْعِيل	مِعْطِير
فَعِيل	سَمِيع	فُعَلَة	هُمَزَة
فَعِل	حَذِر	فَاعُول	فَارُوق
مِفْعَال	مِفْدَام	فُعَّال	جُهَّال

### iii. *Ṣifaṭ Musyabbahaṭ*

Ia merupakan pola yang dibentuk daripada kata kerja tak transitif untuk memberi makna pelaku atau empunya sesuatu itu mempunyai sifat yang tetap.<sup>25</sup> Contohnya ialah *ḥas̄n* (baik) ، *karīm* (mulia) dan sebagainya. Ini bererti bahawa ia menunjukkan kepada dua perkara utama, iaitu pertamanya ialah pelaku, pemilik, empunya sesuatu dan seumpamanya

<sup>23</sup> Al-Ḥamalaawiyy. Syadhaa al-‘Arf Fii Fann al-Ṣarf . Hal. 94.

<sup>24</sup> Al-Raajihiyy. Al-Taṭbiiq al-Ṣarfiyy. Hal. 77.

<sup>25</sup> Al-Raajihiyy. Al-Taṭbiiq al-Ṣarfiyy. Hal. 79.

dan keduanya ialah sifat yang tetap yang merupakan fokusnya. Di samping itu, ia juga tidak mempunyai kata nama pelaku. Penulis berpendapat bahawa *ṣifaṭ musyabbahaṭ* ialah kata sifat itu sendiri.<sup>26</sup>

Pola-polanya adalah seperti berikut:

Jadual 3.6  
Pola *Ṣifaṭ Musyabbahaṭ*

Kata kerja Tak Transitif	Pola	Contoh	Pola	Contoh
فَعِلَ	أَفْعَل (فَعْلَاء)	أَحْمَر	فَعْلَان (فَعْلَى)	عَطْشَان
فَعْلَ	فَعْل	حَسَن	فُعْل	جُنُب
	فُعَال	شَجَاع	فَعَال	جَبَان
	فَعُول	وَقُور	فُعَال	كُبَار
فَعِلَ ,	فَعْل	سَبَط ، ضَحْم	فِعْل	صِفْر ، مِلْح
	فُعْل	حُرّ ، صُلْب	فَعْل	فَرِح ، نَجَس
	فَعِيل	بَخِيل ، كَرِيم		

<sup>26</sup> Sekiranya dibandingkan dengan bahasa Melayu, ia menyerupai kata sifat atau adjektif.

Dari sudut makna pola secara khusus, ia adalah seperti berikut:

a- Pola أَفْعَلٌ menunjukkan makna berikut:<sup>27</sup>

- 1- Warna seperti أَحْمَرٌ ، أَبْيَضٌ .
- 2- Kecacatan luaran seperti أَعْمَى ، أَعْوَرٌ .
- 3- Perhiasan zahir seperti أَكْحَلٌ ، أَغْيَدٌ .

b- Pola فَعْلَانٌ memberi makna:

- 1- Penuh seperti شَبَعَانٌ .
- 2- Kosong seperti عَطْشَانٌ .
- 3- Kepanasan dalaman<sup>28</sup> لَهْفَانٌ ، غَضْبَانٌ .
- 4- Berlebihan/bersangatan seperti رَحْمَانٌ .

c- Pola فَعِيلٌ menunjukkan makna:<sup>29</sup>

- 1- Penyakit dan kesakitan khususnya dalaman seperti وَجِعٌ ، سَلِسٌ ، عَمٍ .
- 2- Kecacatan dalaman seperti نَكِدٌ ، شَكِسٌ .

---

<sup>27</sup> Maḥmuud ‘Ukaasyaṭ. Al-Taḥliil al-Lughawiyy Fii Ḍau’ ‘Ilm al-Dilaalaṭ. Hal. 78. Al-Saamarraa’iyy. Ma’aanii al-Abniyaṭ Fi al-’Arabiyyaṭ. Hal. 84.

<sup>28</sup> Al-Saamarraa’iyy. Ma’aanii al-Abniyaṭ Fi al-’Arabiyyaṭ. Hal. 88. ‘Abd al-’Aziiz ‘Atiiq. Al-Madkhal Ilaa ‘Ilm al-Naḥw Wa al-Ṣarf. Hal. 95.

<sup>29</sup> Maḥmuud ‘Ukaasyaṭ. Al-Taḥliil al-Lughawiyy Fii Ḍau’ ‘Ilm al-Dilaalaṭ. Hal. 77. Al-Saamarraa’iyy. Ma’aanii al-Abniyaṭ Fi al-’Arabiyyaṭ. Hal. 78.

3- Perasaan atau sifat yang kuat seperti عَسِير ، نَشِيط ، أَسِيف ، قَلِق ، بَطْر ، فَرِح .

Secara amnya, pola ini menunjukkan sifat tidak tetap, bergolak, ringan, penyakit, kecacatan dalaman dan perkara yang dibenci.<sup>30</sup>

d- Pola فَعِيل menunjukkan sifat tetap yang merupakan sifat asal, sifat hasil daripada berusaha dan kedudukan<sup>31</sup> seperti:

- طَوِيل ، قَصِير ، كَبِير
- حَكِيم ، لَيْم ، أَسِيف
- شَرِيف ، وَضِيع

Satu perkara yang menarik mengenai pola فَعِيل ini ialah sekiranya dikehendaki makna yang lebih kuat dan berlebihan ia boleh ditukar kepada pola فُعَال dan sekiranya dikehendaki makna yang lebih kuat dan berlebihan lagi ia boleh ditukar menjadi فُعَّال<sup>32</sup> seperti طَوِيل ، كَبِير yang boleh ditukar menjadi طُوَال ، كُبَّار seterusnya طُوَّال ، كُبَّار . Al-Zamakhshariyy menyatakan bahawa “كُبَّار lebih besar daripada كَبِير dan كُبَّار lebih besar daripada كُبَّار”.<sup>33</sup>

e- Pola فُعَال menunjukkan makna berlebihan seperti contoh tadi.

f- Pola فَعَال menunjukkan sifat asli dan bukan asli seperti رَزَان ، جَوَاد ، جَبَان .

g- Pola فُعَل menunjukkan makna tetap seperti حُرٌّ ، صُلْب .

---

<sup>30</sup> Al-Saamarra'iy. Ma'aanii al-Abniyaṭ Fi al-'Arabiyyaṭ. Hal. 81-83.

<sup>31</sup> Maḥmuud 'Ukaasyaṭ. Al-Taḥliil al-Lughawiyy Fii Ḍau' 'Ilm al-Dilaalaṭ. Hal. 78.

<sup>32</sup> Al-Raaziyy. Al-Tafsiir al-Kabiir. Hal. 30/142. Ibn Jinnii. Al-Khaṣaa' is. Hal. 3/267. Al-Saamarra'iy. Ma'aanii al-Abniyaṭ Fii al-'Arabiyyaṭ. Hal. 99. Maḥmuud 'Ukaasyaṭ. Al-Taḥliil al-Lughawiyy Fii Ḍau' 'Ilm al-Dilaalaṭ. Hal. 79.

<sup>33</sup> Al-Zamakhshariyy. Al-Kasysyaaf. Hal. 4/143.

h- Pola فَعَلَ juga menunjukkan sifat luaran yang tetap seperti ضَخْم .

i- Pola فَعَلَ menunjukkan sifat dalaman yang tetap seperti حَسَن .

Secara amnya, sifat musyabbahat pada dasarnya menunjukkan makna keadaan yang tetap dan berterusan sebagaimana pada warna, kecacatan dan perhiasan seperti: أَحْمَر ، أَعْمَى . Di samping itu, ia juga menunjukkan makna keadaan yang lambat hilang seperti أَكْحَل . Di samping itu, ia juga menunjukkan makna keadaan yang senang hilang seperti عَطَشَان ، شَبَعَان . Namun, ia juga mungkin menunjukkan makna keadaan yang senang hilang seperti فَرِح<sup>34</sup> . Walau bagaimanapun, ia lebih kuat dan tetap berbanding dengan kata nama terbitan yang lain.<sup>35</sup>

#### iv. Kata Nama Objek

Ia merupakan pola yang menunjukkan orang atau sesuatu yang berlaku ke atasnya sesuatu perbuatan. Polanya dari kata kerja tiga huruf mujarrad ialah مَفْعُول . Manakala polanya dari kata kerja tiga huruf berimbuhan dan kata kerja empat huruf mujarrad dan berimbuhan adalah dengan menukarkan harf muḍaara'at kepada مٌ dan dibarisataskan huruf sebelum akhir. Ia adalah seperti berikut:

Jadual 3.7

Pola Kata Nama Objek

		<b>Pola kata kerja</b>	<b>Pola Kata Nama Objek</b>
--	--	------------------------	-----------------------------

<sup>34</sup> Al-Ḥamalaawiy. Syadhaa al-‘Arf Fii Fann al-Ṣarf . Hal. 101. Al-Saamarraa’iyy. Ma‘aanii al-Abniyaṭ Fii al-‘Arabiyyaṭ. Hal. 76.

<sup>35</sup> Maḥmuud ‘Ukaasyaṭ. Al-Taḥliil al-Lughawiyy Fii Ḍau’ ‘Ilm al-Dilaalaṭ. Hal. 77.



<b>Tiga Huruf</b>	<b>Mujarrad</b>	فَعَلَ	مَفْعُولٌ
	<b>Berimbuhan</b>	أَفْعَلَ	مُفْعَلٌ
		فَعَّلَ	مُفَعَّلٌ
		فَاعَلَ	مُفَاعَلٌ
		انْفَعَلَ	مُنْفَعَلٌ
		اِفْتَعَلَ	مُفْتَعَلٌ
		تَفَاعَلَ	مُتَفَاعَلٌ
		تَفَعَّلَ	مُتَفَعَّلٌ
		اِفْعَلَّ	مُفْعَلَّلٌ
		اسْتَفْعَلَ	مُسْتَفْعَلٌ
<b>Empat Huruf</b>	<b>Mujarrad</b>	فَعَّلَلَ	مُفَعَّلَلٌ
	<b>Berimbuhan</b>	تَفَعَّلَلَ	مُتَفَعَّلَلٌ
		اِفْعَلَّلَ	مُفْعَلَّلَلٌ

Di samping itu, diperhatikan bahawa terdapat pola samaa'iy yang menunjukkan makna kata nama objek, dengan kata lain bukan dengan pola-pola qiyaasiyy tadi. Contohnya pola فَعِيلٌ seperti جَرِيحٌ dengan makna مَجْرُوحٌ, iaitu dilukai. Walaupun begitu, perkataan جَرِيحٌ lebih kuat berbanding مَجْرُوحٌ. Oleh itu, tidak dikatakan جَرِيحٌ kepada orang yang hanya luka

di jari sahaja, tetapi disebut مَحْرُوحٌ.<sup>36</sup> Begitu juga dengan رَجِيمٌ yang memberi erti مَرْجُومٌ tetapi رَجِيمٌ memberi erti bahawa yang patut dilontar tetap selama-lamanya.<sup>37</sup>

#### v. Kata Nama Tafdiil

Ia merupakan pola أَفْعَلٌ yang menunjukkan terdapat dua perkara mempunyai sifat yang sama tetapi salah satunya adalah lebih tahapnya daripada yang satu lagi seperti أَكْبَرٌ yang bererti lebih besar. Ia dibentuk daripada perkataan yang memenuhi syarat berikut:

Jadual 3.8

Syarat Pembentukan Kata Nama Tafdiil

Syarat	Contoh Perkataan Yang Tidak Menepati Syarat
Kata Kerja	مَدْرَسَةٌ
Tiga Huruf	اجْتَهَدَ
<i>Mutaşarrif</i>	لَيْسَ
Mempunyai Tahap Perbezaan	مَاتَ
<i>Taamm</i>	كَانَ
Positif	لَا يَذْهَبُ
Bukan Berpola (أفعل (فعلاء))	أَحْمَرُ
Bukan Pasif	أُكِلَ

Kata  
nama  
tafdiil  
tidak  
boleh  
dibent  
uk  
daripa

<sup>36</sup> Ibn Hisyaam. Syarḥ Syudhuur al-Zahab. Hal. 102.

<sup>37</sup> Al-Saamarra'iy. Ma'aanii al-Abniyaṭ Fi al-'Arabiyyaṭ. Hal. 61.

da bukan kata kerja, kata kerja jaamid dan kata kerja yang tidak mempunyai tahap perbezaan. Sekiranya tidak menepati syarat lain, hendaklah digunakan kata kerja bantu seperti أَشَدَّ ، أَحْسَنَ ، أَكْثَرَ dan seumpamanya, kemudian diikuti dengan maṣdar kata kerja yang tidak menepati syarat tersebut dengan *dinaṣbkannya* sebagai *tamyiiz*. Contohnya:

- أَكْثَرَ اجْتِهَادًا
- أَشَدَّ حُمْرَةً

### 3.2.2 Perbandingan Antara Struktur Utama Morfologi Arab

Perbandingan antara struktur-struktur morfologi utama ini boleh dilakukan seperti berikut:

#### 3.2.2.1 Kata Nama Pelaku Dan Şifat Musyabbahaṭ

- a- Pola kata nama pelaku adalah qiyaasiyy, manakala pola şifaṭ musyabbahaṭ adalah samaa'iy.
- b- Sekiranya sesuatu pola itu menunjukkan makna pelaku atau empunya sesuatu, tetapi bukan berpolakan kata nama pelaku (فَاعِلٍ), ia merupakan şifaṭ musyabbahaṭ. Ini bererti bahawa pola kedua-duanya adalah bersilih ganti. Dengan kata lain, sekiranya sesuatu perkataan itu mempunyai pola kata nama pelaku, maka ia tidak mempunyai pola şifaṭ musyabbahaṭ. Contohnya كَرِيمٌ merupakan şifaṭ musyabbahaṭ kerana ia tidak berpolakan فَاعِلٍ. Oleh itu, namanya yang lengkap ialah *al-şifaṭ al-musyabbahaṭ bi ism al-faa'il*.
- c- Şifaṭ musyabbahaṭ menunjukkan sifat yang tetap dan berterusan. Kata nama pelaku pula berdasarkan kata-kata ahli bahasa, nampaknya tidak terdapat keseragaman pendapat. Sebahagiannya menyatakan bahawa ia menunjukkan makna yang tidak tetap<sup>38</sup> yang

---

<sup>38</sup> Seperti dalam Emiil Badii' Ya'quub. *Mausuu'at al-Naḥw Wa al-Şarf Wa al-I'raab*. Hal. 333.

disebut الحُدُوث dan sebahagian lain menyatakan makna yang tetap.<sup>39</sup> Penulis berpendapat perbezaan ini lebih kepada perbezaan teknikal dan ungkapan bahasa. Ahli bahasa yang menyatakan makna tetap mereka sebenarnya membandingkannya dengan kata kerja khususnya kata kerja kala kini, manakala ahli bahasa yang mengatakan tidak tetap mereka sebenarnya membandingkannya dengan sifat musyabbahaṭ . Setelah meneliti berbagai pandangan ahli bahasa, penulis merumuskan bahawa kata nama pelaku menunjukkan makna yang agak tetap secara nisbiyy atau relatif tetapi tidak berterusan.

Oleh itu, pola kata nama pelaku فاعِل dikategorikan sebagai sifat musyabbahaṭ sekiranya ia memberi maksud tetap dan berterusan sama ada dari kata kerja tiga huruf atau bukan, seperti طَاهِرِ الْقَلْبِ ، مُطْمَئِنِّ الْقَلْبِ . Begitu juga, sekiranya sesuatu pola sifat musyabbahaṭ memberi makna tidak tetap, ia ditukarkan kepada pola kata nama pelaku seperti كَارِمِ الْيَوْمِ.<sup>40</sup>

### 3.2.2.2 Sifat Musyabbahaṭ dan Şiighaṭ Mubaalaghaṭ

- a- Sifat musyabbahaṭ tidak mempunyai kata nama pelaku, manakala şiighaṭ mubaalaghaṭ merupakan pola yang dibentuk daripada kata nama pelaku untuk memberi makna kuantiti atau kualiti berlebihan yang bererti bahawa ia mesti mempunyai pola kata nama pelaku. Contohnya عَفُورٌ ، سَلِيمٌ merupakan şiighaṭ mubaalaghaṭ kerana ia mempunyai dan dibentuk daripada kata nama pelaku, iaitu غَافِرٌ ، سَالِمٌ . Manakala وَفُورٌ ، كَرِيمٌ merupakan sifat musyabbahaṭ kerana ia tidak mempunyai kata nama pelaku.
- b- Şiighaṭ mubaalaghaṭ menunjukkan makna yang kadarnya melebihi kadar kata nama pelaku, manakala sifat musyabbahaṭ secara amnya menunjukkan makna tetap dan berterusan. Justeru, sifat musyabbahaṭ dan şiighaṭ mubaalaghaṭ merupakan dua pola

---

<sup>39</sup> Seperti dalam al-Saamarra'iy. Ma'aanii al-Abniyaṭ Fi al-'Arabiyyaṭ. Hal. 51.

<sup>40</sup> 'Abd al-'Aziiz 'Atiiq. Al-Madkhal Ilaa 'Ilm al-Naḥw Wa al-Şarf. Hal. 97.

yang tidak bertemu pada sesuatu perkataan. Pada dasarnya kedua-dua struktur ini mempunyai makna yang kuat.

### 3.2.2.3 Kata Nama Pelaku, Şifat Musyabbahaṭ dan Şiighaṭ Mubaalaghaṭ

- a- Kata Nama pelaku, şifaṭ musyabbahaṭ dan şiighaṭ mubaalaghaṭ semuanya menunjukkan makna pelaku atau pemilik sesuatu sifat.
- b- Perbuatan dan sifat pada kata nama pelaku adalah agak tetap secara relatif, tetapi pada şifaṭ musyabbahaṭ adalah tetap dan berterusan, sementara pada şiighaṭ mubaalaghaṭ ia adalah lebih kuat berbanding dengan kata nama pelaku.
- c- Şiighaṭ mubaalaghaṭ merupakan struktur perbandingan dengan kata nama pelaku yang kadar maknanya melebihi kadar makna kata nama pelaku. Manakala şifaṭ musyabbahaṭ merupakan struktur penggantian dengan kata nama pelaku.
- d- Pola kata nama pelaku adalah qiyaasiyy, manakala pola şifaṭ musyabbahaṭ dan şiighaṭ mubaalaghaṭ adalah samaa'iy.

### 3.2.2.4 Kata Nama Pelaku dan Kata Kerja (Kata Kerja Kala lampau dan Kala kini)

Kata Nama pelaku menunjukkan seseorang itu memang melakukan sesuatu perbuatan atau mempunyai sesuatu sifat seperti **ذَاهِبٌ ، مُجْتَهِدٌ**. Pada dasarnya ia tidak berkaitan dengan masa tertentu, kerana yang difokuskan ialah mengesahkan perlakuan itu pada seseorang. Walau bagaimana pun, kata nama pelaku yang mempunyai *ma'muul*, sekira digunakan secara *idaafat*, ia memberi maksud masa lepas dan sekiranya berfungsi dengan fungsi kata kerjanya, ia memberi maksud masa akan datang.<sup>41</sup> Contohnya :

أَنَا زَائِرٌ مُحَمَّدٍ : Saya telah menziarahi Muhammad

أَنَا زَائِرٌ مُحَمَّدًا : Saya akan menziarahi Muhammad

---

<sup>41</sup> Maḥmuud 'Ukaasyaṭ. Al-Taḥliil al-Lughawiyy Fii Ḍau' 'Ilm al-Dilaalat. Hal. 73.

Antara contohnya dari al-Quran al-Karim ialah ayat 1 surah Fatir dan ayat 30 surah al-Baqarah:



Segala pujian tertentu bagi Allah yang telah menciptakan langit dan bumi,  
yang telah menjadikan malaikat sebagai utusan-utusan yang bersayap: dua, tiga dan empat.



Ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat:

"Sesungguhnya Aku akan menjadikan seorang khalifah di bumi".

Manakala kata kerja pula menunjukkan sesuatu perbuatan dilakukan pada masa tertentu sama ada telah berlaku bagi kata kerja Kala lampau seperti ذَهَبَ atau sedang dan akan berlaku bagi kata kerja kala kini seperti يَذْهَبُ .

Kata Nama pelaku kadang-kadang menunjukkan masa yang sama dengan kata kerja kala kini sekiranya ia berfungsi dengan fungsi kata kerja seperti:

أَنَا مُشْتَرٍ الْكِتَابِ غدا

أَنَا أَشْتَرِي الْكِتَابِ غدا

### 3.2.2.5 Kata Nama Pelaku, Şifaṭ Musyabbahaṭ dan Kata Kerja Kala Kini

Pada dasarnya, kata nama pelaku menunjukkan perbuatan atau sifat pertengahan antara tetap dan berubah-ubah. Ia tidak tetap dan berterusan sebagaimana tetap dan berterusannya makna şifaṭ musyabbahaṭ dan ia juga tidak berubah-ubah sebagaimana berubahnya makna

kata kerja.<sup>42</sup> Contohnya kata nama pelaku **صَائِم** ، **قَائِم** lebih tetap dan kuat berbanding dengan kata kerja kala kini **يَصُوم** ، **يَقُوم** kerana perbuatan berdiri dan berpuasa boleh bertukar kepada perbuatan lain dengan mudah, tetapi ia tidaklah sekuat sifat **مُسَيَّبَاهُ** **طَوِيل** ، **فَصِير**.

### **3.2.2.6 Kata Nama pelaku dan Kata Nama Objek**

Kata Nama pelaku menunjukkan pelaku sesuatu perbuatan atau empunya sesuatu sifat, manakala kata nama objek menunjukkan sesuatu yang berlaku ke atasnya perbuatan.

### **3.2.2.7 Kata Kerja dan Maşdar**

Pada dasarnya kata kerja menunjukkan perbuatan dan masa. Apabila berhubung dengan ganti nama dalam banyak keadaannya, secara tidak langsungnya ia turut menunjukkan pelaku dengan ciri jantina dan bilangan. Di samping itu, ia juga turut menunjukkan aktif atau pasif dan transitif atau tak transitif. Maşdar pula hanya menunjukkan perbuatan sahaja tanpa adanya unsur masa.

### **3.2.2.8 Kata Kerja Kala Lampau dan Kata Kerja Kala Kini**

Pada dasarnya, kata kerja maadi menunjukkan perbuatan yang telah berlaku dan kata kerja kala kini menunjukkan perbuatan yang sedang dan akan berlaku. Namun, masa kedua-dua kata kerja ini boleh berubah mengikut perkataan lain yang mendahuluinya khususnya kata tugas dan konteks ayat sebagaimana yang telah dibincangkan.

### **3.2.2.9 Kata Mujarrad Dan Kata Berimbuhan**

---

<sup>42</sup> Al-Saamarra'iy. Ma'aanii al-Abniyaṭ Fi al-'Arabiyyaṭ. Hal. 47. Maḥmuud 'Ukaasyaṭ. Al-Taḥliil al-Lughawiyy Fii Ḍau' 'Ilm al-Dilaalaṭ. Hal. 71.

Kata mujarrad mempunyai makna leksikal, tetapi kata berimbuhan mempunyai makna leksikal dan makna morfologi seperti menukarkan jenis tak transitif kepada transitif, kesalingan, menggunakan, meminta, berpandangan dan lain-lain lagi sebagaimana yang telah dibincangkan.

### **3.3 Pemilihan Struktur Morfologi dalam al-Quran al-Karim**

Pemilihan struktur morfologi dalam al-Quran al-Karim boleh dilihat dari dua sudut:

- a- Antara struktur morfologi dalam kategori yang sama.
- b- Antara struktur morfologi dalam kategori yang berlainan.

#### **3.3.1 Pemilihan Struktur Morfologi dari Kategori yang Sama**

Pemilihan struktur morfologi dari kategori yang sama dapat dilihat melalui pelbagai tajuk sama ada kata nama atau kata kerja seperti berikut:

##### **3.3.1.1 Antara Jenis dan Pola Jamak**

Sebagaimana dinyatakan bahawa bentuk jamak dalam bahasa Arab ada tiga jenis: jamak mudhakkar saalim, jamak mu'annath saalim dan jamak taksiiir. Kadang-kadang sesuatu perkataan itu mempunyai lebih daripada satu jenis dan pola jamak. Contohnya perkataan **الْمَيِّت** yang mempunyai jamaknya: **الْمَيِّتُونَ ، الأَمْوَات ، المَوْتَى** yang memberi makna orang mati. Namun, ketiga-tiga perkataan ini yang berlainan polanya digunakan dalam al-Quran al-Karim dengan makna yang lebih khusus. Perkataan **المَوْتَى** disebut dalam al-Quran al-Karim sebanyak 17 kali dengan memberi makna kematian sebenar dan termasuk dalam kategori pola yang menunjukkan perkara-perkara yang tidak disukai oleh manusia dan




menimpa mereka sebagai dugaan seperti perkataan *جَزَى* ، *هَلَكَى* ، *مَرْضَى* sebagaimana disebut oleh ahli-ahli nahu seperti al-Khaliil.<sup>43</sup> Contohnya ialah:



Maksudnya: *Ketika Ibrahim berkata: "Wahai Tuhanku! Perlihatkanlah kepadaku bagaimana Engkau menghidupkan makhluk-makhluk yang mati?"*

Perkataan *الْأَمْوَات* pula digunakan kepada orang yang mati sebenar dan mati maknawi, manakala perkataan *الْمَيِّتُونَ* pula digunakan kepada orang yang tidak mati, tetapi akan menemui kematian.<sup>44</sup> Contohnya ialah ayat 22 surah Fatir, ayat 169 surah Ali Imran dan ayat 30 surah al-Zumar:



Maksudnya: *Tidak sama orang-orang yang hidup dengan orang-orang yang mati. Sesungguhnya Allah dapat menjadikan sesiapa yang dikehendaki-Nya mendengar (ajaran Kitab Allah) dan engkau tidak dapat menjadikan orang-orang di dalam kubur mendengarnya.*



Maksudnya: *Jangan sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang dibunuh pada jalan Allah itu mati, bahkan mereka hidup di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki.*



<sup>43</sup> Muḥammad al-Amiin. Al-I'jaaz al-Bayaaniiy Fii Şiyagh al-Alfaaz. Hal. 159-160.


<sup>44</sup> Al-Saamarraa'iy. Ma'aanii al-Abniyaṭ Fii al-'Arabiyyaṭ. Hal. 132.

Maksudnya: *Sesungguhnya engkau akan mati dan sesungguhnya mereka juga akan mati.*

Contoh lain ialah perkataan خَازِنُونَ dalam bentuk jamak mudhakkar saalim dan خَزَنَةٌ dalam bentuk jamak taksiiir. Al-Quran al-Karim menggunakan kedua-dua perkataan ini yang berasal dari خَزَرَ yang bererti menyimpan dan mengawal dengan sedikit perbezaan maknanya. Contohnya ialah 22 surah al-Hijr dan ayat 49 surah Ghafir:



Maksudnya: *Kami telah tiupkan angin untuk tujuan pendebungan, maka Kami turunkan hujan dari langit, lalu Kami beri minum air itu kepadamu. Kamu sekali-kali bukanlah orang yang menyimpannya.*



Maksudnya: *Orang-orang yang berada dalam neraka berkata kepada penjaga-penjaga neraka Jahanam: "Mohonkanlah kepada Tuhanmu supaya dia meringankan azab dari kami barang sehari".*

Faadhil Saalih berpendapat perbezaan antara kedua-duanya ialah خَازِنِينَ (mengandung makna perbuatan, berbanding dengan خَزَنَةٌ yang tidak menunjukkan makna perbuatan, tetapi makna kata nama sahaja, iaitu nama kepada sekumpulan malaikat yang diamanahkan untuk menjaga neraka).<sup>45</sup>

<sup>45</sup> Al-Saamarraa' iyy. Ma'aani al-Abniyaṭ Fii al-'Arabiyyaṭ. Hal. 146.

Diperhatikan bahawa Al-Quran al-Karim menggunakan jenis-jenis jamak, iaitu jamak mudhakkar saalim, jamak mu'annath saalim dan jamak taksiir terutamanya pada perkataan yang mempunyai lebih daripada satu jenis jamak dengan makna yang khusus seperti jenis makna dan maksud perbuatan perkataan tersebut.

Sebagaimana al-Quran al-Karim menggunakan jenis-jenis jamak dengan makna yang khusus, begitulah juga ia menggunakan pola-pola jamak taksiir dengan makna khusus yang tersendiri khususnya bagi sesuatu perkataan yang kadang-kadang mempunyai lebih daripada satu pola jamak. Contohnya ialah perkataan السُّجُود dan السُّجَّد seperti dalam ayat 29 surah al-Fath dan 125 surah al-Baqarah:

﴿مَنْ جَاءَكَ مِنْكُمْ فَعَدَا غُرَبَاءَهُمْ فَوَضِعَ لِحِقَابِهِمْ كِتَابًا مُوقَظًا عَلَيْهِمْ فَأُولَٰئِكَ أَسْرَابُهُمْ ۚ وَإِذْ تَبَرَأْتَ مِنَ الْعَدُوِّ فَذَكَرْنَا لَكَ إِحْسَانًا مِّمَّا كَانَتْ تَأْتِيكُمُ الْمُنَافِقَةُ قَالُوا لِمَ تُؤَدُّ يَدَكَ لِجُنُودِهِمْ أَتَقُولُ أَن بَدَأَهُمُ اللَّهُ ۚ قُلْ أُولَٰئِكَ أَطْرَابُهُمْ ۚ قَدْ ظَلَمُوا غَيْرَ بَعِيدٍ﴾

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا جَاءَكُمُ الْمُنَافِقَةُ فَاقْضِیْ إِلَيْهَا مَّا رِزَقْتُم مِّنَ اللَّهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ﴾

Maksudnya: Muhammad yang merupakan Rasul Allah dan orang-orang yang bersamanya bersikap tegas terhadap orang-orang kafir dan sebaliknya bersikap kasih sayang sesama mereka. Engkau melihat mereka sangat banyak rukuk dan sujud dengan mengharapakan limpah kurnia dari Allah serta keredaan-Nya. Tanda kebaikan mereka terdapat di wajah mereka dari kesan sujud.

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا جَاءَكُمُ الْمُنَافِقَةُ فَاقْضِیْ إِلَيْهَا مَّا رِزَقْتُم مِّنَ اللَّهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ﴾

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا جَاءَكُمُ الْمُنَافِقَةُ فَاقْضِیْ إِلَيْهَا مَّا رِزَقْتُم مِّنَ اللَّهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ﴾

Maksudnya: *Ketika Kami jadikan Baitullah itu tempat tumpuan bagi umat manusia dan tempat yang aman. Jadikanlah Maqam Ibrahim itu tempat sembahyang. Kami perintahkan kepada Ibrahim dan Ismail: "Bersihkanlah Rumahku untuk orang-orang yang bertawaf, orang-orang yang beriktikaf dan orang-orang yang rukuk serta sujud.*

Perkataan  $\text{س} \text{ج} \text{و} \text{ب} \text{و} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{ل} \text{ل} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{و}$  memberi makna sujud zahir yang dapat dilihat dengan mata,<sup>46</sup> tetapi perkataan  $\text{ع} \text{ب} \text{و} \text{ل} \text{ل} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{و} \text{ب} \text{و} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{ل} \text{ل} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{و}$  menunjukkan makna sujud maknawi, iaitu khusyu` dan ia hanya digunakan pada dua tempat sahaja dalam al-Quran al-Karim.<sup>47</sup>

Diperhatikan bahawa perbezaana antara kedua-dua pola tersebut, iaitu  $\text{فُعَل}$  dan  $\text{فُعُول}$  ialah dari sudut zahir dan maknawi. Antara pola yang menunjukkan perbezaan tersebut juga ialah  $\text{فِعَال}$  yang menunjukkan perkara zahir/metarial dan  $\text{فُعَلَاء}$  yang menunjukkan perkara maknawi.<sup>48</sup> Antara contohnya ialah perkataan  $\text{ضِعَاف}$  dan  $\text{ضُعَفَاء}$  seperti dalam ayat 9 surah al-Nisa' dan ayat 266 surah al-Baqarah:

$\text{س} \text{ج} \text{و} \text{ب} \text{و} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{ل} \text{ل} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{و} \text{ب} \text{و} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{ل} \text{ل} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{و}$   
 $\text{ع} \text{ب} \text{و} \text{ل} \text{ل} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{و} \text{ب} \text{و} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{ل} \text{ل} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{و}$   
 $\text{ع} \text{ب} \text{و} \text{ل} \text{ل} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{و} \text{ب} \text{و} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{ل} \text{ل} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{و}$   
 $\text{س} \text{ج} \text{و} \text{ب} \text{و} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{ل} \text{ل} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{و} \text{ب} \text{و} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{ل} \text{ل} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{و}$   
 $\text{ع} \text{ب} \text{و} \text{ل} \text{ل} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{و} \text{ب} \text{و} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{ل} \text{ل} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{و}$


Maksudnya: *Hendaklah takut orang-orang yang jika ditakdirkan mereka meninggalkan keturunan yang lemah selepas mereka. Mereka merasa bimbang terhadap keturunan mereka. Oleh itu, hendaklah mereka bertaqwa kepada Allah dan hendaklah mereka mengatakan kata-kata yang betul.*

$\text{س} \text{ج} \text{و} \text{ب} \text{و} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{ل} \text{ل} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{و} \text{ب} \text{و} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{ل} \text{ل} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{و}$   
 $\text{ع} \text{ب} \text{و} \text{ل} \text{ل} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{و} \text{ب} \text{و} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{ل} \text{ل} \text{ع} \text{ب} \text{و} \text{و}$

<sup>46</sup> Al-Zarkasyiyy. Al-Burhaan. Hal. 3/250. Lihat juga: Ibn al-Qayyim. Badaa'ii' al-Fawaa'id. Hal. 1/60-66.

<sup>47</sup> Al-Saamarraa'iyy. Ma'aanii al-Abniyaṭ Fii al-'Arabiiyyaṭ. Hal. 153-154.

<sup>48</sup> Ibid. Hal. 167.



Maksudnya: Adakah seseorang antara kamu suka mempunyai sebuah kebun dari pokok tamar dan anggur yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Da juga mempunyai dalam kebun itu segala jenis buah-buahan, sedang dia sudah tua dan mempunyai keturunan yang lemah, lalu kebun itu ditimpa oleh angin taufan yang membawa api sehingga ia terbakar. Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu keterangan-keterangan semoga kamu berfikir.


Mengikut Faadhil Saalih perkataan *ضِعَاف* dalam ayat pertama bermaksud kelemahan zahir/metarial, iaitu mereka memerlukan kepada harta. Sebaliknya *ضُعَفَاء* dalam ayat kedua bermaksud kelemahan maknawi, iaitu tidak melakukan sesuatu. Buktinya ialah bapa mereka mempunyai kebun yang penuh dengan buah-buahan yang memerlukan kepada orang yang menguruskannya.<sup>49</sup>

Muhammad al-Amiin al-Khudariyy menyatakan bahawa bunyi pola *ضُعَفَاء* membantu menunjukkan makna sangat lemah, iaitu pemanjangan bunyi mad yang sesuai dengan konteks gambaran berlebihan dalam ayat tersebut.<sup>50</sup> Penulis ingin menambah bawa bunyi baris hadapan atas *ض* juga membantu menunjukkan makna kelemahan maknawi ini kerana baris hadapan merupakan baris yang paling susah disebut, ditambah pula dengan beradanya baris tersebut di atas satu huruf yang paling susah disebut, iaitu *ض* .


<sup>49</sup> Al-Saamarra' iyy. Ma'aanii al-Abniyaṭ Fii al-'Arabiyyaṭ. Hal. 168.

<sup>50</sup> Muhammad al-Amiin. Al-I'jaaz al-Bayaani Fii Siyagh al-Alfaaz. Hal. 190.

Antara pola yang menarik untuk dianalisis ialah *فَعَّال* dan *فَعَّلَة* seperti *كُفَّار* dan *كَفَّرَة* dalam ayat 29 surah al-Fath dan ayat 40-42 surah Abasa:



Maksudnya: *Muhammad yang merupakan Rasul Allah dan orang-orang yang bersamanya bersikap tegas terhadap orang-orang kafir dan sebaliknya bersikap kasih sayang sesama mereka.*



Maksudnya: *Wajah-wajah pada hari itu penuh berdebu. Ia diliputi oleh warna hitam legam. Mereka itulah orang-orang kafir yang derhaka.*


Perkataan *كُفَّار* berpolakan *فَعَّال* yang menunjukkan maksud bersangatan, maka ia menunjukkan sifat kufur yang sangat kuat dan ia sesuai dengan perkataan *أَشِدَّاء* yang bermaksud orang-orang mukmin yang bersifat tegas, berbanding dengan perkataan *كَفَّرَة* yang konteks ayatnya tidak menunjukkan makna bersangatan.<sup>51</sup> Oleh itu, didapati dalam al-Quran al-Karim perkataan *كُفَّار* banyak digunakan dengan makna kufur yang berlawanan dengan iman, sementara *كَفَّرَة* banyak digunakan dengan makna kufur nikmat.<sup>52</sup> Rumusannya pola *فَعَّال* menunjukkan maksud bersangatan, berbanding dengan *فَعَّلَة* yang menunjukan maksud tahap biasa.<sup>53</sup>

<sup>51</sup> Muhammad al-Amiin. Al-I'jaaz al-Bayaani Fii Siyagh al-Alfaaz. Hal. 194.

<sup>52</sup> Abuu al-Baqaa'. Al-Kulliyyaat. Hal. 305.


<sup>53</sup> Sehubungan dengan itu, kita dapat menyatakan bahawa perbezaan antara *طَلَّاب* dan *طَلَّبة* adalah pada tahap pembelajaran, iaitu tahap pembelajaran yang sungguh dan rajin bagi *طَلَّاب* dan tahap biasa bagi *طَلَّبة*.

Dalam pada itu, dalam ayat tadi juga diperhatikan bahawa perkataan أَشِدَّاءَ menunjukkan sifat ketegasan yang berkaitan dengan sifat dalaman, sesuai dengan bunyi polanya yang kuat. Di samping itu, terdapat perkataan شِدَاد yang merupakan jamak juga, tetapi ia merujuk kepada sifat jasmani dan luaran<sup>54</sup> seperti dalam ayat 6 surah al-Tahrim:



Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya adalah manusia dan batu. Neraka itu dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras dan tegas yang tidak menderhaka kepada Allah dalam apa sahaja yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan mereka tetap melakukan apa sahaja yang diperintahkan.*


Contoh lain ialah perkataan العِيُونُ dan الأَعْيُنُ . Menurut Faaḍil al-Saamarraa’iyy perkataan العِيُونُ disebut dalam al-Quran al-Karim sebanyak 10 kali, semuanya dengan makna mata air dan perkataan الأَعْيُنُ disebut sebanyak 22 kali dengan makna mata penglihatan yang 18 kali daripadanya digunakan dengan makna mata hakiki dan 4 kali dengan makna memelihara dan mengambil perhatian sebagai makna majazi.<sup>55</sup> Contohnya ialah ayat 45 surah al-Hijr dan ayat 74 surah al-Furqan:



Maksudnya: *Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa ditempatkan di dalam beberapa taman syurg dengan mata air (yang terpancar padanya).*

<sup>54</sup> Al-Saamarraa’iyy. Ma’aani al-Abniyaṭ Fii al-’Arabiyyaṭ. Hal. 169.


<sup>55</sup> Al-Saamarraa’iyy. Ma’aani al-Abniyaṭ Fii al-’Arabiyyaṭ. Hal. 140-141.




Maksudnya: "Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami dari isteri-isteri dan keturunan kami perkara-perkara yang sejuk mata memandang dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang bertaqwa."

Dalam mentafsirkan ayat yang kedua, al-Zamakhshariyy menyatakan: (Disebut الأَعْيُنُ bukannya الأَعْيُونُ kerana yang dimaksudkan ialah mata orang-orang bertaqwa dan ia adalah sedikit berbanding dengan mata orang-orang lain).<sup>56</sup>

Alasan al-Zamakhshariyy ini membawa kita untuk membincangkan satu isu penting yang disebut oleh ahli nahu, iaitu jamak qillat dan jamak kathrat. Diperhatikan bahawa al-Quran al-Karim menggunakan pola kedua-dua jenis tersebut untuk menunjukkan bilangan sedikit atau banyak mengikut kesesuaian konteks ayat. Ini dapat dilihat dengan jelas sekiranya dibuat perbandingan antara dua ayat yang mengandungi perkataan yang sama tetapi dengan dua pola yang berlainan. Contohnya ialah perkataan أَبْحُرُ dan بِحَارٍ seperti dalam ayat 27 surah Luqman dan ayat 3 surah al-Infitar:



Maksudnya: *Seandainya pohon-pohon di bumi menjadi pena dan laut (yang dijadikan tintanya) ditambahkan kepadanya tujuh laut lagi sesudah (kering)nya, nescaya tidak akan habis kalimah Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.*




<sup>56</sup> Al-Zamakhshariyy. Al-Kasysyaaf. Hal. 3/102



Maksudnya: Apabila lautan diletupkan

Dalam ayat tadi (digunakan أَبْحُرُ untuk menunjukkan sedikit kerana ia tujuh... dan digunakan بِحَارٍ untuk menunjukkan banyak kerana semua laut akan memancar dan meletup pada hari qiamat).<sup>57</sup> Ini memberi isyarat bahawa kalimah Allah SWT tidak akan habis walaupun hanya menggunakan dakwat tujuh lautan sahaja, tetapi pada hari berlaku qiamat semua laut tanpa terkecuali akan memancar dan meletup.

Dalam ayat tadi juga, digunakan perkataan الْكَلِمَاتُ yang merupakan jamak qillat. Tujuannya adalah untuk menyatakan bahawa kalimah Allah SWT walaupun sedikit sahaja tidak akan habis, maka lebih-lebih lagilah dalam keadaan ianya banyak.<sup>58</sup> Demikianlah juga dengan perkataan sama dalam ayat 27 surah al-Kahfi:



Maksudnya: Bacalah apa yang diwahyukan kepadamu dari Kitab Tuhanmu.

Tiada siapa yang dapat mengubah kalimah-kalimah-Nya

dan engkau tidak sekali-kali akan mendapat tempat perlindungan selain daripada-Nya.

Penggunaan perkataan الْكَلِمَاتُ dalam bentuk jamak qillat di sini adalah untuk mengisyaratkan bahawa tiada siapa yang mampu mengubah sedikit pun daripada kalimah Allah SWT.<sup>59</sup> Namun dalam menceritakan mengenai perbuatan orang Yahudi yang mengubah kitab Taurat, al-Quran al-Karim menggunakan jamak kathrat, iaitu الْكَلِمِ untuk menunjukkan bahawa bilangannya yang diubah adalah banyak<sup>60</sup> seperti dalam ayat 41 surah al-Ma'idah:

<sup>57</sup> Al-Saamarra'iy. Ma'aani al-Abniyat Fii al-'Arabiyyat. Hal. 136.

<sup>58</sup> Al-Baiḍaawiy. Anwaar al-Tanziil. Hal. 2/183.

<sup>59</sup> Muḥammad al-Amiin. Al-I'jaaz al-Bayaaniyy Fii Şiyagh al-Alfaaz. Hal. 156.

<sup>60</sup> Ibid. Hal. 157.



berbanding dengan pembunuhan setelah zaman Nabi Musa sehingga zaman Nabi Muhammad SAW. Oleh itu, digunakan jamak qillaṭ dalam ayat yang ditujukan kepada kaum Nabi Musa dan jamak kathraṭ dalam ayat yang ditujukan kepada umat Nabi Muhammad SAW.<sup>61</sup>

Antara contoh yang menarik untuk dianalisis dalam konteks ini ialah perkataan سَبَائِل dalam bentuk jamak kathraṭ dan سُنْبُلَات dalam bentuk jamak qillaṭ seperti dalam ayat 261 surah al-Baqarah dan ayat 46 surah Yusuf:



Maksudnya: Perumpamaan orang-orang yang menafkahkan harta mereka di jalan Allah adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai yang pada setiap tangkai itu terdapat seratus biji. Allah melipatgandakan (ganjaran) bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha luas (kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui.



Maksudnya: "Wahai Yusuf, orang yang amat dipercayai! Terangkanlah kepada kami tentang maksud tujuh ekor lembu betina yang gemuk-gemuk dan dimakan oleh tujuh ekor lembu betina yang kurus-kurus dan tujuh tangkai (gandum) yang hijau dan lainnya yang kering, semoga aku dapat kembali kepada orang-orang itu dan semoga mereka mengetahuinya."


<sup>61</sup> Muḥammad al-Amiin. Al-I'jaaz al-Bayaaniyy Fii Şiyagh al-Alfaaz. Hal. 144.

Dalam ayat al-Baqarah digunakan سَنَابِلَ dalam bentuk jamak kathraṭ kerana konteks ayat adalah mengenai membelanjakan harta dan tujuannya adalah untuk mengisyaratkan terdapat gandaan yang banyak terhadap orang membelanjakan harta mereka dengan ikhlas, manakala dalam ayat Yusuf digunakan سُنْبُلَاتٍ dalam bentuk jamak qillaṭ kerana tujuh adalah sedikit dan tiada sebab untuk menggunakan isyarat banyak.<sup>62</sup>

Contoh lain ialah jamak perkataan النَّعْمَ iaitu الْأَنْعَامُ sebagai jamak qillaṭ dan النَّعْمَ sebagai jamak kathraṭ yang digunakan dalam ayat-ayat 20 surah Luqman, ayat 120-121 dan 112 surah al-Nahl:



Maksudnya: *Tidakkah kamu perhatikan bahawa Allah telah memudahkan untuk kamu apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi dan telah melimpahkan kepada kamu nikmat-nikmat-Nya yang zahir dan yang batin?*



Maksudnya: *Sesungguhnya Ibrahim merupakan "satu umat" yang tunduk kepada Allah, teguh atas tauhid dan dia bukanlah daripada golongan musyrik serta sentiasa bersyukur atas nikmat-nikmat-Nya. Allah telah memilihnya dan memberi petunjuk kepadanya ke jalan yang lurus.*

<sup>62</sup> Ibn al-Qayyim. Al-Tafsir al-Qayyim. Hal. 154. 173. ‘Abd al-Fataah Fayyud. Min Balaaghah al-Nazm al-Qur’aaniyy. Hal. 322.



Maksudnya: Allah memberikan satu perumpamaan, iaitu sebuah negeri yang aman damai, tenteram dan diberikan rezeki yang mewah dari tiap-tiap tempat, kemudian penduduknya kufur nikmat-nikmat Allah, maka Allah merasakannya dengan kelaparan dan ketakutan yang meliputi keseluruhannya disebabkan apa yang mereka telah lakukan.

Digunakan jamak kathraṭ النِّعَم dalam ayat pertama dalam konteks pemberian nikmat dan jamak qillaṭ الأَنْعَم dalam ayat kedua dalam konteks mensyukuri nikmat adalah untuk mengisyaratkan bahawa nikmat Allah SWT tidak terhingga dan terhitung banyaknya dan manusia tidak mampu mensyukuri kesemuanya, tetapi yang mampu disyukuri hanya sebahagian sahaja.<sup>63</sup> Penggunaan jamak qillaṭ dalam ayat kedua ini juga menggambarkan bahawa Nabi Ibrahim AS tidak bakhil dan jemu daripada mensyukuri nikmat yang sedikit, apatah lagi dengan nikmat yang banyak.<sup>64</sup> Manakala penggunaan jamak qillaṭ dalam ayat ketiga pula adalah untuk menceritakan bahawa penduduk tempat tersebut mengkufuri nikmat Allah SWT yang sedikit, lalu mereka dibalas dengan balasan yang dahsyat. Ini mengisyaratkan bahawa betapa dahsyatnya balasan Allah SWT apabila kekufuran itu dilakukan terhadap nikmat-Nya yang banyak.<sup>65</sup>

<sup>63</sup> Al-Saamarra' iyy. Al-Ta'biir al-Qur'aaniyy. Hal. 40.

<sup>64</sup> Abuu al-Su'uud. Irsyaad al-'Aql al-Saliim Ilaa Mazaayaa al-Qur'aan al-Kariim. Hal. 5/149. Taalib Muḥammad. Al-Balaaghaṭ al-'Arabiyyat, 'Ilm al-Ma'aanii Baina Balaaghaṭ al-Qudaamaa Wa Usluubiyyat al-Muḥdathiin. Hal. 47.

<sup>65</sup> Abuu al-Su'uud. Irsyaad al-'Aql al-Saliim Ilaa Mazaayaa al-Qur'aan al-Kariim. Hal. 5/145.

Antara perkataan yang menarik untuk dianalisis ialah perkataan **إِخْوَانٌ** dan **إِخْوَانٌ**. Pada dasarnya, perkataan **إِخْوَانٌ** digunakan untuk saudara dalam konteks hubungan keturunan (adik beradik) dan perkataan **إِخْوَانٌ** digunakan untuk saudara dalam konteks hubungan persahabatan.<sup>66</sup> Ia sesuai dengan pola masing-masing, iaitu **إِخْوَانٌ** sebagai jamak qillat dan **إِخْوَانٌ** sebagai jamak kathrat kerana saudara keturunan memang sedikit sedikit berbanding dengan saudara persahabatan.

Dalam al-Quran al-Karim, semua perkataan **إِخْوَانٌ** disebut dengan makna saudara keturunan kecuali satu ayat sahaja, iaitu ayat 10 surah al-Hujurat:

﴿إِخْوَانٌ لِّمَنْ آمَنَ يَأْتِيهِمْ أَمْوَالٌ خَالِصَةٌ مِّنْ بَيْنِ يَدَيْهِمْ لِيُنْفِقُوهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنْتُمْ تآمِنُونَ  
 وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ نَسْأَلُكَ بِرَبِّكَ إِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ نَسْأَلُكَ بِرَبِّكَ إِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ  
 نَسْأَلُكَ بِرَبِّكَ إِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ نَسْأَلُكَ بِرَبِّكَ إِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ  
 نَسْأَلُكَ بِرَبِّكَ إِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ نَسْأَلُكَ بِرَبِّكَ إِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ  
 نَسْأَلُكَ بِرَبِّكَ إِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ نَسْأَلُكَ بِرَبِّكَ إِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ

Maksudnya: *Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara,  
 maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu,  
 dan bertaqwalah kepada Allah semoga kamu diberi rahmat.*

Ini bertujuan untuk mengisyaratkan hubungan yang rapat dan kasih sayang yang kukuh antara orang-orang Islam menyamai hubungan persaudaraan keturunan.<sup>67</sup> Sememangnya Islam sangat mengambil berat dan memberi penekanan yang besar kepada hubungan persaudaraan Islam sebagaimana terdapat dalam banyak ayat al-Quran al-Karim dan Hadith Nabi SAW.

Dalam pada itu, perkataan **إِخْوَانٌ** pula disebut dalam al-Quran al-Karim sebanyak 22 kali yang sebahagiannya dengan erti sahabat dan sebahagiannya dengan erti saudara keturunan. Persolannya kenapa digunakan dengan makna saudara keturunan? Sebabnya ialah ia

<sup>66</sup> Ibn Manzuur. Lisan al-‘Arab. Hal. 14/20. Lihat juga: Muḥammad al-Amiin. Al-I‘jaaz al-Bayaaniyy Fii Şiyagh al-Alfaaz. Hal. 180.  
<sup>67</sup> Muḥammad al-Amiin. Al-I‘jaaz al-Bayaaniyy Fii Şiyagh al-Alfaaz. Hal. 181.

diajukan kepada keseluruhan orang mukmin, bukannya kepada individu, maka sesuai digunakannya dalam bentuk jamak kathraṭ yang mengisyaratkan bilangan yang banyak.<sup>68</sup>

Berdasarkan analisis ini, penulis ingin membuat satu pemerhatian yang penting berkaitan metodologi kajian bahasa, iaitu sesuatu pola atau struktur bahasa memang digunakan dalam al-Quran al-Karim dengan makna tertentu dari sudut bahasanya, tetapi sekiranya ia digunakan dengan makna yang berbeza, maka ketika itu ia harus dilihat dari sudut lain, terutamanya tujuan-tujuan balaghahnya. Begitu juga, sekiranya sesuatu pola atau struktur bahasa itu digunakan dalam al-Quran al-Karim dengan kadar yang banyak, maka ia menunjukkan makna dan kaedahnya yang umum dan menyeluruh. Namun, sekiranya terdapat pola atau struktur bahasa lain turut digunakan, tetapi dengan kadar yang sedikit, maka ia harus dilihat dan ditafsir dari sudut lain, khususnya balaghah.

Berbalik kepada persoalan jamak qillaṭ dan kathraṭ, diperhatikan bahawa al-Quran al-Karim kadang-kadang menggunakannya bukan untuk merujuk kepada bilangan sedikit atau banyak, tetapi untuk tujuan balaghah tertentu. Dalam konteks jamak qillaṭ, antara tujuan balaghahnya ialah menghina dan memandang remeh seperti perkataan الأَنْفُس dalam bentuk jamak qillaṭ yang disebut sebanyak 133 kali dalam al-Quran al-Karim yang kebanyakannya adalah berkaitan dengan orang kafir atau zalim. Tujuannya adalah untuk menyatakan kehinaan jiwa dan perbuatan mereka dan meremehkan peranan mereka dalam membentuk kehidupan yang baik.<sup>69</sup> Antara ayat-ayat tersebut ialah ayat 44 dan 54 surah al-Baqarah:



<sup>68</sup> Al-Saamarra'iy. Ma'aani al-Abniyaṭ Fii al-'Arabiyyaṭ. Hal. 137-138.

<sup>69</sup> Muḥammad al-Amiin. Al-I'jaaz al-Bayaaniyy Fii Şiyagh al-Alfaaz. Hal. 148.

Maksudnya: *Patutkah kamu menyuruh orang lain melakukan kebaikan, sedangkan kamu lupa diri kamu sendiri dan kamu membaca Kitab. Tidakkah kamu berfikir?*

Maksudnya: *Ingatlah ketika Musa berkata kepada kaumnya: " Wahai kaumku! Sesungguhnya kamu telah menzalimi diri kamu sendiri kerana kamu menyembah patung anak lembu itu, maka bertaubatlah kamu kepada Allah yang menjadikan kamu dengan bunuhlah diri kamu. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu di sisi Allah yang menjadikan kamu, maka Dia mengampunkan kamu. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani".*


Dalam konteks jamak kathrat pula, antara tujuan balaghahnya adalah untuk menunjukkan buruk dan dahsyat sesuatu seperti ayat 6 surah al-Haaqqah:

Maksudnya: *Adapun kaum 'Ad, mereka telah dibinasakan dengan angin ribut yang sangat kencang. Allah mengarahkannya tujuh malam lapan hari terus-menerus, maka engkau melihat kaum itu bergelimpangan mati seperti batang-batang pohon kurma yang lompong.*



Digunakan jamak kathraṭ untuk tujuh siang ﴿ٱلْجِبَالُ﴾ dan lapan malam ﴿ٱلْجِبَالُ﴾ untuk menggambarkan buruk dan dahsyatnya balasan dan siksaan Allah SWT terhadap kaum Thamud yang menunjukkan kemurkaan dan balasan-Nya.<sup>70</sup>

Kadang-kadang digunakan jamak kathraṭ untuk menunjukkan kebesaran dan kehebatan seperti ayat 62 surah Yusuf:



Maksudnya: *Yusuf berkata kepada orang-orang suruhannya. "Masukkanlah barang-barang dagangan mereka dalam kenderaan mereka, semoga mereka mengetahuinya kelak ketika mereka kembali kepada keluarga mereka dan semoga mereka datang lagi".*

Digunakan jamak kathraṭ الْفِئْتَانِ untuk menggambarkan kebesaran raja tersebut.<sup>71</sup>

Diperhatikan bahawa al-Quran al-Karim menggunakan pola-pola jamak taksiir terutamanya bagi perkataan yang mempunyai lebih daripada satu pola jamak dengan makna khusus yang tersendiri seperti lahiriah atau maknawiah, tahap, kadar bilangan sedikit atau banyak, maksud-maksud balaghah seperti penghinaan, keburukan dan kehebatan.

### 3.3.1.2 Antara Pola-Pola Maṣḍar

Sebagaimana disebut sebelum ini bahawa maṣḍar ialah perkataan yang menunjukkan perbuatan tanpa masa tertentu. Polanya adalah berdasarkan kata kerjanya sama ada mujarrad atau berimbuhan. Bagi kata kerja mujarrad terdapat maṣḍar yang hanya mempunyai satu bentuk sahaja dan dalam hal ini tidak berlaku isu pemilihan polanya.

<sup>70</sup> Muḥammad al-Amiin. Al-I'jaaz al-Bayaaniiyy Fii Şiyagh al-Alfaaz. Hal. 165.

<sup>71</sup> Ibid. Hal. 171.

Namun, terdapat maṣḍar yang mempunyai lebih daripada satu maṣḍar. Persoalannya apakah al-Quran al-Karim menggunakan kesemuanya dengan makna yang sama? Sekiranya tidak sama, apakah sudut perbezaan antara pola-pola tersebut?

Sekiranya diteliti bentuk-bentuk maṣḍar ini didapati bahawa ia mempunyai dua jenis pola, iaitu:

- a- Pola-pola yang berbeza huruf dan baris.
- b- Pola-pola yang berbeza baris sahaja.

Antara contoh maṣḍar jenis pertama ialah الصَّيَّام dan الصَّوْم . Perkataan الصَّيَّام disebut sebanyak 9 kali dengan makna puasa, tetapi perkataan الصَّوْم disebut hanya sekali sahaja dengan makna diam<sup>72</sup> dalam ayat 26 surah Maryam:



Maksudnya: *Sesungguhnya aku bernazar diam membisu kerana Allah, maka aku tidak akan bercakap dengan sesiapa pun dari kalangan manusia pada hari ini.*

Perkataan صام pada asalnya bererti menahan, maka perkataan الصَّوْم digunakan dengan makna yang khusus, iaitu menahan diri daripada bercakap dan perkataan الصَّيَّام pula digunakan dengan makna khusus dari sudut lain, iaitu menahan diri daripada makan dan minum serta perkara-perkara yang membatalkan puasa.

Contoh lain ialah العداوة ، العُدْوَان ، العُدُوّ yang bererti permusuhan. Dalam al-Quran al-Karim disebut العداوة sebanyak 6 kali, العُدْوَان 8 kali dan العُدُوّ sekali. Perkataan العداوة digunakan berkaitan dengan hati dan العُدْوَان digunakan berkaitan dengan anggota dan

<sup>72</sup> Al-Saamarra'yy. Ma'aanii al-Abniyaṭ Fii al-'Arabiyyaṭ. Hal. 21-22.

perbuatan. Oleh itu, العداوة dikaitkan dengan kebencian dan العُدوان dikaitkan dengan dosa. Manakala العُدُو pula digunakan berkaitan dengan kesalahan terhadap Allah SWT.<sup>73</sup>

Contoh العداوة ialah ayat 34 surah Fussilat:



Maksudnya: *Tidaklah sama antara yang baik dan yang jahat. Tolaklah (kejahatan) dengan cara yang lebih baik, maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib.*

Contoh العُدوان ialah ayat 85 surah al-Baqarah:




Maksudnya: *Kemudian kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri dan kamu usir satu puak dari kaum kamu keluar dari kampung mereka. Kamu juga saling bantu-membantu untuk menentang mereka dengan melakukan dosa dan permusuhan.*

Contoh العُدُو pula ialah ayat 108 surah al-An'am:



<sup>73</sup> 'Audatullah. Sirr al-I'jaaz Fii Tanawwu' al-Siyagh. Hal. 294.



Maksudnya: *Janganlah kamu mencerca benda-benda yang mereka sembah selain dari Allah, kerana mereka kelak akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah Kami memperhiaskan pada pandangan tiap-tiap umat perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan merekalah tempat kembali mereka, lalu Dia menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan.*

Daripada sini, dapat disimpulkan bahawa perbezaan antara ketiga-tiga maşdar tersebut adalah dari sudut dalaman atau luaran dan objek perbuatan tersebut.

Antara contoh perbezaan maşdar dari sudut berlainan ialah *الْحِسَاب* ، *الْحِسْبَان* . Kedua-dua perkataan ini pada asalnya memberi makna perkiraan dan perhitungan. Mengikut ‘Audatullah, al-Quran al-Karim menggunakan perkataan *الْحِسَاب* sebanyak 39 kali dengan tiga makna berikut:

- a- pembalasan terhadap perbuatan manusia
- b- rezeki
- c- tahun dan waktu

Manakala perkaaan *الْحِسْبَان* digunakan 3 kali sahaja dengan makna perhitungan yang tepat, halus dan hanya berkaitan dengan falak sahaja. Ringkasnya *الْحِسْبَان* lebih menunjukkan ketepatan dan kehalusan daripada *الْحِسَاب* .<sup>74</sup>

Antara contoh penggunaan perkataan *الْحِسَاب* ialah ayat 19 surah Ali Imran:



<sup>74</sup> ‘Audatullah. *Sirr al-I‘jaaz Fii Tanawwu‘ al-Şiyagh*. Hal. 233-234 & 236.

Maksudnya: *Sesiapa yang kufur ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan-Nya.*

Antara contoh penggunaan perkataan الْحِسْبَان ialah ayat 96 surah al-An'am:



Maksudnya: *Allah jualah yang membelah cahaya subuh dan menjadikan malam sebagai ketenangan serta matahari dan bulan untuk mengira waktu.*

*Yang demikian itu adalah penentuan Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha mengetahui.*

Pendapat ini sebenarnya masih boleh dipersoalkan, kerana perkiraan dan perhitungan perbuatan manusia, rezeki dan masa juga sebenarnya merupakan perkara yang halus dan tepat, lebih-lebih lagi ia berlegar pada soal keadilan Allah SWT. Melihat kepada makna-makna tadi, penulis berpendapat perbezaan antara maşdar-maşdar tersebut adalah dari sudut jenis dan perkara yang perhitungan, iaitu perbuatan manusia, rezeki, waktu dan falak.

Perbezaan antara maşdar-maşdar kadang-kadang tidak merujuk kepada sudut yang berlainan, tetapi merujuk kepada tahap maknanya sahaja seperti maşdar kata kerja خَسِرَ yang mempunyai 3 maşdar, iaitu الخُسْران ، الخَسَار ، الخُسْر yang bererti rugi. Al-Quran al-Karim menggunakan perkataan الخُسْران dan الخَسَار masing-masing 3 kali dan perkataan الخُسْر 2 kali. Perkataan الخُسْران mengandungi makna rugi yang sangat besar, bersesuaian dengan ان di akhirnya yang menunjukkan makna bersangatan dan berlebihan. Oleh itu, ia digunakan dalam konteks kerugian di dunia dan akhirat bagi orang yang menyembah Allah SWT dalam keadaan sambil lewa seperti dalam ayat 11 surah al-Hajj:






Maksudnya: Antara manusia ada yang menyembah Allah dalam keadaan sambil lewa,  
 maka sekiranya ia mendapat kebaikan senanglah hatinya dengan keadaan itu  
 dan sekiranya pula ia ditimpa kesusahan, ia akan berpatah balik.  
 Ia rugi dunia dan akhirat. Itulah kerugian yang terang nyata.

Apakah ada kerugian yang lebih besar daripada kerugian di dunia dan akhirat?

Perkataan الخَسَار juga mengandungi makna kerugian yang lebih besar dan banyak dari tahap biasa seperti dalam konteks melakukan kezaliman dalam ayat 82 surah al-Isra':



Maksudnya: Kami turunkan al-Quran yang menjadi penawar dan rahmat  
 bagi orang-orang yang beriman dan ia tidak menambahkan  
 kepada orang-orang yang zalim melainkan kerugian jua.

Sementara perkataan الخُسْرُ juga mengandungi makna kerugian pada pengertian biasa. Oleh itu, ia digunakan dalam konteks azab yang dikenakan kepada penduduk kampung yang melakukan maksiat dalam ayat 8-9 surah al-Talaq:



Maksudnya: *Bukan sedikit negeri-negeri yang penduduknya menderhaka terhadap perintah Tuhan mereka dan Rasul-rasul-Nya, maka Kami hitung perbuatan mereka dengan hitungan yang keras rapi dan Kami seksakan mereka dengan azab yang tidak pernah diketahui. Lalu, mereka merasai kesan buruk daripadanya dan akibat perbuatan mereka adalah kerugian.*

Azab dunia walau bagaimana pun dahsyatnya, ia tidaklah seberat azab akhirat.<sup>75</sup>

Daripada perbincangan tadi, dapat diperhatikan bahawa perbezaan makna antara ketiga-tiga maşdar tersebut terletak pada tahap kerugian sahaja. Bunyi pola tersebut turut memainkan peranan dalam penentuan tahap tersebut. Bunyi ٱ menunjukkan makna yang paling tinggi, diikuti dengan bunyi mad pada tahap pertengahan dan bunyi tanpa mad pada tahap biasa.

Contoh lain perbezaan tahap makna ialah perkataan البأس والبأساء yang kedua-duanya disebut dalam ayat 2-43 surah al-An'am:



Maksudnya: *Sesungguhnya Kami telah utuskan Rasul-Rasul kepada umat-umat sebelum kamu, maka Kami seksakan mereka dengan kebuluran dan penyakit, semoga mereka merendah diri. Maka Alangkah elokny kalau mereka merendah diri ketika mereka ditimpa azab Kami. Akan tetapi hati mereka telah keras dan syaitan pula memperelokkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan.*

<sup>75</sup> 'Audatullah. SIRR al-I'jaaz Fii Tanawwu' al-Şiyagh. Hal. 252.

Sekiranya dibandingkan antara kedua-dua perkataan tersebut didapati bahawa kesusahan yang terkandung dalam البأساء lebih besar berbanding dengan البأس.<sup>76</sup> Kelebihan kadar makna pada البأساء juga memang dapat diperhatikan pada bunyi mad atau alif mamduudat padanya.

Di samping itu, didapati kadang-kadang sesuatu kata kerja itu mempunyai banyak maşdar yang sebahagiannya merujuk kepada perbezaan sudut tertentu dan sebahagian yang lain merujuk kepada tahap makna. Contohnya ialah maşdar bagi kata kerja كَفَرَ , iaitu الكُفْر , الكُفُور , الكُفْرَان. Dalam al-Quran al-Karim perkataan الكُفْر disebut sebanyak 25 kali, perkataan الكُفُور sebanyak 3 kali dan perkataan الكُفْرَان sebanyak sekali sahaja. ‘Audatullah berpendapat perkataan الكُفْر berlawanan dengan iman yang bererti mengingkari keesaan Allah SWT, kenabian atau syariat. Perkataan الكُفُور pula ialah kekufuran yang berlebihan. Oleh itu, ia didahului pada ketiga-tiga kalinya dengan perkataan أْبَى yang bermaksud enggan menerima. Ini bererti bahawa ia menolak kebenaran, walaupun ia mengetahuinya yang menunjukkan bahawa ia berada pada tahap kekufuran yang paling tinggi. Perkataan الكُفْرَان pula walaupun merupakan sifat berlebihan kekufuran, namun dalam al-Quran al-Karim ia tidak berkaitan dengan keingkaran terhadap Allah SWT, kenabian atau syariat, tetapi kufur hak dan nikmat.<sup>77</sup> Abuu al-Baqaa’ mempunyai pendapat yang sama pada perkataan الكُفْر dan الكُفْرَان tetapi berbeza pendapat mengenai perkataan الكُفُور kerana mengikutnya ia digunakan untuk keingkaran agama dan nikmat.<sup>78</sup>

Untuk melihat maknanya yang sesuai, disenaraikan ketiga-tiga ayat yang mengandungi perkataan الكُفُور, iaitu ayat 89 dan 99 al-Isra’ serta ayat 50 al-Furqan:



<sup>76</sup> Ibid. Hal. 203.

<sup>77</sup> ‘Audatullah. Sirr al-I’jaaz Fii Tanawwu’ al-Şiyagh. Hal. 310-311.

<sup>78</sup> Abuu al-Baqaa’. Al-Kulliyyaat. Hal. 305.



Maksudnya: *Sesungguhnya Kami telah menerangkan berulang-ulang kepada manusia di dalam al-Quran ini dengan berbagai-bagai contoh perbandingan, tetapi kebanyakan manusia tidak mahu menerima selain dari kekufuran.*



Maksudnya: *Tidakkah mereka mahu memikirkan bahawa Allah yang menciptakan langit dan bumi berkuasa menciptakan orang-orang yang seperti mereka, padahal Dia telah pun menentukan bagi mereka tempoh yang tidak ada syak padanya.? Dalam pada itu, orang-orang yang zalim enggan menerima melainkan kekufuran.*



Maksudnya: *Sesungguhnya Kami telah berulang-ulang kali menerangkannya dalam kalangan manusia supaya mereka beringat, tetapi kebanyakan manusia tidak mahu melainkan kekufuran.*


Meneliti ketiga-tiga tempat penggunaan الكُفُور ini dan apabila dibandingkan dengan dua maşḍarnya lain, penulis bersetuju dengan pendapat pertama kerana konteks ayatnya menunjukkan tahap kekufuran berlebihan yang terdapat pada kebanyakan manusia, walaupun penerangan terperinci telah dilakukan dan ketentuan tempoh mereka adalah sangat jelas yang tiada keraguan lagi.

Satu persoalan yang ingin dibincangkan oleh penulis apakah terdapat ciri dan panduan tertentu dalam menentukan makna dan perbezaan tersebut? Daripada apa yang

dibincangkan tadi, diperhatikan sekiranya perbezaan antara maṣdar-maṣdar tersebut adalah pada sudut dan jenis yang berlainan, maka ia tidak mempunyai ciri dan panduan tertentu untuk menentukan maknanya selain merujuk kepada konteks ayat. Namun sekiranya perbezaan itu berlaku pada tahap makna, nampaknya apa yang disebut oleh ahli morfologi bahawa penambahan huruf menunjukkan penambahan makna boleh dijadikan panduan. Ini dapat diperhatikan pada perbezaan antara :

- الخُسْرَان ، الخَسَار ، الخُسْر
- البُئْسَاء ، البُئْس

Secara amnya, boleh dikatakan bahawa penambahan mad memberi makna tahap yang lebih dan huruf ان memberi makna kesangatan dan berlebihan. Oleh itu, memang ada kebenarannya apa yang dikatakan oleh ahli morfologi bahawa pola yang diakhiri dengan huruf ان menunjukkan makna berlebihan dan kesangatan khususnya pola فَعْلَان yang menunjukkan makna pergerakan, keaktifan dan ketidakstabilan. Contoh yang jelas menunjukkan perkara ini ialah ialah الْحَيَاة dan الْحَيَوَان yang bererti kehidupan. Perkataan الْحَيَاة disebut dalam al-Quran al-Karim sebanyak 71 kali, sementara perkataan الْحَيَوَان disebut hanya sekali sahaja, iaitu ayat 64 surah al-Ankabut:



Maksudnya: *Kehidupan dunia ini hanyalah ibarat hiburan dan permainan. Sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya kalaulah mereka mengetahuinya.*

Perkataan الْحَيَوَان memberi makna kehidupan yang kekal abadi dan tiada kematian padanya serta dipenuhi dengan keaktifan dan kesempurnaan.<sup>79</sup>

Sehubungan dengan itu, satu ciri dan persoalan yang menarik untuk dibincangkan ialah apakah penambahan huruf ة pada akhir kata nama memberi makna berlebihan atau berkurangan? atau apakah ia memberi makna lain? Contohnya ialah perkataan الضَّالَّ ، الضَّلَالَة yang kedua-duanya disebut dalam ayat 61 surah al-A'raf:



Maksudnya: *Pemuka-pemuka kaumnya berkata: "Sesungguhnya kami melihat kamu berada dalam kesesatan yang nyata". Dia menjawab: "Wahai kaumku, tidak ada padaku kesesatan sedikit pun, tetapi aku adalah utusan dari Tuhan semesta alam".*

Kedua-dua perkataan ini bererti kesesatan. Namun, perkataan الضَّلَالَة lebih ringan daripada الضَّالَّ . Oleh itu, ketika kaum Nabi Nuh AS menyifatkannya sebagai الضَّالَّ ... lalu dijawabnya kepada mereka dengan katanya: tiada padaku الضَّلَالَة .. Sekiranya kedua-dua perkataan itu sama kuat pasti Nuh tidak akan menukarkannya daripada الضَّالَّ kepada الضَّلَالَة kerana adanya ta'nith pada perkataan الضَّلَالَة memberikan keringanan kepada perkataan tersebut'.<sup>80</sup>

Begitu juga dengan contoh الأَمْن dan الأَمْنَة . Dalam al-Quran al-Karim disebut perkataan الأَمْن 5 kali dan الأَمْنَة 2 kali. Contohnya ialah ayat 125 surah al-Baqarah dan ayat 11 surah al-Anfal:

<sup>79</sup> Lihat: Al-Ṭabariyy. Jaami' al-Bayaan. Hal. 2/314. Al-Zamakhshariyy. Al-Kasysyaaf. Hal. 3/195. 'Abd al-Fattaah Laasyiin. Safaa' al-Kalimat. Hal. 19. Al-Saamarra'iiyy. Ma'aani al-Abniyaṭ Fii al-'Arabiyyat. Hal. 31.

<sup>80</sup> 'Audatullah. Sirr al-I'jaaz Fii Tanawwu' al-Ṣiyagh. Hal. 288.

﴿قَدْ جَعَلْنَا الْكَأْبَإِثْمَ لِلنَّاسِ لِمَا يَنْبَغُونَ وَيُفِئُونَ لَأْثَمِهِمْ بِمَا كَانُوا عَمِلِينَ﴾  
 ﴿قَدْ جَعَلْنَا الْكَأْبَإِثْمَ لِلنَّاسِ لِمَا يَنْبَغُونَ وَيُفِئُونَ لَأْثَمِهِمْ بِمَا كَانُوا عَمِلِينَ﴾  
 ﴿قَدْ جَعَلْنَا الْكَأْبَإِثْمَ لِلنَّاسِ لِمَا يَنْبَغُونَ وَيُفِئُونَ لَأْثَمِهِمْ بِمَا كَانُوا عَمِلِينَ﴾

Maksudnya: *Ketika Kami jadikan Ka'bah itu tempat tumpuan bagi umat manusia dan tempat yang aman dan jadikanlah oleh kamu Makam Ibrahim itu tempat sembahyang.*

﴿قَدْ جَعَلْنَا الْكَأْبَإِثْمَ لِلنَّاسِ لِمَا يَنْبَغُونَ وَيُفِئُونَ لَأْثَمِهِمْ بِمَا كَانُوا عَمِلِينَ﴾  
 ﴿قَدْ جَعَلْنَا الْكَأْبَإِثْمَ لِلنَّاسِ لِمَا يَنْبَغُونَ وَيُفِئُونَ لَأْثَمِهِمْ بِمَا كَانُوا عَمِلِينَ﴾  
 ﴿قَدْ جَعَلْنَا الْكَأْبَإِثْمَ لِلنَّاسِ لِمَا يَنْبَغُونَ وَيُفِئُونَ لَأْثَمِهِمْ بِمَا كَانُوا عَمِلِينَ﴾

Maksudnya: *Ketika kamu ditimpa perasaan mengantuk sebagai satu (pemberian) aman dari-Nya dan Dia menurunkan kepada kamu hujan dari langit.*

‘Audatullah berpendapat bahawa terdapat dua perbezaan antara kedua-duanya. Pertamanya apabila dilihat kepada kedua-dua konteks الأمانة ia berkaitan dengan mengantuk, tetapi perkataan الأمان tiada kaitan langsung dengan mengantuk. Ini menunjukkan seolah-olah الأمانة lebih ringan daripada الأمان dan masanya lebih pendek. Kedua ialah الأمانة mengandungi makna meresap perasaan tenteram ke dalam jiwa secara beransur-ansur, berbanding dengan الأمان.<sup>81</sup>

Nampaknya penambahan ة menunjukkan tahap makna yang semakin kurang. Hal ini sebenarnya ada kebenarannya, kerana penambahan ة mungkin memberi makna satu dalam bab ism marraṭ seperti perkataan ضَرْبَةٌ . Begitu juga dalam bab ism jins jam‘iyy yang dibezakan mufrad daripada jamak dengan menambah ة seperti تَمْرَةٌ dan تَمْرٌ . Daripada sini juga dapat dirumuskan bahawa kata-kata ahli morfologi “*penambahan huruf menunjukkan penambahan makna*” tidak bermaksud makna yang banyak dan kuat, tetapi bermaksud ada sesuatu penambahan makna baru, walaupun kadang-kadang memberi makna semakin kurang dan lemah.

<sup>81</sup> Ibid. Hal. 198-199.

Walaupun begitu, maksud pengurangan ini hanya berlaku pada kata nama jamid termasuk maṣdar, bukannya *wasf musytaqq* kerana penambahan ة padanya memberi makna berlebihan dan tahap maksima. Ibn Jinnii menyatakan bahawa ة “tidak dihubungkan dengan sesuatu kata sifat untuk menukarkannya kepada mu’annath sahaja, tetapi untuk memberitahu kepada pendengar bahawa pemilik sifat tersebut telah sampai ke tahap maksima dan penghujung”.<sup>82</sup> Faaḍil al-Saamarra’iyy menyatakan bahawa ة ini turut memberi makna menyeluruh, di samping kekuatan dan berlebihan. Dari sudut kategori morfologi, ia juga berfungsi menukar kata sifat menjadi kata nama. Oleh itu, kebanyakan nama hari qiamat dimasuki ة ini.<sup>83</sup>

Contohnya ialah perkataan الْعَلَّامَة yang memberi maksud orang yang mempunyai tahap keilmuan yang tersangat tinggi, berbanding dengan الْعَالِم yang memberi maksud tahap keilmuan yang biasa. Al-‘Askariyy menyatakan bahawa memasukkan ة pada perkataan ini memberi maksud bahawa ia berfungsi dengan fungsi sekumpulan ulama. Oleh itu, ia tidak disebut untuk Allah SWT, sebaliknya الْعَالَمُ sahaja.<sup>84</sup>

Berbalik kepada maṣdar, maksud pengurangan yang terhasil dengan penambahan ة itu bukanlah satu kaedah yang digunapakai dalam semua contoh maṣdar. Kadang-kadang perbezaannya adalah dari sudut lain seperti pada perkataan جَهْرٌ ، جَهْرَةٌ . Setelah melihat perbezaan antara kedua-duanya dalam beberapa kitab tafsir dan kamus, ‘Audatullah merumuskan bahawa جَهْرَةٌ adalah dengan mata dan berlawanan dengan tersembunyi, manakala جَهْرٌ pula adalah secara terang-terangan dan berlawanan dengan rahsia serta disebut bersama قَوْلٌ , iaitu kata-kata.<sup>85</sup> Ini dapat dilihat umpamanya dalam ayat 148 surah al-Nisa’ dan ayat 55 surah al-Baqarah:

---

<sup>82</sup> Ibn Jinnii. Al-Khaṣaa’iṣ. Hal. 2/201.

<sup>83</sup> Al-Saamarra’iyy. Ma’aanii al-Abniyaṭ Fi al-‘Arabiyyaṭ Hal .122-123.

<sup>84</sup> Al-‘Askariyy. Al-Furuuq al-Lughawiyyaṭ. Hal. 68-69.

<sup>85</sup> ‘Audatullah. Sirr al-I’jaaz Fii Tanawwu‘ al-Ṣiyagh. Hal. 216-218.

لَا تَجْعَلْ لِكَلِمَةٍ أَدْنَىٰ أَوْ بَعْدَهَا ذِي قُوَّةٍ يَمُنُّ بِمَا فِي كِتَابِ اللَّهِ الْفَالِقِ  
الَّذِي أَلْهَمَ الْقُرْآنَ كَرِيمًا ۝ ٢٦ ۝ وَاللَّهُ يَسْمَعُ الْوَهْوَاسَ الْخَفِيَّةَ إِذَا سَمِعَتْ  
بِشْرًا أَوْ نَذِيرًا ۝ لَا تَجْعَلْ لِكَلِمَةٍ أَدْنَىٰ أَوْ بَعْدَهَا ذِي قُوَّةٍ يَمُنُّ بِمَا فِي كِتَابِ اللَّهِ الْفَالِقِ

Maksudnya: Allah tidak suka kepada keburukan secara berterus-terang,  
kecuali orang yang dianiaya. Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

الَّذِي أَلْهَمَ الْقُرْآنَ كَرِيمًا ۝ ٢٦ ۝ وَاللَّهُ يَسْمَعُ الْوَهْوَاسَ الْخَفِيَّةَ إِذَا سَمِعَتْ  
بِشْرًا أَوْ نَذِيرًا ۝ لَا تَجْعَلْ لِكَلِمَةٍ أَدْنَىٰ أَوْ بَعْدَهَا ذِي قُوَّةٍ يَمُنُّ بِمَا فِي كِتَابِ اللَّهِ الْفَالِقِ  
الَّذِي أَلْهَمَ الْقُرْآنَ كَرِيمًا ۝ ٢٦ ۝ وَاللَّهُ يَسْمَعُ الْوَهْوَاسَ الْخَفِيَّةَ إِذَا سَمِعَتْ  
بِشْرًا أَوْ نَذِيرًا ۝ لَا تَجْعَلْ لِكَلِمَةٍ أَدْنَىٰ أَوْ بَعْدَهَا ذِي قُوَّةٍ يَمُنُّ بِمَا فِي كِتَابِ اللَّهِ الْفَالِقِ

Maksudnya: Ingatlah ketika kamu berkata: "Wahai Musa! Kami tidak akan beriman  
kepadamu sehingga kami dapat melihat Allah dengan terang,  
maka kamu disambar petir dalam keadaan kamu semua melihatnya.

Semua perbincangan tadi adalah berkaitan pola-pola maşdar yang berbeza huruf dan baris. Di samping itu, maşdar juga kadang-kadang mempunyai pola-pola yang berbeza baris sahaja seperti الضَّرّ ، الضَّرّ. Perbezaan antara kedua-duanya<sup>86</sup> ialah الضَّرّ adalah mudarat umum yang berlawanan dengan manfaat. Oleh itu, kedua-dua digandingkan sekali seperti ayat 16 surah al-Ra'd:

الَّذِي أَلْهَمَ الْقُرْآنَ كَرِيمًا ۝ ٢٦ ۝ وَاللَّهُ يَسْمَعُ الْوَهْوَاسَ الْخَفِيَّةَ إِذَا سَمِعَتْ  
بِشْرًا أَوْ نَذِيرًا ۝ لَا تَجْعَلْ لِكَلِمَةٍ أَدْنَىٰ أَوْ بَعْدَهَا ذِي قُوَّةٍ يَمُنُّ بِمَا فِي كِتَابِ اللَّهِ الْفَالِقِ  
الَّذِي أَلْهَمَ الْقُرْآنَ كَرِيمًا ۝ ٢٦ ۝ وَاللَّهُ يَسْمَعُ الْوَهْوَاسَ الْخَفِيَّةَ إِذَا سَمِعَتْ  
بِشْرًا أَوْ نَذِيرًا ۝ لَا تَجْعَلْ لِكَلِمَةٍ أَدْنَىٰ أَوْ بَعْدَهَا ذِي قُوَّةٍ يَمُنُّ بِمَا فِي كِتَابِ اللَّهِ الْفَالِقِ

Maksudnya: Katakanlah: "Siapakah Tuhan yang mentadbir langit dan bumi?"  
Katakanlah: "Allah". Katakanlah lagi: "Maka, patutkah kamu menjadikan selain dari Allah  
sebagai pelindung yang tidak dapat mendatangkan sebarang manfaat bagi dirinya sendiri  
dan tidak dapat menolak sesuatu bahaya.

<sup>86</sup> Al-Zamakhshariyy. Al-Kasysyaaf. Hal. 2/335.


Sementara الضَّرُّ pula ialah mudarat khusus seperti penyakit sebagaimana yang menimpa nabi Ayub AS dalam ayat 83 surah al-Anbiya':



Maksudnya: *Nabi Ayub ketika ia merayu kepada Tuhannya dengan berkata:  
"Sesungguhnya aku ditimpa penyakit dan Engkaulah sahaja yang paling mengasihani".*

Jadi, perbezaan antara keduanya adalah dari sudut am atau khas.

Contoh lain ialah الكُرْه ، الكَرْه . Perkataan الكَرْه bermaksud kesusahan yang berlaku ke atas seseorang dari unsur luar, iaitu paksaan dan الكُرْه pula bermaksud kesusahan yang bersumberkan dari unsur dalaman, iaitu benci.<sup>87</sup> Kedua-duanya dapat dilihat dalam ayat 83 surah Ali Imran dan ayat 216 surah al-Baqarah:



Maksudnya: *Apakah mereka mencari selain dari agama Allah?  
Padahal kepada-Nya jualah tunduk taat sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi sama ada dengan sukarela atau pun terpaksa dan kepada-Nya jualah mereka dikembalikan.*



Maksudnya: *Diwajibkan ke atas kamu berperang,  
sedangkan ia merupakan sesuatu yang kamu benci.*

<sup>87</sup> 'Audatullah. SIRR al-I'jaaz Fii Tanawwu' al-Şiyagh. Hal. 307-308.

Perbezaan antara kedua-duanya adalah dari aspek dalaman atau luaran.

Antara contohnya juga ialah الحجّ dan الحجّ seperti dalam ayat 189 surah al-Baqarah dan ayat 97 surah Ali Imran:

﴿لَمَّا سَأَلْتَهُ لِمَ يَمُرُّ بِالسَّاعَةِ الْمَدِينَةِ مَا يَلِيقُ بِالْمُدَّةِ الْعِطِّيَّةِ مَا لَمْ يَأْمُرْ بِالْمَدِينِ الْيَوْمَ قَالَ قَدْ أُجِيبْتُكُمْ فَانظُرُوا يَوْمَهُمُ الْمَدِينَةُ مَكْرًا وَمَعْلَمًا وَمَا يُغْنِي عَنْهُمْ كَيْدُهُمْ وَلَئِنَّ اللَّهَ كَبِيرٌ فَاعِلٌ﴾

Maksudnya: Mereka bertanya kepadamu mengenai anak-anak bulan.

Katakanlah: "Ia merupakan waktu-waktu urusan manusia dan Haji".

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَعْلَمُونَ مُبْدِعِ الْأَشْيَاءَ غَيْرُ الْمَدِينَةِ فَقُلْ لَا تَعْلَمُونَ الْغَيْبَ إِنِّي أَعْلَمُ الْغَيْبَ مَا نَبُوءُ﴾

Maksudnya: Allah mewajibkan manusia mengerjakan Haji dengan mengunjungi Baitullah

bagi sesiapa yang berkemampuan. Sesiapa yang kufur, maka sesungguhnya

Allah Maha Kaya dari sekalian makhluk.

Diperhatikan dalam ayat di atas bahawa الحجّ bermaksud waktu haji dan الحجّ bermaksud perbuatan menunaikan ibadat haji.<sup>88</sup>

Diperhatikan bahawa maşdar-maşdar tadi memberi makna sama, cuma perbezaannya terletak pada sudut dan aspek tertentu seperti am atau khas dan dalaman atau luaran. Kadang-kadang perbezaannya tidak merujuk kepada makna am yang sama seperti الجُهد dan الجُهد. Setelah menyebut pendapat-pendapat ulama, ‘Audatullah merumuskan perbezaan antara kedua-duanya ialah الجُهد memberi makna kesusahan dan berlebihan,

<sup>88</sup> ‘Audatullah. SIRR al-I‘jaaz Fii Tanawwu‘ al-Şiyagh. Hal. 222-223.



manakala الجُهْدُ memberi makna kemampuan.<sup>89</sup> Contohnya ialah ayat 53 surah al-Ma'idah dan ayat 79 surah al-Taubah:



Maksudnya: *Orang-orang yang beriman berkata: "Adakah mereka ini orang-orang yang bersumpah dengan nama Allah dengan sebenar-benar sumpah bahawa mereka benar-benar bersama kamu?". Tehapuslah amal-amal mereka, lalu jadilah mereka orang-orang yang rugi.*



Maksudnya: *Orang-orang yang mencela orang-orang beriman yang memberi sedekah-sedekah dengan sukarela dan orang-orang yang hanya mendapat sedikit sahaja sekadar kemampuannya serta mereka mengejek-ejeknya, Allah juga akan mengejek-ejek mereka dan bagi mereka azab seksa sangat menyakitkan.*

Perbincangan sebelum ini adalah berkaitan pola-pola maṣḍar asli. Di samping itu, terdapat maṣḍar miimiyy yang pada dasarnya memberi makna yang sama. Di sini, terdapat satu isu yang penting untuk dibincangkan, iaitu apakah makna kedua-duanya sama atau terdapat perbezaan tertentu? Faḍīl al-Saamarra'iyy berpendapat bahawa maṣḍar miimiyy kebiasaannya mempunyai ciri berikut:<sup>90</sup>


<sup>89</sup> Ibid. Hal. 213.

<sup>90</sup> Al-Saamarra'iyy. Ma'aanii al-Abniyaṭ Fii al-'Arabiyyaṭ. Hal. 35-36.

- a- Ia mengandung ciri individu dan dikaitkan dengan seseorang atau kumpulan sahaja seperti ayat 48 surah al-Hajj dan ayat 30 surah al-Qiamah:



Maksudnya: *Berapa banyak tempat yang Aku berikannya tempoh tertentu dalam keadaan penduduknya zalim; kemudian Aku menimpakannya dengan azab seksa dan hanya kepada Akulah kembalinya mereka.*<sup>91</sup>




Maksudnya: *Hanya kepada Tuhanmulah pada hari itu engkau dibawa.*

Manakala maşdar asli pula adalah am dan tidak dikaitkan dengan kes perseorangan atau kumpulan sebagaimana contoh-contoh sebelum ini.

- b- Ia membawa makna akhir sesuatu seperti perkataan المَصِيرُ yang bererti akhir dan penghujung, berbanding dengan الصَّيْرُورَةُ yang bererti “menjadi”. Begitu juga dengan perkataan المَأْبُ yang bererti pengembalian terakhir dan المَبْلَغُ yang bererti pencapaian terakhir dalam ayat 36 surah al-Ra’d dan ayat 30 surah al-Najm:



Maksudnya: *Katakanlah: "Sesungguhnya aku hanya diperintahkan untuk mengabdikan diri kepada Allah dan tidak menyekutukan-Nya. Hanya kepada-Nya aku menyeru dan hanya kepada-Nya pengembalian terakhirku.*



Maksudnya: *Itulah sahaja pencapaian terakhir pengetahuan mereka.*

<sup>91</sup> المَصِيرُ juga boleh dianggap kata nama tempat, iaitu tempat kembali.

Nampaknya Fadil melihat maṣḍar miimiyy dari sudut realiti penggunaannya. Berbeza pula halnya dengan ‘Audatulah yang melihat dari sudut logik dan falsafah penggunaannya. Beliau berpendapat bahawa maṣḍar miimiyy mengandungi makna pengukuhan disebabkan ia kurang digunakan dalam percakapan kerana sesuatu yang kurang digunakan, maka ia lebih menarik perhatian dan sesuatu yang lebih menarik perhatian, maka ia lebih bersifat pengukuhan.<sup>92</sup> Secara dasarnya pendapat kedua ini kurang tepat kerana bahasa bersifat اعتباطية iaitu bukan bersifat logik, tetapi berasaskan penggunaan.

Walau bagaimanapun, dari kedua-dua pendapat tersebut dapat disimpulkan bahawa maṣḍar miimiyy mempunyai ciri perseorangan, pengakhiran dan pengukuhan. Untuk melihat apakah kenyataan tersebut benar, maka analisis contoh penggunaan maṣḍar miimiyy mungkin boleh menjawabnya. Antara contohnya ialah الْحُبِّ ، الْمُحَبَّةُ . Dalam al-Quran al-Karim perkataan الْحُبِّ disebut sebanyak 9 kali dan perkataan الْمُحَبَّةُ sekali sahaja. Perkataan الْحُبِّ dalam kesemua sembilan ayat tersebut memberi makna kasih sayang daripada manusia kepada Allah SWT atau perkara lain dalam kehidupan, tetapi perkataan الْمُحَبَّةُ memberi makna kasih sayang daripada Allah SWT,<sup>93</sup> iaitu dalam ayat 39 surah Taha:




Maksudnya: *Letakkanlah anakmu di dalam peti, kemudian lepaskannya ke laut, maka biarlah laut itu membawanya terdampar ke pantai supaya dipungut oleh musuh-Ku dan musuhnya.*  
*Aku telah mencampakkan perasaan kasih sayang orang terhadapmu*  
*dan supaya engkau dibela dengan pengawasan-Ku.*

<sup>92</sup> ‘Audatulah. *Sirr al-I’jaaz Fii Tanawwu’ al-Ṣiyagh*. Hal. 205.

<sup>93</sup> *Ibid*. Hal. 219.

Nampaknya ciri persendirian dalam erti kata kes khas dan ciri pengukuhan boleh digunapakai dalam mentafsir penggunaan maṣḍar miimiyy di sini.

Namun, sekiranya dibandingkan perkataan tadi dengan perkataan **الْوَدَّ** ، **الْمَوَدَّةَ** didapati perkara yang sebaliknya berlaku. Perkataan **الْمَوَدَّةَ** disebut dalam al-Quran al-Karim sebanyak 8 kali dan **الْوَدَّ** hanya sekali sahaja. Maṣḍar **الْوَدَّ** digunakan untuk Allah SWT sebagai pelakunya, sementara **الْمَوَدَّةَ** digunakan untuk manusia sebagai pelakunya dalam kesemua lapan ayat yang mengandungnya.<sup>94</sup> Perkataan **الْوَدَّ** digunakan dalam ayat 96 surah Maryam:



Maksudnya: *Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Allah akan menjadikan bagi mereka perasaan kasih sayang.*

Nampaknya ciri perseorangan atau pengukuhan bukanlah merupakan maksud yang dibawa oleh maṣḍar miimiyy.

Contoh lain ialah perkataan **الْوَعْدَ** yang digunakan dalam al-Quran al-Karim 60 kali dan **الْمَوْعِدَةَ** yang digunakan sekali sahaja. **الْوَعْدَ** digunakan dengan makna janji benar, sementara **الْمَوْعِدَةَ** digunakan dengan makna janji tidak ditepati, iaitu janji Nabi Ibrahim AS untuk meminta ampun kepada ayahnya, tetapi tidak ditepatinya apabila jelas ayahnya merupakan musuh Allah SWT<sup>95</sup> yang disebut dalam ayat 114 surah al-Taubah:



<sup>94</sup> ‘Audatullah. *Sirr al-I’jaaz Fii Tanawwu’ al-Ṣiyagh*. Hal. 317-318.

<sup>95</sup> *Ibid*. Hal. 318-319



Maksudnya: *Bukanlah permohonan ampun Ibrahim terhadap bapanya melainkan kerana janji yang dijanjikan kepadanya. Apabila ternyata kepada Ibrahim bahawa bapanya adalah musuh Allah, ia pun berlepas diri daripadanya. Sesungguhnya dia seorang yang lembut hati lagi penyabar.*

Diperhatikan bahawa ciri perseorangan dan pengukuhan masih boleh digunapakai untuk maşdar miimiyy di sini.

Namun ciri-ciri ini sekiranya diaplikasi pula pada perkataan *الْمُعْفِرَةَ ، الْعُفْرَانَ* ia tidak tepat dengan penggunaannya dalam al-Quran al-Karim. Perkataan *الْمُعْفِرَةَ* disebut 28 kali sementara *الْعُفْرَانَ* hanya sekali sahaja. Perkara yang sama diperhatikan pada perkataan *الْمَعْصِيَةَ* yang disebut dua kali dalam al-Quran al-Karim dan *الْعِصْيَانَ* yang disebut sekali sahaja. ‘Audatullah berpendapat bahawa *الْمُعْفِرَةَ* merupakan pemberian keampunan daripada Allah SWT kepada manusia, tetapi *الْعُفْرَانَ* pula merupakan permohonan keampunan daripada manusia kepada Allah SWT, lebih-lebih lagi ia digunakan dalam konteks doa yang sesuai dengan huruf *ان* di hujungnya yang mempunyai ciri pemanjangan bunyi dan menunjukkan pengukuhan.<sup>96</sup> Sementara perkataan *الْعِصْيَانَ* dan *الْمَعْصِيَةَ* kedua-duanya merupakan perasaan hati yang memberi kesan kepada perbuatan luaran, tetapi kesan perbuatan luaran pada perkataan *الْمَعْصِيَةَ* lebih berkurangan daripada perkataan *الْعِصْيَانَ* yang lebih kuat penolakannya.<sup>97</sup>

Daripada beberapa contoh yang dianalisis, didapati kenyataan bahawa maşdar miimiyy jarang digunakan berbanding maşdar biasa adalah tidak benar dan sekali gus menolak makna pengukuhan. Begitu juga kenyataan bahawa maşdar miimiyy menunjukkan perseorangan, pengakhiran dan pengukuhan tidak menepati semua penggunaan maşdar

<sup>96</sup> ‘Audatullah. *Sirr al-I‘jaaz Fii Tanawwu‘ al-Şiyagh*. Hal. 301.

<sup>97</sup> *Ibid.* Hal. 299.

miimiyy dalam al-Quran al-Karim. Penulis berpendapat maksud maṣḍar asli tidak dapat dibezakan dengan maṣḍar miimiyy secara umum, tetapi perlu dilihat kepada setiap contoh dan pola secara khusus. Sebagai contohnya pola yang berakhir dengan ان yang menunjukkan maksud kesangatan, berlebihan dan pengukuhan walaupun secara relatif, berbanding dengan maṣḍar miimiyy adalah benar. Ini dapat diperhatikan pada perkataan العُفْرَان dan العِصْيَان berbanding dengan المَغْفِرَة dan المَعْصِيَة. Sebaliknya jika dibandingkan antara maṣḍar miimiyy dan pola الفُعْل atau الفَعْل didapati secara dasarnya ia lebih menunjukkan pengkususan dan pengukuhan seperti المَحَبَّة dan المُوْعَدَة berbanding الحُبِّ dan الوَعْد .

Perbincangan tadi adalah mengenai maṣḍar kata kerja mujarrad. Di samping itu, al-Quran al-Karim juga pastinya menggunakan maṣḍar kata kerja berimbuhan. Secara dasarnya, maṣḍar jenis ini mempunyai pola-pola tertentu dengan makna-maknanya yang khusus berdasarkan imbuhan kata kerjanya seperti imbuhan ا selepas huruf pertama, iaitu pola فاعَل dan maṣḍarnya فِعَال yang memberi makna kesalingan. Dalam hal ini, tidak berlaku isu pemilihan antara pola-pola maṣḍar, walaupun kadang-kadang terdapat keserupaan. Contohnya ialah الجَدَل ، الجِدَال seperti dalam ayat 54 surah al-Kahfi dan ayat 32 surah Hud:



Maksudnya: *Sesungguhnya Kami telah huraikan di dalam al-Quran ini untuk umat manusia dari segala contoh bandingan dan sememangnya manusia paling banyak bantahnya.*





Maksudnya: Mereka berkata: "Wahai Nuh! Sesungguhnya engkau telah membantahi kami, lalu engkau memperbanyakkan bantahanmu kepada kami. Oleh itu, datangkanlah azab yang engkau telah janjikan kepada kami, jika betul engkau dari orang-orang yang benar".

Perkataan *الْجِدَالَ* memberi makna sikap dan perbuatan berdebat atau membantah yang ada pada manusia itu sendiri secara amnya bukan antara dua pihak.<sup>98</sup> Sementara perkataan *الْجِدَالَ* bererti sikap dan perbuatan saling berdebat yang berlaku antara nabi Nuh AS dan kaumnya.

Namun diperhatikan kadang-kadang al-Quran al-Karim menyimpang daripada menggunakan maṣḍar asli sesuatu kata kerja kepada bentuk maṣḍar yang lain seperti dalam ayat 8 surah al-Muzzammil:



Maksudnya: Sebutlah nama Tuhanmu dan beribadatlah kepada-Nya dengan sebenar-benar ibadat.

Maṣḍar kata kerja *تَبَتَّلَ* pada dasarnya ialah *التَّبَتُّلُ* yang menunjukkan makna beransur-ansur, sementara *التَّبَتُّبِيلُ* pula ialah maṣḍar kepada kata kerja *بَتَّلَ* yang menunjukkan makna banyak dan berlebihan. Justeru, Allah SWT hendak mengumpulkan kedua-dua makna tadi dalam bentuk yang ringkas, maka untuk *تَبَتَّلَ* yang bermaksud beransur-ansur disebutkan kata kerjanya dan untuk *بَتَّلَ* yang bermaksud banyak disebutkan maṣḍarnya *التَّبَتُّبِيلُ*. Asal ayat tersebut ialah: *وَتَبَتَّلْ إِلَىٰ رَبِّكَ وَأَبْتَلْ إِلَىٰ رَبِّكَ تَبَتُّبِيلاً*.<sup>99</sup> Maksud ayat tadi ialah latihkan dan perbiasakan diri dengan mendekati diri kepada Allah SWT sedikit demi sedikit sehinggalah sampai ke peringkat yang tinggi dan banyak.<sup>100</sup> Ini merupakan panduan


<sup>98</sup> ‘Audatullah. SIRR al-I‘jaaz Fii Tanawwu‘ al-Ṣiyagh. Hal. 209.

<sup>99</sup> Ibn al-Qayyim. Al-Tafsir al-Qayyim. Hal. 501-502.

<sup>100</sup> Al-Saamarra‘iyy. Al-Ta‘biir al-Qur’aaniyy. Hal. 35.

pendidikan yang penting, yaitu manusia hendaklah menggunakan pendekatan beransur-ansur daripada sedikit kepada banyak.

Demikian juga dengan ayat 60 surah al-Nisa':



Maksudnya: *Syaitan sentiasa hendak menyesatkan mereka dengan kesesatan yang amat jauh.*

Maşdar kata kerja أَضَلَّ ، يُضِلُّ ialah إِضْلَالٌ yang memberi erti menyesatkan, sementara ضَلَّ pula ialah maşdar ضَلَّ yang bererti sesat. Dengan membawa kata kerja يُضِلُّ dan maşdar ضَلَّ, iaitu ضَلَّ maka kedua-dua makna tersebut dapat difahami. Maksud ayat tadi ialah (Syaitan ingin menyesatkan mereka kemudian dia mahukan selepas itu supaya mereka sendiri yang terus sesat. Syaitan memulakan tindakan dan mereka akan menyempurnakannya).<sup>101</sup>

### 3.3.1.3 Antara Pola-Pola Şifaṭ Musyabbahaṭ

Şifaṭ musyabbahaṭ mempunyai pola-pola tertentu. Kadang-kadang sesuatu kata kerja itu mempunyai lebih daripada satu pola şifaṭ musyabbahaṭ . Di sinilah berlakunya pemilihan antara pola-pola tersebut dan melalui analisis contoh-contohnya dapat dilihat bagaimana al-Quran al-Karim membuat pemilihan tersebut.

Antara contohnya ialah كُبَّارٌ ، كَبِيرٌ . Dalam al-Quran al-Karim disebut كَبِيرٌ sebanyak 36 kali dan كُبَّارٌ hanya sekali sahaja, iaitu ayat 22 surah Nuh:



Maksudnya: *Mereka melakukan tipu-daya yang amat besar.*

Sebagaimana dijelaskan sebelum ini, bahawa كُبَّارٌ lebih besar daripada كَبِيرٌ . Ayat ini menceritakan mengenai sikap dan tindakan kaum Nabi Nuh AS terhadap Baginda. Al-

<sup>101</sup> Al-Saamarra'iy. Al-Ta'biir al-Qur'aaniyy. Hal. 36.



Quran al-Karim menggunakan كُبَّارٌ kerana apa yang dilakukan oleh kaum Nabi Nuh AS sememangnya perkara yang amat besar, iaitu mereka menghalang daripada tauhid dan menyuruh supaya syirik kepada Allah SWT.<sup>102</sup> Nabi Nuh As berdakwah kepada kaumnya selama 950 tahun, tetapi yang mengikutinya hanya puluhan orang sahaja yang menunjukkan betapa buruknya sikap dan perangai mereka. Perbezaan antara kedua-dua perkataan ini juga dapat dikesan melalui bunyi baris bawah pada perkataan كَبِيرٌ yang mempunyai bunyi nipis seterusnya menunjukkan makna kurang besar, manakala perkataan كُبَّارٌ mempunyai baris depan serta sabdu yang mempunyai bunyi tebal seterusnya menunjukkan makna lebih besar.

Perkara yang hampir sama dapat dilihat pada perkataan عَجِيبٌ dan عَجَابٌ . Contohnya ialah ayat 2 surah Qaf, ayat 72 surah Hud dan ayat 5 surah Sad:

عَجَابٌ ۚ لَمَّا جَاءَ قَوْمَهُمْ مِنْ أَهْلِ الْبَدَايِعِ عَجَابٌ ۚ إِنَّهُمْ جَمْعٌ قَوِيٌّ غَوِيٌّ ۗ  
 عَجَابٌ ۚ لَمَّا جَاءَ قَوْمَهُمْ مِنْ أَهْلِ الْبَدَايِعِ عَجَابٌ ۚ إِنَّهُمْ جَمْعٌ قَوِيٌّ غَوِيٌّ ۗ  
 عَجَابٌ ۚ لَمَّا جَاءَ قَوْمَهُمْ مِنْ أَهْلِ الْبَدَايِعِ عَجَابٌ ۚ إِنَّهُمْ جَمْعٌ قَوِيٌّ غَوِيٌّ ۗ

Maksudnya: *Bahkan mereka merasa hairan dengan kedatangan seorang pemberi amaran kepada mereka, dari kalangan mereka sendiri, lalu orang-orang kafir itu berkata:*

*"Ini adalah satu perkara yang menghairankan!"*

عَجَابٌ ۚ لَمَّا جَاءَ قَوْمَهُمْ مِنْ أَهْلِ الْبَدَايِعِ عَجَابٌ ۚ إِنَّهُمْ جَمْعٌ قَوِيٌّ غَوِيٌّ ۗ  
 عَجَابٌ ۚ لَمَّا جَاءَ قَوْمَهُمْ مِنْ أَهْلِ الْبَدَايِعِ عَجَابٌ ۚ إِنَّهُمْ جَمْعٌ قَوِيٌّ غَوِيٌّ ۗ  
 عَجَابٌ ۚ لَمَّا جَاءَ قَوْمَهُمْ مِنْ أَهْلِ الْبَدَايِعِ عَجَابٌ ۚ إِنَّهُمْ جَمْعٌ قَوِيٌّ غَوِيٌّ ۗ

Maksudnya: *Isterinya berkata: "Sungguh ajaib keadaanku! Adakah aku akan melahirkan anak, padahal aku sudah tua dan suamiku ini juga sudah tua?"*

*Sesungguhnya ini suatu perkara yang menghairankan".*

عَجَابٌ ۚ لَمَّا جَاءَ قَوْمَهُمْ مِنْ أَهْلِ الْبَدَايِعِ عَجَابٌ ۚ إِنَّهُمْ جَمْعٌ قَوِيٌّ غَوِيٌّ ۗ  
 عَجَابٌ ۚ لَمَّا جَاءَ قَوْمَهُمْ مِنْ أَهْلِ الْبَدَايِعِ عَجَابٌ ۚ إِنَّهُمْ جَمْعٌ قَوِيٌّ غَوِيٌّ ۗ

<sup>102</sup> Al-Raaziyy. Al-Tafsiir al-Kabiir. Hal. 30/142

Maksudnya: *Apakah dia menjadikan tuhan-tuhan itu satu Tuhan sahaja?*

*Sesungguhnya ini adalah satu perkara yang menghairankan!"*

Perkataan **عَجَاب** lebih pelik berbanding dengan **عَجِيب**. Kedua-dua perkataan ini digunakan mengikut konteksnya yang sesuai dari sudut perbandingannya. Terdapat tiga keadaan pelik yang berbeza tahapnya antara ketiga-tiga ayat ini mengikut perkiraan penuturnya, maka digunakan perkataan malah pengukuhan yang berbeza, iaitu<sup>103</sup>:

- a- Kedatangan pemberi amaran merupakan perkara yang pelik, maka digunakan perkataan **عَجِيب** tanpa partikel pengukuhan.
- b- Wanita tua melahirkan anak merupakan peristiwa yang lebih pelik, maka digunakan perkataan **عَجِيب** dengan partikel pengukuhan, iaitu **ل** dan **إِن**.
- c- Menjadikan semua tuhan sebagai satu sahaja merupakan satu perkara yang sangat pelik dan tidak boleh diterima oleh orang musyrikin yang menyembah banyak berhala sudah begitu lama, maka digunakan perkataan **عَجَاب** dengan partikel pengukuhan, iaitu **ل** dan **إِن**.

Daripada analisis tadi, dapat dirumuskan bahawa pola-pola berikut merupakan peringkat-peringkat makna dari kecil ke besar, iaitu **فَعِيل** ، **فُعَال** ، **فُعَال** dan ia membenarkan kenyataan yang dibuat oleh ahli bahasa Arab mengenai perbezaan makna antara pola-pola tersebut.

#### **3.3.1.4 Antara Pola-Pola *Ṣiighat* Mubaalaghat**

Sesuatu kata dasar dalam bahasa Arab kadang-kadang mempunyai lebih daripada satu pola *ṣiighat* mubaalaghat. Contohnya ialah perkataan **ظَلَمَ** ، **ظَلُمَ** seperti dalam ayat 182 surah Ali Imraan dan ayat 34 surah Ibrahim:

---

<sup>103</sup> Al-Saamarra'iy. Al-Ta'biir al-Qur'aaniyy. Hal. 37.



Maksudnya: *Yang demikian itu adalah disebabkan apa yang telah dilakukan oleh tangan kamu sendiri. Sesungguhnya Allah sekali-kali tidak berlaku zalim kepada hamba-hamba.*



Maksudnya: *Jika kamu menghitung nikmat Allah nescaya kamu tidak dapat memperincikannya. Sesungguhnya manusia sangat zalim lagi kufur.*

Berdasarkan bunyi kedua-dua pola tersebut boleh dikatakan bahawa perbezaan antara kedua-duanya merupakan perbezaan tahap atau peringkat. Tahap kezaliman pada ظَّالَمٌ lebih kuat daripada ظَلُومٌ . Sebab itulah ظَّالَمٌ merupakan sifat yang dinafikan daripada Allah SWT dan ظَلُومٌ merupakan sifat yang dikaitkan dengan manusia.<sup>104</sup> Tujuannya adalah untuk menyatakan bahawa Allah SWT sedikit pun tidak akan menzalimi hamba-Nya kerana sekiranya Dia menyiksa bukan disebabkan dosa, sudah tentu Dia dikatakan tersangat zalim kerana “*kebaikan orang baik merupakan keburukan orang yang tersangat baik*”. Oleh itu, Dia tidak akan menyiksa kecuali disebabkan dosa, maka dia bukanlah seorang yang zalim.<sup>105</sup> Penafian sifat yang lebih tinggi kebiasaannya mengandungi penafian sifat yang lebih rendah dan ia merupakan satu bentuk pengukuhan atau penegasan.<sup>106</sup> Sebaliknya manusia memang sangat zalim dan kufur.

### 3.3.2 Pemilihan Struktur Morfologi antara Kategori Berlainan

Sebagaimana berlaku pemilihan struktur morfologi dalam kategori yang sama, pemilihan juga berlaku antara kategori struktur morfologi yang berlainan. Yang dimaksudkan dengan

<sup>104</sup> ‘Audatullah. Sirr al-I‘jaaz Fii Tanawwu‘ al-Siyagh. Hal. 167.

<sup>105</sup> Al-Raaziyy. Al-Tafsiir al-Kabiir. Hal. 9/120 .

<sup>106</sup> ‘Audatullah. Sirr al-I‘jaaz Fii Tanawwu‘ al-Siyagh. Hal. 167.

kategori yang berlainan ialah antara tajuk-tajuk morfologi sama ada antara struktur-struktur kata nama seperti kata nama pelaku, kata nama objek dan sebagainya atau antara struktur-struktur kata kerja seperti kata kerja kala lampau, kata kerja kala kini dan sebagainya. Namun, diperhatikan bahawa analisis perbandingan antara struktur-struktur morfologi dalam al-Quran al-Karim boleh dilakukan bukan sahaja antara struktur-struktur morfologi yang mempunyai pertalian yang rapat seperti kata nama pelaku, sifat musyabbahat dan siighat mubaalaghat, malah antara struktur-struktur morfologi yang kurang kaitannya seperti kata nama pelaku dan kata kerja kala lampau atau maşdar.

### 3.3.2.1 Kata Nama Mudhakkar dan Mu'annath

Kata nama mudhakkar dan mu'annath merujuk kepada pembahagian kata nama dari sudut jantina. Jantina dalam bahasa Arab secara amnya terbahagi kepada dua bahagian: jantina semula jadi atau realiti seperti مُسْلِمٌ ، مُسْلِمَةٌ dan jantina nahuan seperti مَسْجِدٌ ، كَعْبَةٌ. Isu pemilihan tidak timbul pada jantina nahuan kerana ia tetap, tetapi hanya berlaku pada jantina semula jadi dalam keadaan tertentu.

Contohnya ialah perkataan الرَّوْجُ yang bererti suami dan الرَّوْجَةُ yang bererti isteri. Namun, al-Quran al-Karim hanya menggunakan perkataan الرَّوْجُ sahaja untuk suami dan isteri yang ditentukan maksud salah satunya melalui konteks ayat. Ada yang berpendapat bahawa perkataan الرَّوْجُ lebih fasih daripada perkataan الرَّوْجَةُ berasaskan penggunaan al-Quran al-Karim ini.<sup>107</sup> Namun, pendapat ini tidak dapat menjawab persoalan kenapa digunakan satu perkataan sahaja untuk suami dan isteri, sedangkan dalam perkara lain dibezakan antara lelaki dan wanita seperti perkataan الْمُؤْمِنُونَ ، الْمُؤْمِنَاتُ. Sebenarnya rahsia penggunaan satu perkataan sahaja untuk suami dan isteri adalah untuk menyatakan betapa rapatnya hubungan mereka berdua yang membentuk kesatuan hubungan tanpa sedikit pun rahsia dan pemisah sama ada dari sudut perasaan, material dan sebagainya. Oleh itu,

---

<sup>107</sup> 'Abd al-Fattaah Laasyiin. Safaa' al-Kalimat. Hal. 104 dan Ibn al-Qayyim Wa Hissuhu al-Balaghiyy. Hal. 129.

hubungan antara mereka berdua digambarkan oleh Allah SWT melalui satu perumpamaan yang cukup menarik dalam ayat 187 surah al-Baqarah:



Maksudnya: *Isteri-isteri kamu itu merupakan pakaian bagi kamu dan kamu pula merupakan pakaian bagi mereka.*


Justeru, kesatuan hubungan antara mereka berdua bukan sahaja dapat difahami melalui ayat yang menggambarkan hubungan rapat antara mereka berdua atau pun suruhan supaya berbuat demikian, malah penggunaan satu istilah sahaja yang merujuk kepada mereka berdua juga menunjukkan maksud tersebut.

Contoh tadi melibatkan penggunaan satu perkataan untuk dua perkara. Di samping itu, didapati bahawa al-Quran al-Karim juga menggunakan pendekatan yang sebaliknya, iaitu menggunakan dua istilah untuk satu perkara, cuma keadaannya sahaja yang berbeza. Contohnya ialah *المُرْضِعَةُ* ، *المُرْضِع* yang bererti perempuan yang menyusukan anak. Ia hanya khusus untuk wanita sahaja, tetapi digunakan dua perkataan untuknya. Perkataan *المُرْضِع* tetap menunjukkan perempuan yang menyusukan anak walaupun tanpa ة. Persoalannya ialah apakah perbezaan antara kedua-duanya, iaitu ketika bersambung dengan ة dan tidak bersambung dengannya?

Perkataan *المُرْضِع* dalam bahasa Arab pada asalnya tidak diletakkan ة kerana ia merupakan sifat yang khusus untuk wanita. Ia bererti wanita yang mempunyai kesediaan dan kemampuan untuk menyusukan anak atau mempunyai anak yang boleh disusukannya, tetapi apabila perkataan tersebut dimasuki ة ia bererti wanita yang sedang menyusukan anaknya pada ketika itu.<sup>108</sup>

Dalam ayat 2 surah al-Hajj Allah SWT menggunakan perkataan *مُرْضِعَةٌ* iaitu:

<sup>108</sup> Ibn al-Qayyim. *Badaa' i' al-Fawaa'id*. Hal. 4/31 & 21 dan *Al-Tafsir al-Qayyim*. Hal. 270.



Maksudnya: *Pada hari kamu melihat kegoncangan itu, semua wanita yang menyusui anaknya akan lalai terhadap anak yang disusunya dan kandungan segala wanita yang hamil akan keguguran dan kamu melihat manusia dalam keadaan mabuk, padahal mereka tidaklah mabuk, akan tetapi azab Allah itu sangat dahsyat.*

Ia bermaksud bahawa pada hari berlakunya qiamat semua wanita yang sedang menyusukan anaknya akan melupainya. Hal ini menggambarkan betapa dahsyatnya peristiwa hari qiamat tersebut kerana (seseorang wanita mungkin lalai terhadap anaknya sekiranya dia bukan sedang menyusunya, tetapi ketika dia sedang menyusui anaknya, maka dia tidak akan mungkin lalai terhadapnya kecuali disebabkan sesuatu yang lebih besar daripada penyusuan itu).<sup>109</sup> Sesuatu yang lebih besar itu ialah peristiwa hari qiamat.

### 3.3.2.2 Kata Nama Mufrad, Duaan dan Jamak

Penggunaan kata nama mufrad, duaan dan jamak dalam al-Quran al-Karim adalah unik dan penting. Ulama telah menganalisis penggunaan bentuk ini dalam ayat-ayat al-Quran al-Karim dalam kadar yang banyak, namun mereka kurang membincangkannya secara khusus dan terperinci.

Dalam konteks bentuk bilangan ini, perkara pertama yang perlu dibincangkan ialah satu fenomena khas bahasa yang diperhatikan oleh ulama dan disebut sebagai metode iltizam atau konsisten. Ia bererti (membezakan antara perkataan-perkataan secara terperinci dan menggunakan setiap perkataan dengan satu makna khusus sahaja, di samping menggunakan

<sup>109</sup> Ibn al-Qayyim. Al-Tafsir al-Qaiyyim. Hal. 366 & 370 dan Badaa’i’ al-Fawaa’id. Hal. 4/21.

perkataan bandingannya juga tanpa campur aduk antara penggunaan kedua-dua perkataan).<sup>110</sup>

Antara bentuk metode konsisten dalam konteks ini ialah<sup>111</sup>:

- a- Penggunaan perkataan tertentu dalam bentuk mufrad sahaja dalam al-Quran al-Karim seperti perkataan النَّهَار ، السَّمْع ، الأَرْض ، النَّار ، النُّور ، الصَّدِيق . Apa yang menariknya ialah sekiranya dikehendaki maksud jamak maka tidak digunakan bentuk-bentuk jamak yang diketahui, tetapi digunakan cara lain seperti perkataan الأَرْض yang apabila dikehendaki makna jamak maka digunakan ungkapan (( وَمِنَ الْأَرْضِ مِثْلَهُنَّ )) dalam ayat 12 surah al-Talaq:



Maksudnya: *Allah jualah yang menciptakan tujuh petala langit dan bumi juga seperti itu.*

Kadang-kadang digunakan perkataan lain seperti perkataan النَّهَار yang apabila dikehendaki maksud jamaknya maka digunakan perkataan أَيَّام dalam ayat 7 surah al-Haqqah:



Maksudnya: *Dia mempermudahnya menimpa mereka tujuh malam lapan hari terus-menerus, maka engkau melihat kaum itu bergelimpangan mati, seolah-olah mereka merupakan batang-batang pohon kurma yang lompong.*

<sup>110</sup> ‘Abd al-‘Aziim. Khaṣaa’iṣ al-Ta’biir al-Qur’aaniyy Wa Simaatuhu al-Balaaghiyyaṭ. Hal. 1/278.

<sup>111</sup> Ibid. Hal. 2/314-315. Lihat juga: ‘Abd al-Fattaah Fayyuud. Min Balaaghaṭ al-Naẓm al-Qur’aniyy. Hal. 22.

- b- Penggunaan perkataan tertentu dalam bentuk jamak sahaja dalam al-Quran al-Karim seperti perkataan الأَرْجَاء ، الأَلْبَاب ، الظُّلُمَات

Persoalannya ialah kenapa sesuatu perkataan itu digunakan dalam satu bentuk sahaja sama ada mufrad atau jamak dalam al-Quran al-Karim? Ulama telah membincangkan perkara ini dan memberi pelbagai sebab alasan. Bagi penggunaan bentuk mufrad sahaja dalam al-Quran al-Karim, secara amnya terdapat tiga sebab umum yang diutarakan, iaitu:

- a- Sebab berkaitan sebutan dan bunyi.

Antara sebab yang diberikan untuk penggunaan bentuk mufrad sahaja adalah sekiranya dijamakkan sebutannya akan menjadi susah dan berat. Contohnya perkataan الأَرْضُ yang sebutan jamaknya adalah berat, iaitu أَرْضُ ، آرَاضُ ، أَرُوضُ .<sup>112</sup> Alasan yang diberikan ini pada dasarnya boleh diterima, kerana bunyi perkataan-perkataan ini memang agak berat. Namun, sebenarnya terdapat bentuk jamak lain yang sebutannya agak ringan dan digunakan pada hari ini, iaitu الأَرْضِي .

- b- Sebab berkaitan makna.

Dalam konteks ini, terdapat beberapa sebab yang diketengahkan oleh ulama dan ahli bahasa. Pertamanya ialah penggunaan bentuk mufrad sahaja adalah untuk menunjukkan maksud tunggal atau satu sahaja kerana dua tidak berkaitan dengan perkara tersebut. Contohnya ialah penggunaan perkataan السَّمْعُ dalam bentuk mufrad sahaja adalah kerana tiada pilihan pada proses penerimaan pendengaran<sup>113</sup> dan objek yang didengar hanya satu sahaja, iaitu suara.<sup>114</sup>

Ulama juga turut memberi makna lain selain maksud bilangan mufrad seperti perkataan الأَرْضُ umpamanya yang mengikut ibn al-Qayyim ia merupakan tempat dunia dan ia

---

<sup>112</sup> Ibn al-Qayyim. Badaa' i' al-Fawaa'id. Hal. 1/115.

<sup>113</sup> Ibid. Hal. 1/115.

<sup>114</sup> Al-Suyutiyy. Al-Itqaan. Hal. 2/301.



dianggap sedikit atau kecil apabila dibandingkan dengan akhirat. Allah SWT pula tidak menyebutnya kecuali dalam konteks kekerdilan dan kehinaan. Oleh itu, ia disebut dalam bentuk mufrad sahaja kerana jamak menunjukkan kebesaran dan keagongan.<sup>115</sup> Pendapat yang hampir sama diberikan oleh al-Suhailiyy yang menyatakan:

*“Perkataan الأرض tidak disebut dalam al-Quran dengan maksud zatnya atau menyatakan hakikatnya, sebaliknya dengan maksud bahagian bawah sebagai peringatan daripada Allah SWT tentang kehinaannya dan sebagai sesuatu yang tidak perlu diingat serta diambil berat kerana ia merupakan tempat kehidupan dunia”.*<sup>116</sup>

Daripada sini diperhatikan bahawa sebab yang diberikan ialah penggunaan mufrad menunjukkan kekerdilan, kurang bernilai dan seumpamanya dan ia tiada kaitan dengan bilangan, tetapi berkaitan dengan perkara lain yang disebut sebagai tujuan-tujuan balaghah.

Kesimpulannya dalam konteks makna ini, boleh dibahagikan kepada dua. Pertama maksud hakiki/leksikologi, iaitu mufrad dan keduanya maksud balaghi, iaitu kekerdilan, kurang bernilai dan seumpamanya.

c- Sebab nahuan.

Sebahagian ulama berpendapat bahawa perkataan السَّمْع hanya disebut dalam bentuk mufrad sahaja kerana ia merupakan maṣḍar. Maṣḍar dalam bahasa Arab tidak boleh dijamakkan.<sup>117</sup> Mengikut al-Suhailiyy perkataan الأرض juga tidak boleh dijamakkan kerana ia menyerupai maṣḍar seperti perkataan السُّفْل ، التَّحْت . Sebagaimana kedua-duanya tidak boleh dijamakkan maka ia juga tidak boleh dijamakkan.<sup>118</sup>

---

<sup>115</sup> Ibn al-Qayyim. Badaa’i‘ al-Fawaa’id. Hal. 1/114-117

<sup>116</sup> Al-Suhailiyy. Nataa’ij al-Fikr. Hal. 157-160

<sup>117</sup> Al-Suyutiyy. Al-Itqaan. Hal. 2/301.

<sup>118</sup> Al-Suhailiyy. Nataa’ij al-Fikr. Hal. 157-160 .

Berhubung dengan penggunaan perkataan tertentu dalam bentuk jamak sahaja pula, beberapa sebab dan alasan telah diberikan oleh ulama dan ahli bahasa, antaranya:

a- Sebab berkaitan bunyi dan sebutan.

Antara sebab yang diberikan untuk penggunaan bentuk jamak sahaja ialah sebutannya yang ringan dan sekiranya dimufradkan sebutannya akan menjadi berat dan susah. Untuk perkataan **الْأَلْبَاب** umpamanya Ibn al-Athiir memberi alasan penggunaannya dalam bentuk jamak sahaja adalah kerana “perkataan ini ringan untuk disebut dan makhrajnya berjauhan”.<sup>119</sup> Ada pula yang membandingkannya dengan bentuk mufradnya, iaitu **الْبَاب** lalu mendapati bahawa (sebutan mufradnya adalah berat ...maka, apabila dikehendaki bentuk mufrad maka akan digunakan perkataan **الْقَلْب** dan **الْفُؤَاد**).<sup>120</sup> Alasan yang diberikan ini pada dasarnya adalah logik dan boleh diterima kerana memang sebutan **الْبَاب** agak sukar berbanding dengan sebutan **الْقَلْب** dan **الْفُؤَاد**. Namun, kenyataan bahawa apabila dikehendaki bentuk mufrad maka akan digunakan perkataan **الْقَلْب** dan **الْفُؤَاد**, agak sukar untuk diterima kerana sebenarnya terdapat perbezaan antara ketiga-tiga perkataan tersebut berdasarkan dapatan terdahulu bahawa tiada sinonim dalam al-Quran al-Karim.

b- Sebab berkaitan makna.

Contohnya ialah perkataan **الظُّلُمَات** yang digunakan dalam bentuk jamak sahaja kerana ia merujuk kepada kebatilan, kesesatan, kekufuran dan sebagainya yang ianya sememangnya banyak sama ada dilihat dari sudut bentuk, sumber dan sebagainya.<sup>121</sup> Alasan ini ada kebenarannya khususnya jika dilihat kepada realiti semasa dan perkembangan zaman yang semakin hari semakin banyak kejahatan, berbanding dengan kebaikan yang ia juga kadang-kadang bertukar menjadi kesilapan akibat tidak mengikut jalan yang betul.

---

<sup>119</sup> Ibn al-Athiir. *Al-Mathal al-Saa'ir*. Hal. 1/384 .

<sup>120</sup> ‘Abd al-Fattaah Fayyuud. *Min Balaaghat al-Nazm al-Qur’aaniyy*. Hal. 28.

<sup>121</sup> Ibn al-Qayyim. *Badaa’i al-Fawaa'id*. Hal. 1/119. ‘Abd al-’Aziim. *Khaṣaa’iṣ al-Ta’biir al-Qur’aaniyy Wa Simaatuhu al-Balaaghiyyat*. Hal. 2/396-397.

Ada yang mentafsirkan penggunaan perkataan ini dalam bentuk jamak dari sudut maksud balaghi sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Aluusiyy yang membandingkannya dengan perkataan التُّور bahwa “kegelapan itu walaupun sedikit ia dianggap banyak, sebaliknya cahaya walaupun banyak ia dianggap sedikit selama mana ia tidak memudaratkan”.<sup>122</sup> Diperhatikan bahawa alasan yang diberikan ini adalah berkaitan dengan faktor pandangan dan prinsip kehidupan serta dorongan motivasi, iaitu perkara buruk dan jahat walaupun sedikit harus dilihat besar yang mendorong supaya dijauhinya, tetapi perkara baik walaupun banyak harus dilihat sedikit yang mendorong supaya diperbanyakkannya dan dipertingkatkan lagi.

Kesimpulannya, dalam konteks metode iltizam, selain daripada sebab berkaitan sebutan dan nahuan, mufrad dan jamak digunakan untuk dua maksud, pertamanya maksud hakiki, iaitu bilangan masing-masing dan keduanya maksud balaghi seperti kekerdilan dan kehinaan untuk mufrad.

Perbincangan tadi adalah berkaitan metode iltizam. Dalam konteks bukan metode iltizam pula, persoalan yang ingin dibincangkan ialah apakah bentuk-bentuk bilangan itu digunakan dengan maksud bilangan tersebut? Dengan kata lain, apakah perkataan dalam bentuk mufrad umpamanya digunakan dengan makna satu dan tidak menunjukkan banyak? Begitulah dengan duaan dan jamak, apakah ia digunakan dengan maksud dua dan jamak dan tidak untuk maksud satu atau apakah bilangan tersebut turut juga digunakan dengan maksud lain yang tidak berkaitan dengan bilangan?

Untuk menjawab persoalan ini penulis akan menganalisis perkataan sama yang digunakan dalam bentuk bilangan yang berlainan. Contohnya ialah perkataan الآيات dan الآيات yang disebut dalam ayat 13 surah al-Nahl:

---

<sup>122</sup> Al-Aluusiyy. Ruuh al-Ma‘anii. Hal. 1/197.



Dalam ayat pertama digunakan آية<sup>1</sup> dalam bentuk mufrad kerana tumbuhan-tumbuhan yang disebutkan itu walaupun banyak, namun semuanya berasal dari satu sumber, iaitu air yang turun dari langit lalu menyuburkannya dan mengeluarkan pelbagai buah-buahan. Dalam ayat kedua pula disebut berbagai-bagai fenomena alam: malam, siang, matahari dan bulan yang semuanya merupakan tanda-tanda kebesaran Allah SWT yang banyak, lebih-lebih lagi ia sesuai dengan perkataan مُسَخَّرَات yang disebut dalam bentuk jamak. Sementara ayat ketiga pula, diterangkan sumber yang satu juga, iaitu bumi.<sup>123</sup>

Diperhatikan bahawa penggunaan bentuk mufrad dan jamak di sini adalah berkaitan dengan perkara yang difokuskan. Sekiranya yang difokuskan itu satu, maka digunakan bentuk mufrad, seolah-olahnya Allah SWT ingin menarik perhatian pembaca kepada hubungan antara satu sumber yang difokuskan dengan benda-benda lain yang disebut. Sekiranya apa yang difokuskan itu adalah banyak, maka digunakan bentuk jamak seolah-olahnya setiap satu itu perlu diberi penekanan yang khusus kerana kehalusan dan kehebatannya. Kesimpulannya ialah bentuk mufrad dan jamak memang menunjukkan bilangannya, namun ia dilihat dari sudut kaitannya dengan perkara yang difokuskan.

Antara contoh yang menarik untuk dianalisis ialah perkataan الرِّيح ، الرِّيحَ seperti dalam ayat 41 surah al-Zariyat dan ayat 46 surah al-Rum:

رِّيحًا مِّنْ رَّبِّهِمْ يَوْمَئِذٍ يَمَسُّنَ كُلِّ شَيْءٍ رِّيحٌ شَرْقِيَّةٌ يَأْتِيهِمُ الرِّيحُ حَارَّةٌ فَوْقَ الْمَوْتِمُوتِ وَرِيحٌ غَرْبِيَّةٌ أَسْفَلَ السَّمَاءِ ذُرِّيَّتُهُ مُطَمَّرَةٌ وَإِنَّهُمْ مُّكْتَبُونَ

Maksudnya: *(Ingatlah) Kaum Aad ketika Kami hantarkan kepada mereka angin rebut yang tidak mengandungi sebarang kebaikan*

رِّيحًا مِّنْ رَّبِّهِمْ يَوْمَئِذٍ يَمَسُّنَ كُلِّ شَيْءٍ رِّيحٌ شَرْقِيَّةٌ يَأْتِيهِمُ الرِّيحُ حَارَّةٌ فَوْقَ الْمَوْتِمُوتِ وَرِيحٌ غَرْبِيَّةٌ أَسْفَلَ السَّمَاءِ ذُرِّيَّتُهُ مُطَمَّرَةٌ وَإِنَّهُمْ مُّكْتَبُونَ

<sup>123</sup> Al-Zarkasyiyy. Al-Burhaan. Hal. 4/14. Al-Khaṭiib al-Iskaafiyy. Durraṭ al-Tanziil. Hal. 252.



Maksudnya: Antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menghantarkan angin sebagai sesuatu yang mengembirakan dan untuk menjadikan kamu merasakan sedikit daripada rahmat-Nya. Begitu juga supaya kapal-kapal dapat belayar dengan perintah-Nya dan juga supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya semoga kamu bersyukur.

Apabila dibandingkan antara kedua-dua ayat tadi, didapati bahawa ayat pertama menceritakan mengenai angin yang menyebabkan berlakunya kebinasaan kepada kaum Aad dan perkataan angin digunakan dalam bentuk mufrad, iaitu الرِّيح , tetapi ayat kedua menceritakan mengenai angin yang mendatangkan kebaikan kepada manusia dan perkataan angin digunakan dalam bentuk jamak iaitu الرِّياح.

Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa perkataan الرِّيح digunakan dalam bentuk mufrad dalam konteks kebinasaan, balasan buruk dan azab, manakala bentuk jamak iaitu الرِّياح digunakan dalam konteks rahmat dan kebaikan. Nampaknya seolah-olah ia tidak menunjukkan bilangan, kerana ia dikaitkan dengan persoalan baik atau buruk. Namun, ulama memberi sebab kenapa digunakan mufrad ketika azab dan jamak ketika rahmat dengan mengaitkannya dengan unsur bilangan. Mereka menyatakan bahawa sebab digunakan mufrad ketika azab adalah kerana ia datang dari satu arah sahaja, tanpa ada yang menghalangnya lalu membinasakan tempat yang dikehendaki. Sebaliknya digunakan bentuk jamak dalam konteks rahmat kerana angin rahmat mempunyai banyak manfaat kepada pelbagai makhluk termasuk binatang dan tumbuhan.

Alasan yang diberikan ini ada logiknya kerana bentuk mufrad juga digunakan dalam konteks rahmat dalam satu ayat lain, iaitu ayat 22 surah Yunus:




Maksudnya: Dialah yang menjalankan kamu di daratan dan di lautan sehingga apabila kamu berada di dalam bahtera yang bergerak membawa penumpang-penumpanganya dengan tiupan angin yang baik dan mereka pun gembira dengannya, tiba-tiba datanglah kepadanya angin ribut yang kencang.

Sebabnya ialah angin akan menjadi rahmat sekiranya ia datang dari satu arah sahaja, bukannya banyak arah. Oleh itu, kapal hanya akan berjalan dengan lancar sekira angin datang dari satu arah sahaja.<sup>124</sup> Kesimpulannya bentuk mufrad dan jamak memang menunjukkan bilangan masing-masing, cuma ia dilihat dari perspektif tertentu secara tidak langsung, bukannya secara langsung.


Contoh lain ialah perkataan الطُّفُل ، الأَطْفَال dalam ayat 31 dan 59 surah al-Nur:



<sup>124</sup> Al-Zarkasyiyy. Al-Burhaan. Hal. 4/9. Al-Suyuuṭiyy. Al-Itqaan. Hal. 1/194. Al-Suyuuṭiyy. Mu'tarak al-Aqraan. Hal. 3/596. Ibn al-Qayyim. Badaa'i' al-Fawaa'id. Hal. 1/118.



Maksudnya: *Janganlah mereka menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka, ayah mereka, ayah suami mereka, anak-anak lelaki mereka, anak-anak lelaki suami mereka, saudara-saudara lelaki mereka, anak-anak saudara lelaki mereka, anak-anak saudara perempuan mereka, wanita-wanita Islam, budak- budak yang mereka miliki, pelayan-pelayan lelaki yang tidak mempunyai keinginan atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita.*



Maksudnya: *Apabila anak-anakmu telah sampai umur baligh, maka hendaklah mereka meminta izin, sebagaimana orang-orang yang sebelum mereka telah meminta izin. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.*

Digunakan الطُّفْلُ dalam ayat pertama dan الأَطْفَالُ dalam ayat kedua kerana (menyebut الطُّفْلُ dalam bentuk mufrad mempunyai isyarat bahawa kurangnya bahaya kanak-kanak yang tidak mengetahui apa itu aurat dan menyebutnya dalam bentuk jamak mempunyai isyarat bahawa bahaya percampuran mereka dan tidak boleh dipandang mudah untuk mereka melihat aurat).<sup>125</sup> Justeru, penggunaan mufrad dan jamak di sini tidak menunjukkan

<sup>125</sup> Muḥammad al-Amiin. Al-I‘jaaz al-Bayaaniyy Fii Şiyagh al-Alfaaz. Hal. 50-60.




bilangannya, tetapi memberi maksud balaghah, iaitu memandang sesuatu sebagai kecil ketika mufrad dan memandang sesuatu sebagai besar ketika jamak.

Antara perkataan yang menarik untuk dibincangkan ialah perkataan السَّمَاوَاتِ ، السَّمَاءُ seperti dalam ayat 16 surah al-Mulk dan ayat 1 surah al-Hadid:



Maksudnya: *Apakah kamu merasa aman terhadap Allah di langit bahawa Dia akan menenggelamkan bumi bersama kamu, sehingga tiba-tiba bumi itu bergoncang?*



Maksudnya: *Segala yang ada di langit dan di bumi mengucapkan tasbih kepada Allah dan Dialah Yang Maha Berkuasa, lagi Maha Bijaksana.*

Ibn al-Qayyim berpendapat sekiranya dimaksudkan dengan langit itu berdasarkan konteks ayat ialah sifat tinggi, atas atau arah, maka digunakan bentuk mufrad dan sekiranya dimaksudkan dengannya ialah langit itu sendiri yang banyak, maka digunakan bentuk jamak yang menunjukkan keagungan dan kekuasaan.<sup>126</sup> Justeru, mufrad menunjukkan makna satu, tetapi bukan merujuk kepada hakikat langit itu sendiri, sebaliknya kepada maksud yang berkaitan dengannya, iaitu arah atau ketinggian.

Pendapat ini boleh diterima, cuma penulis ingin menambah bahawa penggunaan bentuk mufrad ini sesuai dengan fokus ayat pertama, iaitu Allah SWT sendiri yang esa dan ia juga mengandungi unsur *musyaakalat* dengan perkataan *bumi* serta konteks umum ayat ini juga ialah mufrad. Sementara penggunaan jamak memang menunjukkan kepada bilangan


<sup>126</sup> Ibn al-Qayyim. Badaa’i al-Fawaa’id. Hal. 1/115 dan Al-Tafsiir al-Qayyim. Hal. 305. ‘Abd al-Fattaah Laasyiin. Safaa` al-Kalimat Hal .124.

banyak yang sesuai dengan konteks ayat. Kesimpulannya penggunaan mufrad dilihat dari sudut makna tidak langsung dan kesesuaian konteks ayat, sementara jamak pula adalah dari sudut hakiki.

Namun alasan ini tidak sesuai digunakan untuk ayat 31 surah Yunus dan ayat 24 surah Saba':



Maksudnya: *Katakanlah: "Siapakah yang memberi rezeki kepadamu dari langit dan bumi atau siapakah yang memiliki pendengaran dan penglihatan. Siapakah pula yang mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup dan siapakah yang mengatur segala urusan?" Maka mereka akan menjawab: "Allah". Maka Katakanlah "Mengapa kamu tidak bertaqwa?"*



Maksudnya: *Katakanlah: "Siapakan yang memberi rezeki kepadamu dari langit dan bumi?" Katakanlah: "Allah". Sesungguhnya kami atau kamu pasti berada dalam petunjuk atau dalam kesesatan yang nyata.*

Ini adalah kerana perkataan السَّمَاء digunakan dalam bentuk mufrad dalam ayat pertama dan dalam bentuk jamak dalam ayat kedua, sedangkan konteks kedua-dua ayat tersebut adalah sama, iaitu pemberian rezeki. Jadi, apakah alasan penggunaan mufrad dan jamak di sini?

Mengikut Ibn al-Qayyim juga sebabnya di sini ialah perkataan السَّمَاءِ dimufradkan dalam ayat pertama kerana penerimanya mengakui dan menerima turunnya rezeki dari Allah SWT, tetapi dalam ayat kedua ia dijamakkan kerana penerimanya tidak mengaku perkara itu, lalu Allah SWT memerintahkan Nabi supaya menjawab bahawa Allah SWT menurunkan rezeki yang banyak dengan kepelbagaian jenisnya dari langit yang tujuh.<sup>127</sup> Oleh itu, konteks ayat kedua memerlukan digunakan bentuk jamak berbanding dengan ayat pertama.

Penulis ingin menambah bahawa secara hakikatnya memang rezeki yang diturunkan Allah SWT Adalah pelbagai dari sumber yang banyak. Oleh itu, penggunaan jamak dalam ayat kedua adalah secara hakiki yang menunjukkan kepada bilangan yang banyak dan sesuai dengan konteks penerima. Namun dalam ayat pertama, persoalan yang masih timbul apakah tidak boleh digunakan bentuk jamak juga? Penulis berpendapat pada dasarnya tidak menjadi sesuatu kesalahan sekiranya digunakan bentuk jamak di sini, tetapi al-Quran menggunakan juga bentuk mufrad kerana situasi penerima tidak memerlukan digunakan bentuk jamak dan memadai digunakan bentuk mufrad sahaja, lagikan pula cara begini menunjukkan perbezaan yang nyata antara orang yang beriman dan tidak beriman. Oleh itu, penggunaan mufrad tidak merujuk kepada bilangan, tetapi sekiranya digunakan jamak ia merupakan suatu “pembaziran”. Ini menunjukkan bahawa al-Quran al-Karim menggunakan setiap perkataan tepat dengan konteksnya tanpa sedikit pun kekurangan dan “pembaziran”.

Antara contoh yang boleh diketengahkan juga di sini ialah penggunaan perkataan الصِّرَاطِ dan السُّبُلِ walaupun berbeza lafaz tetapi makna umumnya adalah sama, iaitu jalan. Contohnya ialah ayat 153 surah al-An’am:



<sup>127</sup> Ibn al-Qayyim. Badaa’i’ al-Fawaa’id. Hal. 1/117.



Maksudnya: *Bahawasanya inilah jalan-Ku yang lurus, maka ikutilahnya dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan lain, maka ia akan memecahbelahkan kamu dari jalannya. Itulah yang diperintahkan-Nya semoga kamu bertaqwa.*

Dalam ayat di atas, perkataan الصِّرَاط yang dikaitkan dengan jalan yang lurus disebut dalam bentuk mufrad dan السُّبُل yang dikaitkan dengan jalan yang tidak lurus disebut dalam bentuk jamak. Ibn al-Qayyim berpendapat sebabnya ialah jalan kebenaran itu hanyalah satu sahaja, manakala jalan kebatilan adalah banyak dan pelbagai.<sup>128</sup> Pendapat ini ada kebenarannya kerana Ibn Mas'ud meriwayatkan bahawa pada satu ketika Rasulullah SAW telah membuat satu garisan dengan tangan Baginda kemudan bersabda: “Ini adalah jalan Allah Taala yang lurus”. Kemudian Baginda membuat beberapa garisan di sebelah kanan dan kiri garisan tersebut, kemudian Baginda bersabda: “Tiada satu jalan pun daripada jalan-jalan ini kecuali terdapat padanya syaitan yang menyeru kepadanya”. Kemudian Baginda membaca ayat (( وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا )).<sup>129</sup> Ini menjelaskan bahawa penggunaan mufrad dan jamak memang menunjukkan maksud bilangan yang berkenaan.

Kesimpulannya dalam konteks perbandingan dua perkataan yang sama tetapi digunakan dalam pelbagai bentuk bilangan, didapati bahawa sebahagiannya menunjukkan kepada maksud bilangan bentuk perkataan berkenaan secara langsung dan sebahagiannya pula menunjukkan bilangannya secara tidak langsung mengikut perspektif tertentu dan berdasarkan konteks ayat. Di samping itu, ia juga mungkin menunjukkan maksud balaghah seperti memandang kecil atau besar berdasarkan konteks ayat. Kadang-kadang bentuk mufrad digunakan kerana tiada keperluan dijamakkan dan untuk menunjukkan perbezaan situasi.

<sup>128</sup> Ibn Al-Qayyim. Badaa'i' al-Fawaa'id. Hal. 1/119.

<sup>129</sup> Al-Aluusiyy. Ruuh al-Ma'aanii. Hal. 8/57.

Seterusnya penulis ingin membandingkan penggunaan dua perkataan berlainan yang digunakan dalam pelbagai bentuk bilangan, tetapi mempunyai hubungan berlawanan. Contohnya ialah perkataan **النُّور** dan **الظُّلُمَات** yang mempunyai kaitan rapat dengan perkataan **الصِّرَاط** dan **السُّبُل**. Diperhatikan bahawa kedua-dua perkataan ini apabila digunakan serentak dalam sesuatu ayat, maka perkataan **النور** disebut dalam bentuk mufrad dan perkataan **الظُّلُمَات** dalam bentuk jamak. Hal ini berlaku sebanyak 12 tempat dalam al-Quran al-Karim.<sup>130</sup> . Antara ayat-ayat tersebut ialah ayat 257 surah al-Baqarah:



Maksudnya: Allah jualah pelindung orang-orang yang beriman. Dia mengeluarkan mereka dari kegelapan kepada cahaya. Manakala orang-orang kafir pula, pelindung-pelindung mereka ialah syaitan yang mengeluarkan mereka daripada cahaya kepada kegelapan. Mereka itulah penghuni-penghuni neraka yang mereka kekal di dalamnya.

Terdapat beberapa pendapat dalam mentafsirkan penggunaan bentuk mufrad dan jamak ini. Ibn al-Qayyim berpendapat sebabnya ialah:

“Jalan kebenaran itu hanya satu sahaja kerana sumbernya ialah Allah, Raja Yang Sebenar. Sementara jalan kebatilan itu banyak dan pelbagai kerana ia tidak merujuk kepada satu perkara dan tujuan yang boleh dicapai, malah ia ibarat cabang-cabang


<sup>130</sup> Muḥammad al-Amiin. al-I‘jaaz al-Bayaaniyy Fii Şiyagh al-Alfaaz. Hal. 34.

*jalan, sedangkan jalan kebenaran ibarat jalan yang boleh menyampaikan kepada tujuan yang sekali pun ia pelbagai, namun sumbernya ialah satu jalan sahaja”.*<sup>131</sup>

Ibn Kathir pula berpendapat perkataan التَّوْرُ dimufradkan kerana ia lebih mulia.<sup>132</sup>

Diperhatikan bahawa mengikut pendapat pertama penggunaan bentuk mufrad dan jamak memang merujuk kepada bilangan berkenaan. Manakala mengikut pendapat kedua pula penggunaan bentuk mufrad merujuk kepada maksud balaghah, iaitu kemulian. Antara kedua-dua pendapat ini nampaknya pendapat pertama lebih kuat kerana ia lebih rasional apabila mengaitkan isu ini dengan bilangan, sementara pendapat kedua tidak mempunyai alasan yang kukuh untuk mengatakan bahawa bentuk mufrad lebih mulia.

Antara contoh yang menarik untuk dianalisis ialah perkataan الْمَغْرِب ، الْمَشْرِق kerana terdapat juga penggunaan duaan untuknya seperti dalam ayat 9 surah al-Muzzammil, ayat 17 surah al-Rahman dan ayat 40 surah al-Ma’arij:



Maksudnya: *(Dialah) Tuhan tempat timbul dan tenggelam matahari, tiada Tuhan melainkan Dia, maka ambillah Dia sebagai pelindung.*



Maksudnya: *(Dialah) Tuhan kedua-dua timur dan kedua-dua barat.*



<sup>131</sup> Ibn al-Qayyim. Badaa’i‘ al-Fawaa’id. Hal. 1/119.

<sup>132</sup> Ibn Kathiir. Tafsir al-Qur’aan al-’Aziim. Hal. 2/123.



Maksudnya: *Aku bersumpah dengan Tuhan segala arah timur dan barat.  
Sesungguhnya Kami benar-benar Maha Berkuasa untuk mengganti dengan kaum  
yang lebih baik dari mereka dan Kami sekali-kali tidak dapat dikalahkan.*

Ulama menyebut bahawa digunakan kedua-dua perkataan ini dalam bentuk yang berlainan disebabkan konteks dan maksudnya adalah berlainan. Konteks ayat pertama ialah perbezaan siang dan malam yang berkaitan dengan matahari. Oleh itu, yang dimaksudkan dengan *المُشْرِقِ ، المَغْرِبِ* di sini ialah tempat timbul dan tenggelamnya matahari secara umum.

Sementara konteks ayat kedua pula ialah dualism, iaitu kejadian dan pengajaran, matahari dan bulan, bintang dan tumbuhan, langit dan bumi, keadilan dan kezaliman, bijian dan buah-buahan, manusia dan jin, kemudian diikuti dengan dua perkataan ini *المُشْرِقَيْنِ ، المَغْرِبَيْنِ* dengan maksud dua tempat timbul dan tenggelam matahari pada musim panas dan musim sejuk.

Ayat ketiga pula membicarakan tentang keluasan rububiah dan kekuasaan Allah SWT. Oleh itu, menyebut bilangan yang banyak adalah sesuai dengan konteks ayat. Maka yang dimaksudkan dengan *المُعَارِبِ ، المُشَارِقِ* ialah perubahan tempat serta masa timbul dan tenggelam matahari setiap hari yang merupakan salah satu tanda kekuasaan dan kebesaran Allah SWT.<sup>133</sup>

Al-Sya'raawiyy pula melihat dari sudut lain. Mengikutnya kedua-dua perkataan ini disebut dalam bentuk mufrad *المُشْرِقِ ، المَغْرِبِ* kerana bumi ini secara amnya mempunyai timur dan baratnya. Ia disebut dalam bentuk duaan pula *المُشْرِقَيْنِ ، المَغْرِبَيْنِ* kerana bumi ini dari sudut


---

<sup>133</sup> Ibn al-Qayyim. *Badaa'i' al-Fawaa'id*. Hal. 1/121. Al-Suyutiyy. *Mu'tarak al-Aqraan*. Hal. 3/598. Al-Zarkasyiy. *Al-Burhaan Fii 'Uluum al-Qur'aan*. Hal. 4/15. Al-Suyutiyy. *Al-Itqaan Fii 'Uluum al-Qur'aan*. Hal. 1/194.

cahaya terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian yang terang kerana menerima cahaya matahari dan bahagian yang gelap kerana tidak menerima cahaya matahari. Setiap bahagian ini juga mempunyai timur dan barat masing-masing yang secara keseluruhannya menjadikan bumi ini mempunyai dua timur dan dua barat. Ia disebut pula dalam bentuk jamak *المُعَارِب ، المَشَارِق* kerana mengikut ilmu falak moden setiap negara mempunyai timur dan barat masing-masing yang secara keseluruhannya menjadikan bumi ini mempunyai banyak timur dan barat.<sup>134</sup>

Kedua-dua pendapat ini sebenarnya bukanlah merupakan perbezaan, tetapi lebih merupakan kepelbagaian, walaupun pendapat kedua nampaknya bersifat saintifik. Kesimpulannya bilangan yang disebut menunjukkan kepada bilangan yang berkenaan, namun ia berkaitan dengan konteks ayat.

Seterusnya penulis akan menganalisis penggunaan bentuk bilangan untuk dua perkataan berlainan atau lebih yang bukan mempunyai hubungan berlawanan. Contohnya ialah ayat 74 surah al-Furqan:



Maksudnya: *Orang-orang yang berkata: "Wahai Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri kami dan keturunan kami sebagai penyejuk mata dan jadikanlah kami imam bagi orang-orang yang bertakwa.*

Ganti nama *إمّامًا* yang digunakan ialah jamak, tetapi rujukannya ialah mufrad. Sebabnya ialah orang-orang bertaqwa mempunyai satu kepimpinan, tujuan dan petunjuk yang

<sup>134</sup> Al-Sya'raawiyy. Mu'jizat al-Qur'aan. Hal. 23-24.



menunjukkan kesatuan seruan kebenaran.<sup>135</sup> Diperhatikan bahawa bentuk bilangan di sini menunjukkan bilangan yang berkenaan.

Contoh lain ialah ayat 100 surah al-Syu'ara':



Maksudnya: *Maka kami tidak mempunyai pemberi syafa'at dan tidak pula mempunyai teman yang akrab.*

Digunakan jamak untuk perkataan pemberi syafaat dan mufrad untuk teman (kerana banyaknya pemberi syafaat pada kebiasaannya dan kurangnya teman).<sup>136</sup> Diperhatikan bahawa mufrad menunjukkan bilangan sedikit.

Antara contoh yang menarik untuk dianalisis ialah ayat 43 surah al-Nisa':



Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu bersolat dalam keadaan kamu mabuk, sehinggalah kamu mengerti apa yang kamu ucapkan. Janganlah (juga hampiri masjid) dalam keadaan kamu berjunub, kecuali sekadar berlalu sahaja, sehinggalah kamu mandi.*


Dalam ayat di atas, perkataan سَكَارَى dan عَابِرِي سَبِيلٍ adalah jamak sesuai dengan konteks ayat yang berkaitan dengan orang-orang beriman, tetapi perkataan جُنُبًا ialah mufrad kerana hendak mengisyarat bahawa keadaan berjunub bersifat personal dan hubungan kelamin

<sup>135</sup> Muḥammad al-Amiin. al-I'jaaz al-Bayaaniyy Fii Şiyagh al-Alfaaz. Hal .42.

<sup>136</sup> Al-Zamakhshariyy. Al-Kasysyaaf. Hal. 2/430.

merupakan perbuatan yang dilakukan secara tertutup.<sup>137</sup> Kesimpulannya di sini bentuk mufrad tidak menunjukkan bilangannya, sebaliknya menunjukkan makna personal dan tertutup.

Antara contohnya juga ialah ayat 19 surah al-Baqarah:



Maksudnya: *Atau seperti hujan lebat dari langit disertai gelap gulita, guruh dan kilat.*

*Mereka memasukkan jari-jari mereka ke dalam telinga mereka*

*kerana terdengar petir dan takutkan kematian. Allah meliputi orang-orang kafir.*

Digunakan perkataan الظُّلُمَاتِ ، الأصابع ، الصَّوَاعِقُ yang bererti kegelapan, jari-jari dan petir dalam bentuk jamak tetapi digunakan perkataan الرِّعْدُ ، البرقُ yang bererti kilat dan guruh dalam bentuk mufrad untuk menggambarkan (pekat dan kuatnya kegelapan serta banyaknya petir yang dinyatakan dalam bentuk jamak adalah untuk menutup pendengaran dan penglihatan mereka. Sebagaimana mereka menutup pendengaran mereka dengan jari-jari mereka, maka kegelapan juga dijadikan menutup penglihatan mereka, lalu telinga mereka tidak dapat lagi mendengar dan penglihatan mereka tidak lagi dapat melihat. Sekiranya dijamakkan guruh dan kilat, nescaya ia akan mengurangkan kepekatan kegelapan).<sup>138</sup>

<sup>137</sup> Muḥammad al-Amiin. al-I'jaaz al-Bayaaniiyy Fii Şiyagh al-Alfaaz. Hal. 74.

<sup>138</sup> Muḥammad al-Amiin. al-I'jaaz al-Bayaaniiyy Fii Şiyagh al-Alfaaz. Hal. 38.

Diperhatikan bahawa bentuk jamak menunjukkan bilangan yang banyak, namun mufrad bukan menunjukkan satu, tetapi menunjukkan sedikit yang sekiranya dijamakkan akan mengurangkan gambaran situasi ketakutan.

Kesimpulannya didapati bahawa perkataan jamak menunjukkan bilangan yang banyak, tetapi mufrad sebahagiannya menunjukkan maksud satu dan kebanyakannya menunjukkan maksud balaghah seperti sedikit, personal dan sebagainya.

Apa yang dianalisis sebelum ini merupakan contoh penggunaan beberapa perkataan yang berlainan bentuk bilangannya, namun didapati ulama turut membuat analisis terhadap penggunaan satu bentuk bilangan sahaja dalam sesuatu ayat. Antara contoh yang dianalisis oleh mereka ialah bentuk mufrad seperti ayat 34 surah Ibrahim:



Maksudnya: *Jika kamu menghitung nikmat Allah, kamu tidak akan dapat memperincikannya. Sesungguhnya manusia itu sangat zalim dan sangat kufur.*

Perkataan نعمة disebut dalam bentuk mufrad untuk memberi maksud bahawa sedikit sahaja nikmat Allah SWT tidak terkira nilainya, apatah lagi sekiranya ia banyak.<sup>139</sup> Diperhatikan di sini bahawa bentuk mufrad tidak memberi maksud satu, tetapi makna sedikit.

Antara contoh yang menarik untuk dianalisis ialah ayat 27 surah Luqman:




<sup>139</sup> Muḥammad al-Amiin. al-I'jaaz al-Bayaaniyy Fii Şiyagh al-Alfaaz. Hal. 79.

Maksudnya: *Seandainya pohon-pohon di bumi menjadi pena dan laut (yang menjadi tinta) ditambahkan kepadanya tujuh laut lagi sesudah (kering)nya, nescaya tidak akan habis kalimah Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.*

Terdapat dalam kalangan ulama yang berpendapat bahawa perkataan الشَّجَرَة disebut dalam bentuk mufrad kerana menunjukkan banyak dan berlebihan.<sup>140</sup> Makna banyak ini bertentangan dengan makna sedikit sebelum ini. Penulis berpendapat makna “banyak” ini agak sukar diterima kerana ia bertentangan dengan bentuk mufrad yang memberi makna tunggal dan akan menimbulkan kecelaruan dan kesamaran dengan bentuk jamak. Oleh itu, penulis lebih bersetuju dengan pendapat al-Zamakhshary yang menyatakan bahawa bentuk mufrad ini bertujuan memperincikan maksud pohon satu persatu.<sup>141</sup>

Antara contohnya juga ialah ayat 67 surah Ghafir:



Maksudnya: *Dialah yang menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitis air benih, kemudian dari seketul darah beku, kemudian dari seketul daging, kemudian Dia mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak, kemudian kamu sampai ke peringkat umur dewasa, kemudian kamu sampai menjadi tua. Ada antara kamu yang dimatikan sebelum itu supaya kamu sampai ke masa yang ditentukan dan supaya kamu berfikir.*

<sup>140</sup> Ibid. Hal. 68.

<sup>141</sup> Al-Zamakhsharyyy. Al-Kasysyaaf. Hal. 3/236.

Perkataan-perkataan *الشُّرَاب ، النُّطْفَة ، العَلَقَة* disebut dalam bentuk mufrad kerana konteks ayat di sini ialah merendahkan dan menghina orang-orang yang ditujukan ayat ini setelah mereka menolak hakikat bahawa mereka akan dibangkitkan semula selepas kematian mereka, maka bentuk mufradlah yang sesuai digunakan untuk menghina makhluk ciptaan dan mengagongkan Pencipta.<sup>142</sup> Kesimpulannya bentuk mufrad di sini tidak menunjukkan makna bilangan tunggal, tetapi maksud kehinaan, iaitu maksud balaghahnya. Namun, penulis berpendapat makna kehinaan ini turut difahami daripada bentuk nakirah juga, bukannya mufrad sahaja.

Analisis ulama juga menunjukkan bahawa bentuk mufrad mungkin menunjukkan maksud “memperbesarkan” seperti ayat 81 surah al-Baqarah:



Maksudnya: *Bahkan, sesiapa yang melakukan keburukan dan telah diliputi oleh kesalahannya, mereka itulah penghuni neraka. Mereka kekal di dalamnya.*

Perkataan *الْحَطِيئَة* disebut dalam bentuk mufrad sebagai isyarat memperbesarkan kesalahan syirik yang akan menyebabkan pelakunya dihumban ke neraka.<sup>143</sup> Walaupun analisis maksud ini agak sesuai, namun makna “membesarkan” ini bertentangan dengan konsep mufrad yang menunjukkan tunggal, sedikit dan penghinaan sebelum ini. Penulis berpendapat maksud penghinaan lebih sesuai digunapakai bagi perkataan ini.

Di samping itu, ulama juga turut menganalisis penggunaan bentuk jamak dalam ayat-ayat al-Quran al-Karim yang tidak memberi maksud banyak, tetapi maksud balaghah lain seperti pengagongan, pembesaran, penghormatan, *mubaalaghat* dan seumpamanya. Antara contoh



<sup>142</sup> Muḥammad al-Amiin. al-I'jaaz al-Bayaaniyy Fii Şiyagh al-Alfaaz. Hal. 58.

<sup>143</sup>Ibid. Hal. 80.

bentuk jamak yang digunakan untuk maksud keagongan dan kebesaran ialah ayat-ayat yang membicarakan mengenai Allah SWT sendiri dalam konteks melaksanakan perkara besar seperti pemeliharaan al-Quran al-Karim dan peristiwa qiamat sebagaimana ayat 9 surah al-Hijr dan ayat 104 surah al-Anbiya’:



Maksudnya: *Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan sesungguhnya Kami juga pasti memeliharanya.*



Maksudnya: *Pada hari Kami gulungkan langit seperti menggulung lembaran-lembaran kertas. Sebagaimana Kami telah memulakan penciptaan pertama, begitulah Kami akan mengulanginya sebagai satu janji yang pasti Kami tepati. Sesungguhnya Kamilah yang akan melaksanakannya.*

Antara contoh penggunaan bentuk jamak juga dengan maksud balaghah ialah ayat 105 surah al-Syu’ara’:



Maksudnya: *Kaum Nuh telah mendustakan para Rasul.*

Menurut Muḥammad al-Amiin, digunakan perkataan *الْمُرْسَلِينَ* dalam bentuk jamak untuk Nabi Nuh AS sahaja, sedangkan ia adalah mufrad kerana al-Quran hendak (menggambarkan kejelekan jenayah pendustaan Nabi oleh umatnya, maka mereka bukan sahaja mendustakannya sahaja, malah menolak semua risalah langit. Justeru, mereka



Maksudnya: *Sekiranya Allah menghendaki, nescaya mereka tidak menyekutukan(-Nya).*

*Kami tidak menjadikan kamu penjaga mereka  
dan kamu sekali-kali bukanlah pemelihara bagi mereka.*


Perkataan حَافِظَ ialah kata nama pelaku dan حَفِيظٌ ialah šiighat̄ mubaalaghat̄. Dalam ayat pertama digunakan bentuk kata nama pelaku sahaja kerana ayat itu hanya ingin menerangkan bahawa setiap jiwa itu mempunyai penjaganya dan konteks ayat tidak memerlukan penegasan. Ayat kedua pula menerangkan mengenai syirik yang merupakan kesalahan yang sangat besar mengikut pandangan Islam. Oleh itu, disebut perkataan حَفِيظٌ dalam bentuk šiighat̄ mubaalaghat̄ yang menunjukkan makna yang kuat, sesuai dengan tahap kesalahan tersebut.<sup>146</sup>

Contoh lain ialah perkataan آئِمٌ dan أَئِيمٌ seperti dalam ayat:



Maksudnya: *Janganlah kamu menyembunyikan persaksian.*

*Sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang  
yang berdosa hatinya. Allah Maha Mengetahui apa yang kamu lakukan.*



Maksudnya: *Allah memusnahkan riba dan menyuburkan sedekah.*

*Allah tidak menyukai setiap orang yang sangat kufur dan sentiasa melakukan dosa.*

Perkataan آئِمٌ dan أَئِيمٌ memberi makna pelaku dosa, cuma perkataan kedua menunjukkan banyak atau berterusan melakukan dosa.<sup>147</sup> Dengan kata lain, perkataan آئِمٌ ialah kata nama pelaku dan أَئِيمٌ ialah šiighat̄ mubaalaghat̄. Perkataan pertama digunakan dalam konteks

<sup>146</sup> ‘Audatullah. Sirr al-I’jaaz Fii Tanauwu’ al-Şiyagh. Hal.150.

<sup>147</sup> Al-Raaziyy. Al-Tafsir al-Kabiir. Hal. 7/96.



menyembunyikan kesaksian dan perkataan kedua digunakan dalam konteks makan riba. (Menyembunyi kesaksian merupakan perbuatan negatif atau tidak melakukan sesuatu perbuatan. Meninggalkan sesuatu perbuatan adalah kurang besar berbanding dengan melakukan perbuatan salah... Pemakan riba melakukan perbuatan salah dan besar kerana ia antara perkara haram yang besar...Oleh itu, Allah Taala menggandingkan antara meninggalkan riba dengan bertaqwa kepada Allah).<sup>148</sup> Memang riba sebenarnya merupakan antara dosa besar yang sangat dimurkai oleh Allah SWT, sehinggakan ulama menyebut bahawa ia merupakan satu-satunya dosa besar yang Allah SWT mengisytiharkan perang kepada pelakunya.

Antara perkataan yang menarik untuk dinalisis ialah الْقَادِر ، الْقَدِير ، الْمُقْتَدِر. Perkataan الْقَادِر ialah kata nama pelaku، الْقَدِير ialah *siighat* mubaalaghat dan الْمُقْتَدِر ialah kata nama pelaku yang lebih kuat. ‘Audatullah membuat kesimpulan penggunaan ketiga-tiga perkataan ini dalam al-Quran al-Karim bahawa perkataan الْقَادِر disebut dalam konteks menolak keraguan orang-orang kafir terhadap kekuasaan Allah SWT ke atas makhluk-Nya. Oleh kerana kekuasaan Allah SWT adalah jelas kerana terdapat banyak tandanya, maka digunakan pola biasa. Apa yang diberi penekanan ialah hakikat kekuasaan Allah SWT bukannya keraguan orang-orang kafir. Perkataan الْقَدِير pula kebanyakannya disebut dalam satu bentuk ungkapan sahaja, iaitu (( وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ )) . Yang jelasnya kekuasaan ke atas semua benda dan makhluk sesuai dengan pola *siighat* mubaalaghat. Perkataan الْمُقْتَدِر pula disebut sekali dalam konteks balasan buruk dan sekali dalam konteks pahala yang kedua-duanya sesuai diperkukuhkan dengan pola yang menunjukkan lebih kuat, lebih-lebih lagi pelakunya adalah adil. Keadilan tentang pahala dan dosa mestilah terbit daripada seseorang yang mempunyai kekuasaan yang sempurna.<sup>149</sup>

#### 3.3.2.4 Kata Nama Pelaku dan *Şifat* Musyabbahat


---

<sup>148</sup> ‘Audatullah. *Sirr al-I‘jaaz Fii Tanauwu‘ al-Şiyagh*. Hal. 133.

<sup>149</sup> ‘Audatullah. *Sirr al-I‘jaaz Fii Tanauwu‘ al-Şiyagh*. Hal. 172-173.

Kebiasaannya kata nama pelaku dan sifat musyabbahat merupakan dua struktur yang bersilih ganti. Maksudnya sekiranya terdapat kata nama pelaku maka tidak terdapat sifat musyabbahat dan begitulah sebaliknya.

Oleh itu, pada dasarnya tidak timbul isu pemilihan antara dua struktur morfologi ini. Namun, didapati al-Quran al-Karim kadang-kadang keluar daripada kebiasaan ini seperti perkataan ضَيِّق. Kebiasaannya perkara yang sempit disebut ضَيِّق dalam bentuk sifat musyabbahat yang menunjukkan sifat tetap dan boleh dikatakan dalam keadaan biasa ia tidak digunakan dalam bentuk kata nama pelaku, iaitu ضَائِق. Namun, ia digunakan dalam al-Quran al-Karim dalam ayat 12 surah Hud:



Maksudnya: *Jangan-jangan engkau tidak menyampaikan sebahagian dari apa yang diwahyukan kepadamu serta merasa sempit dada untuk menyampaikannya disebabkan orang-orang yang ingkar itu berkata: "Mengapa tidak diturunkan kepadanya perbendaharaan atau pun datang bersama-sama dengannya malaikat?" Engkau hanyalah seorang pemberi amaran dan Allah jualah Pentadbir tiap-tiap sesuatu.*

Perkataan ضَائِق di sini memberi makna tertekan perasaan dan ia digunakan dalam bentuk kata nama pelaku (untuk menunjukkan bahawa ia merupakan tekanan perasaan yang sementara, bukannya tetap kerana Rasulullah SAW merupakan orang yang paling banyak berlapang dada).<sup>150</sup>

<sup>150</sup> Al-Zamakhshariyy. Al-Kasysyaaf. Hal. 2/92.

### 3.3.2.5 Şifaṭ Musyabbahaṭ dan Şiiḡhaṭ Mubaalaghaṭ

Şifaṭ musyabbahaṭ dan şiiḡhaṭ mubaalaghaṭ merupakan dua pola yang tidak bertemu pada sesuatu perkataan kerana şifaṭ musyabbahaṭ mempunyai makna tetap dan berterusan dan şiiḡhaṭ mubaalaghaṭ mempunyai tahap makna yang lebih kuat berbanding dengan dengan kata nama pelaku. Pada dasarnya kedua-dua struktur ini mempunyai makna yang kuat.

Namun kedua-dua struktur ini mempunyai beberapa pola yang sama dan boleh menimbulkan keraguan tentang kategorinya atau pun kemungkinan memiliki makna kedua-duanya seperti pola فَعِيلٌ. Itulah sebenarnya yang dilakukan oleh ulama ketika menganalisis perkataan mengikut pola tersebut seperti perkataan فَاقِرٌ dalam ayat 24 surah al-Qasas:



Maksudnya: *Maka dia pun memberi minum kepada binatang-binatang ternakan mereka, kemudian dia pergi ke tempat teduh lalu berdoa: "Wahai Tuhanku, Sesungguhnya aku sangat berhajat kepada sebarang kebaikan Engkau turunkan".*

Ada yang berpendapat bahawa perkataan (الْفَقِير) mungkin dianggap şiiḡhaṭ mubaalaghaṭ yang bererti sangat faqir dan mungkin dianggap şifaṭ musyabbahaṭ yang bererti sentiasa faqir).<sup>151</sup>

Penulis sebenarnya kurang bersetuju dengan analisis di atas, kerana penulis berpendapat perkataan tersebut ialah şifaṭ musyabbahaṭ kerana perkataan tersebut bukan diambil dari kata nama pelaku kerana perkataan فَاقِرٌ tidak digunakan dalam bahasa Arab, lagikan pula hakikatnya manusia sentiasa memerlukan kepada bantuan Allah SWT bukan hanya sekadar sangat memerlukan sahaja.

<sup>151</sup> Khaalid Ibn ‘Abdullah. Al-Taşriih ‘Alaa al-Tauđiih. Hal. 1/3.

Analisis yang hampir sama dapat diperhatikan pada perkataan **بَلِّغْ** dalam ayat 63 surah al-Nisa’:



Maksudnya: *Mereka itulah orang-orang yang diketahui oleh Allah apa yang ada dalam hati mereka. Oleh itu, berpalinglah engkau daripada mereka dan nasihatilah mereka serta katakanlah kepada mereka kata-kata yang boleh memberi kesan pada hati mereka.*

‘Aliyy Ahmad Tilib menyatakan bahawa: “Sekiranya kita katakan bahawa ia daripada **بَلِّغْ** ، **بَلِّغْ** ، **بَلِّغْ** maka ia merupakan sifat musyabbahat dan sekiranya kita katakan bahawa ia daripada **بَلِّغْ** ، **بَلِّغْ** ، **بَلِّغْ** maka ia merupakan **siighat mubaalaghat**”.<sup>152</sup>

Penulis berpendapat bahawa perkataan tersebut ialah **siighat mubaalaghat** kerana kerana terdapat kata nama pelaku bagi perkataan tersebut, iaitu **بَالِغٌ** lagipun maksud yang sesuai dengan konteks ayat ini ialah kata-kata yang sangat memberi kesan kepada hati.

### 3.3.2.6 Kata Nama Pelaku dan Kata Nama Objek

Kata Nama pelaku memberi makna pelaku sesuatu, manakala kata nama objek memberi makna objek atau sesuatu yang berlaku ke atasnya sesuatu perbuatan. Namun, al-Quran al-Karim bukan sahaja menggunakannya dengan kedua-dua maksud ini secara jelas dan langsung, tetapi ia juga turut menggunakannya dengan maksud yang halus. Antara contoh yang boleh dianalisis ialah ayat 49 surah al-Saffat dan ayat 72 surah al-Rahman:

<sup>152</sup> Dipetik dari: Ahmad Mukhtaar ‘Umar. Al-Asaaliib al-Wasfiyyat Fii al-Lughat al-‘Arabiyyat Baina Qawaa‘id al-Nahw Wa Waaqi‘ al-Istikhdaam. Hal. 11.

Maksudnya: *Di sisi mereka ada bidadari-bidadari yang tidak liar pandangannya dan jelita matanya, seakan-akan mereka adalah telur yang tersimpan dengan baik.*

Maksudnya: *Bidadari-bidadari yang hanya tinggal tetap di tempat tinggal masing-masing.*

Ketika menggambarkan pandangan bidadari yang tidak liar, digunakan perkataan قَاصِرَات dalam bentuk kata nama pelaku, tetapi ketika menggambarkan mereka tidak keluar dari tempat kediaman mereka digunakan perkataan مَفْصُورَات dalam bentuk kata nama objek. Begitu juga, ketika mereka diperumpamakan dengan telur, disifatkan telur itu dengan perkataan مَكْنُون dalam bentuk kata nama objek juga. Penggunaan kata nama objek menunjukkan bahawa mereka dijaga dan dikawal sebagai penghormatan terhadap mereka dan penggunaan kata nama pelaku menunjukkan bahawa mereka mempunyai sifat malu yang membuat mereka tidak liar pandangan. Ini menunjukkan bahawa menjadi tanggungjawab suami menjaga dan mengawal isteri mereka dan menjadi tanggungjawab isteri sendiri menjaga pandangan mereka.<sup>153</sup>

Contoh lain ialah ayat 7 surah al-Qamar dan ayat 4 surah al-Qari'ah:

Maksudnya: *Mereka keluar dari kubur dalam keadaan pandangan mereka tunduk, seolah-olah mereka belalang yang bertebaran.*

Maksudnya: *Pada hari itu manusia adalah seperti kalkatu yang diserakkan.*

<sup>153</sup> ‘Abd al-Fattaah Fayyuud. *Min Balaaghat al-Nazm al-Qur’aaniy*. Hal. 313.

Al-Quran membuat perumpamaan mengenai manusia yang keluar daripada kubur dan ketika berlakunya qiamat dalam dua keadaan. Pertamanya ketika bangun daripada kubur, mereka diumpamakan seperti belalang yang bertebaran dengan menggunakan kata nama pelaku مُنتَشِرٌ. Keduanya ketika berlakunya qiamat, mereka diumpamakan seperti kalkatu yang diserakkan dengan menggunakan kata nama objek مَبْثُوثٌ. Ini menunjukkan bahawa (perbuatan bertebaran itu dilakukan oleh belalang sendiri dan perbuatan penyerakan itu diperlakukan ke atas kalkatu. Manusia ketika keluar daripada kubur mereka adalah umpama belalang yang bertebaran dengan sendiri dan ketika berlakunya qiamat mereka umpama kalkatu yang diserakkan oleh sesuatu lain, seolah-olahnya disebabkan kelemahan diri, mereka tidak mampu untuk bergerak sendiri).<sup>154</sup>

Kadang-kadang al-Quran al-Karim menggunakan kata nama objek di tempat kata nama pelaku. Dengan kata lain, pada kebiasaannya pada tempat itu digunakan kata nama pelaku, namun al-Quran al-Karim tidak menggunakannya, malah menggunakan kata nama objek seperti ayat 45 surah al-Isra':



Maksudnya: *Apabila kamu membaca al-Quran, Kami jadikan di antara kamu dan orang-orang yang tidak beriman kepada kehidupan akhirat satu dinding yang tertutup.*

Perkataan yang digunakan ialah مَسْتُورًا dalam bentuk kata nama objek yang bererti ditutup, tetapi maknanya yang dikehendaki ialah سَاتِرًا dalam bentuk kata nama pelaku yang bererti yang menutup. Justeru, maksud yang dikehendaki daripada ayat tersebut ialah dinding yang menjadi penutup atau penghalang antara al-Quran al-Karim dan orang-orang yang tidak beriman. Ahli balaghah menamakannya sebagai majaaaz mursal. Sebab digunakan kata

<sup>154</sup> ‘Abd al-Fattaah Fayyuud. Min Balaaghat al-Nazm al-Qur’aaniy. Hal. 304.

nama objek di tempat kata nama pelaku adalah untuk menggambarkan betapa buruknya sikap orang kafir yang tidak mahu mengambil manfaat, malah tidak mahu langsung mendengar ayat-ayat al-Quran al-Karim hinggakan dinding yang wujud antara Rasulullah SAW bukan lagi menjadi penghalang, malah seolah-olah ia sendiri telah menjadi terhalang untuk didekati, kerana kesannya yang kuat).<sup>155</sup>

Begitu juga, didapati sebaliknya kadang-kadang al-Quran al-Karim menggunakan kata nama pelaku di tempat kata nama objek seperti ayat 21 surah al-Haaqqah:



Maksudnya: *Sesungguhnya aku yakin bahawa sesungguhnya aku akan menemui hisab terhadap diriku. Maka orang itu berada dalam kehidupan yang diredai.*

Perkataan yang digunakan ialah راضية dalam bentuk kata nama pelaku yang bererti yang meredai, tetapi maknanya yang dikehendaki ialah مرضية dalam bentuk kata nama objek yang bererti yang diredai. Justeru, maksud yang dikehendaki daripada ayat tersebut ialah dia hidup dalam suasana yang diredai. Ahli balaghah menamakannya sebagai majaaaz mursal. Sebab digunakan kata nama objek di tempat kata nama pelaku adalah untuk menunjukkan betapa bahagianya kehidupan itu sehinggakan ia sendiri seolah-olah reda terhadap orang yang mengalaminya. Namun, ada pendapat yang menyatakan bahawa راضية di sini dalam bentuk *nasb*, bukannya kata nama pelaku yang bererti mendapat keredaan.<sup>156</sup> Walaupun pendapat ini ada rasionalnya khususnya dari sudut maknanya, tetapi pendapat pertama lebih mempunyai nilai balaghah, lebih-lebih lagi apabila dibandingkan dengan keadaan yang bertentangan dengannya, iaitu disebut kata nama objek tetapi yang

<sup>155</sup> ‘Abd al-’Aziim. Khaṣaa’iṣ al-Ta’biir al-Qur’aaniyy Wa Simaatuhu al-Balaaghiyyat. Hal. 1/318.

<sup>156</sup> Al-Istiraabaadiyy. Syarḥ al-Kaafiyyat. Hal. 2/221.

dikehendaki ialah kata nama pelaku seperti **مَسْتُوْرًا** yang tidak boleh ditafsirkan dengan kaedah *naṣb*.

Rumusannya, kadang-kadang al-Quran al-Karim menggunakan kata nama objek di tempat kata nama pelaku dan sebaliknya untuk menunjukkan maksud berlebihan dan keterbalikan keadaan.

### 3.3.2.7 Kata Nama Pelaku dan Kata Nama Tafdiil

Kata Nama pelaku menunjukkan pelaku sesuatu dan kata nama tafdiil menunjukkan lebihnya sesuatu sifat berbanding sesuatu lain. Meneliti penggunaan kedua-duanya dalam al-Quran al-Karim, didapati bahawa kata nama tafdiil digunakan untuk makna yang lebih kuat berbanding dengan kata nama pelaku. Antara contoh ayat yang boleh diketengahkan dalam konteks ini ialah ayat 109 surah al-Nahl dan ayat 22 surah Hud:

﴿لَمَّا رَأَوْا كِسْفًا مِّنَ السَّمَاءِ سَاقِطًا أَلْقَوْا حِجَارَةً مِّنَ السَّمَاءِ كَمَا يُرْمَى الصَّخْرَةَ أَصْحَابُهَا لَمَّا رَأَوْهُمُ الْخَاسِرُونَ﴾

Maksudnya: *Pastinya mereka di akhirat nanti merupakan orang-orang yang rugi.*

﴿لَمَّا رَأَوْا كِسْفًا مِّنَ السَّمَاءِ سَاقِطًا أَلْقَوْا حِجَارَةً مِّنَ السَّمَاءِ كَمَا يُرْمَى الصَّخْرَةَ أَصْحَابُهَا لَمَّا رَأَوْهُمُ الْخَاسِرُونَ﴾

Maksudnya: *Pastinya mereka di akhirat nanti merupakan orang-orang yang paling merugi.*

Al-Quran al-Karim menggunakan kata nama pelaku **الْخَاسِرُونَ** yang bererti orang yang rugi dalam ayat pertama kerana ia membicarakan mengenai orang-orang yang tidak mahu berjuang di jalan Allah SWT, tetapi ia menggunakan kata nama tafdiil **الْأَخْسَرُونَ** yang bererti paling rugi dalam ayat kedua kerana ia membicarakan mengenai orang-orang yang bukan sahaja tidak mahu berjuang di jalan Allah SWT malah menghalang orang lain daripada turut terlibat sama, maka digandakan azab ke atas mereka.<sup>157</sup>

<sup>157</sup> Al-Khaṭiib al-Iskaafiyy. *Durrat al-Tanziil*. Hal. 219-220. Al-Zarkasyiyy. *Al-Burhaan*. Hal. 232.



‘Audatullah ketika membandingkan penggunaan kedua-dua perkataan tersebut menyatakan bahawa “ayat pertama menyatakan bahawa mereka sesat disebabkan mereka melebihkan kehidupan dunia daripada akhirat dan ayat kedua menyatakan bahawa mereka benar-benar enggan mengikuti agama serta turut menghalang orang lain daripada agama, maka mereka telah sesat dan menyesatkan, justeru mereka berhak digandakan azab”.<sup>158</sup>

Ibn Zubair pula menambah dari sudut kesesuaian situasi bahawa konteks ayat kedua ialah perbandingan kerana terdapat ungkapan “siapakah yang lebih zalim” berbeza daripada konteks ayat pertama yang bukan berbentuk perbandingan.<sup>159</sup>

Semua pendapat ini mengukuhkan sebab-sebab digunakan kata nama pelaku dan kata nama tafdiil dalam dua ayat tersebut.

### 3.3.2.8 Sifat Musyabbahaḥ dan Kata Nama Tafdiil

Sifat musyabbahaḥ menunjukkan sifat yang tetap dan berterusan, manakala kata nama tafdiil menunjukkan sifat lebih atau kepalingan. Contoh penggunaan kedua-duanya ialah ayat 6-7 surah al-Infitar dan ayat 3-4 surah al-Alaq:



Maksudnya: *Wahai manusia! Apakah yang memperdayakanmu kepada Tuhanmu Yang Maha Mulia? Tuhan yang telah mencipta kamu, lalu menyempurnakan kamu serta menjadikan kamu sesuai (fizikal dan kekuatan).*



Maksudnya: *Bacalah dan Tuhanmulah Yang Maha Mulia yang mengajar dengan perantaraan pena.*

<sup>158</sup> ‘Audatullah. Sirr al-I’jaaz Fii Tanauwu’ al-Şiyagh. Hal. 151.

<sup>159</sup> Aḥmad Ibn al-Zubair. Milaak al-Ta’wiil. Hal. 2/651.

Perkataan **الْكَرِيمِ** yang bererti mulia merupakan sifat **musyabbahat** dan perkataan **الْأَكْرَمِ** pula yang bererti paling mulia merupakan kata nama **tafđiil**. Kedua-duanya digunakan dalam konteks berlainan. ‘Audatullah menyatakan bahawa “Pola **الْكَرِيمِ** digunakan sebagai sifat bagi Tuhan dalam konteks ayat mengenai satu perkara sahaja, iaitu kejadian dan penyempurnaan manusia sahaja. Manakala perkataan **الْأَكْرَمِ** pula digunakan dalam konteks ayat mengenai dua perkara, iaitu kejadian manusia dan mengajar mereka. Allah SWT bukan sahaja mencipta manusia dalam sebaik-baik kejadian, malah menambah lagi dengan melebihkannya daripada makhluk lain melalui pemberian kemampuan untuk belajar kerana pembelajaran atau akal merupakan bakat yang diberikan dan dimuliakan oleh Allah kepada manusia serta melebihkannya ke atas banyak makhluknya”.<sup>160</sup>

Memang akal dan ilmu mempunyai kedudukan yang sangat tinggi dan tiada tandingannya di sisi Islam. Oleh itu, pola yang sesuai untuk menyatakan kemuliaan Allah SWT yang mengurniaknya kepada manusia ialah kata nama **tafđiil** **الْأَكْرَمِ**. Al-Zamakhshari menyatakan bahawa: “Kemuliaan-Nya tiada penghujung dan tempohnya, seolah-olah tidak ada sebarang kemuliaan lain lagi selepas kemuliaan mengurniakan ilmu itu”.<sup>161</sup> Al-Raaziyy pula menyatakan “Dialah yang paling mulia kerana Dialah yang mempunyai permulaan setiap kemuliaan dan kebaikan, kemudian kemuliaan-Nya itu tidak dicampuri dengan kekurangan”.<sup>162</sup>

### **3.3.2.9 Kata Nama Pelaku dan Maşdar**

Kata Nama pelaku menunjukkan pelaku sesuatu, manakala maşdar menunjukkan perbuatan dan proses sesuatu. Meneliti penggunaan kedua-duanya dalam al-Quran al-Karim, didapati bahawa maşdar kadang-kadang digunakan di tempat kata nama pelaku. Dengan kata lain, mengikut konteks biasa ayat seperti itu pola yang sepatutnya digunakan ialah kata nama


---

<sup>160</sup> ‘Audatullah. *Sirr al-I’jaaz Fii Tanauwu’ al-Şiyagh*. Hal. 187.

<sup>161</sup> Al-Zamakhshariyy. *Al-Kasysyaaf*. Hal. 4/2224.

<sup>162</sup> Al-Raaziyy. *Al-Tafsiir al-Kabiir*. Hal. 16/32.

pelaku, tetapi al-Quran al-Karim menggunakan maṣdar di tempat itu seperti ayat 46 surah Hud:



Maksudnya: *Dia berfirman: "Wahai Nuh, sesungguhnya dia bukanlah termasuk keluargamu. Sesungguhnya dia perbuatan yang tidak baik."*

Dalam ayat ini, perkataan yang digunakan ialah *عَمَل* dalam bentuk maṣdar yang bererti perbuatan dan pada kebiasaannya digunakan *عَامِل* dalam bentuk kata nama pelaku yang bererti pelaku perbuatan. Penggunaan ini mempunyai maksud tersiratnya yang tersendiri, iaitu (anak kamu telah bertukar kepada perbuatan yang tidak baik dan tiada lagi unsur pelaku padanya, dengan kata lain ia telah bertukar kepada perbuatan sepenuhnya dan bahawasanya perbuatan yang tidak baik sekira dijelmakan nescaya ia adalah anak kamu).<sup>163</sup>

Begitu juga halnya dengan perkataan *هُدًى* dalam ayat 1-2 surah al-Baqarah:



Maksudnya: *Itulah Kitab yang sebenarnya, padanya tiada sebarang keraguan sebagai petunjuk bagi orang-orang yang bertaqwa.*

Bentuk kebiasaannya yang digunakan ialah kata nama pelaku *هَادٍ* yang bererti pembawa hidayah. Dari sudut makna, memang *هُدًى* lebih tinggi daripada *هَادٍ* kerana *هُدًى* merupakan petunjuk itu sendiri, manakala *هَادٍ* hanya sekadar pembawa hidayah sahaja. Justeru, tujuan digunakan *هُدًى* di sini adalah untuk memberi makna bahawa al-Quran al-Karim itu merupakan (kemuncak hidayah sehingga ia sendiri seolah-olah hidayah sepenuhnya).<sup>164</sup>

<sup>163</sup> Al-Saamarra' iyy. Al-Ta'biir al-Qur'aaniyy. Hal. 38.

<sup>164</sup> Ṣabbaah 'Ubaid. Asraar al-Faṣl Wa al-Waṣl. Hal. 105.

### 3.3.2.10 Şifāt Musyabbahaṭ dan Maşdar

Perbandingan antara şifāt musyabbahaṭ dan maşdar adalah sama dengan perbandingana antara kata nama pelaku dan maşdar kerana kata nama pelaku dan şifāt musyabbahaṭ merupakan dua struktur yang bergantian. Oleh itu, penggunaan maşdar lebih mempunyai nilai balaghah dari sudut makna pengukuhan, kekuatan dan berlebihan berbanding dengan şifāt musyabbahaṭ . Justeru, didapati al-Quran al-Karim menggunakan maşdar di tempat şifāt musyabbahaṭ ketika menghendaki maksud sifat yang kuat dan berlebihan.


Antara contoh yang menarik untuk dianalisis ialah perkataan بَرَاء ، بَرِيء . Perbezaan antara kedua-duanya dari sudut makna ialah بَرَاء lebih kuat dari sudut pengukuhan daripada بَرِيء ..kerana maşdar merupakan sifat yang paling tinggi pengukuhanannya).<sup>165</sup> Perkataan بَرِيء disebut 10 kali dalam al-Quran al-Karim dan perkataan بَرَاء hanya 1 kali sahaja.<sup>166</sup>

Antara ayat yang mengandungi perkataan بَرِيء ialah ayat 78 surah al-An'am:



Maksudnya: *Ketika dia melihat matahari terbit, dia berkata: "Inilah Tuhanku, ini lebih besar". Maka ketika matahari itu terbenam, dia berkata: "Wahai kaumku, sesungguhnya aku berlepas diri dari apa yang kamu persekutukan.*

Perkataan بَرَاء pula hanya terdapat dalam ayat 26 surah al-Zukhruf:



<sup>165</sup> 'Audatullah. SIRR al-I'jaaz Fii Tanauwu' al-Şiyagh. Hal. 137.

<sup>166</sup> Ibid. Hal. 135.

Maksudnya: *Ketika Ibrahim berkata kepada bapa dan kaumnya:*

*"Sesungguhnya aku berlepas diri dari apa yang kamu sembah.*

Kedua-dua ayat ini membicarakan mengenai Nabi Ibrahim AS yang berlepas diri daripada perbuatan kaumnya sama ada kesyirikan mereka (تَشْرِكُونَ) dalam ayat pertama atau pengabdian diri mereka (تَعْبُدُونَ) kepada selain daripada Allah SWT dalam ayat kedua.

Persoalannya ialah apakah yang lebih besar antara syirik (الشِّرْكُ) dan pengabdian diri (الْعِبَادَةُ) kepada selain daripada Allah SWT? Penulis bersetuju dengan ‘Audatullah mengenai tahap kesalahan syirik dan pengabdian diri kepada selain Allah SWT yang dikaitkan dengan penggunaan pola بَرَاءِ dan بَرِيءٍ. Beliau menyatakan bahawa “Syirik lebih rendah tahapnya daripada kufur dari sudut jauhnya daripada Allah SWT. Oleh itu, disebut pola بَرِيءٍ yang lebih kurang pengukuhanannya bersama perkataan yang kurang jauhnya daripada Allah SWT, iaitu تَشْرِكُونَ manakala disebut pola بَرَاءِ yang lebih kuat pengukuhanannya bersama perkataan yang lebih banyak jauhnya daripada Allah SWT, iaitu تَعْبُدُونَ yang membawa kepada kekufuran”.<sup>167</sup>

Ini adalah kerana syirik bererti menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu yang lain, tetapi dalam masa yang sama masih mempercayai-Nya. Lawannya ialah tauhid atau pengesaan. Pengabdian diri pula bererti menyerahkan diri seluruhnya dan tunduk secara mutlak kepada Allah SWT yang membawa maksud Islam. Lawannya ialah tidak Islam atau kufur, iaitu tidak tunduk dan menyerah diri kepada Allah SWT, malah menolak dan mengingkari ajaran-Nya. Menolak dan mengingkari langsung Islam adalah lebih besar kesalahannya daripada mempercayai dan menyekutukan Allah SWT yang mungkin dilakukan kerana kurang ilmu pengetahuan dan seumpamanya.

Pendapat ini mungkin bertentangan dengan fakta bahawa syirik merupakan dosa yang paling besar dan tidak diampunkan oleh Allah SWT. Sebenarnya ia dianggap dosa paling

---

<sup>167</sup> ‘Audatullah. *Sirr al-I‘jaaz Fii Tanauwu‘ al-Siyagh*. Hal. 137.

besar dalam konteks perbandingannya dengan dosa-dosa lain yang dilakukan oleh orang yang sudah memeluk Islam seperti minum arak, berzina dan seumpamanya, tetapi perbandingan tadi adalah antara syirik dan tidak menerima Allah SWT langsung sebagai Tuhan.

Dalam konteks penggunaan kedua-dua pola tadi oleh Nabi Ibrahim AS, penulis ingin menambah bahawa penggunaannya juga berkait rapat dengan situasi dalaman atau emosi dan keyakinan diri Nabi Ibrahim AS. Pola بَرَاء yang lebih kuat pengukuhanannya menunjukkan keyakinan diri yang tinggi berbanding dengan pola بَرِيء . Hal ini menjadi jelas apabila dilihat kepada situasi kedua-dua ayat di atas. (Nabi Ibrahim AS dalam ayat surah al-An'am berada dalam situasi bingung dan tercari-cari hakikat Tuhannya yang tidak diketahuinya secara tepat... Ada pun dalam ayat kedua, beliau berada dalam situasi dakwah dan dia telah pun menjadi Nabi yang diutuskan oleh Tuhannya dan mengisytiharkan peperangannya ke atas syirik dan mengisytiharkan pelepasan diri daripada sembahkan kaumnya).<sup>168</sup> Kesimpulannya situasi ayat pertama ialah kebingungan dan situasi kedua ialah kejelasan, maka digunakan pola بَرِيء yang kurang pengukuhanannya dalam situasi pertama dan pola بَرَاء yang kuat pengukuhanannya untuk situasi kedua.

Contoh lain ialah perkataan النَّعِيم ، النَّعْمَة . Perkataan النَّعِيم ialah sifat musyabbahat dan النَّعْمَة ialah maşdar. Perkataan النَّعْمَة dalam al-Quran al-Karim dikhususkan untuk nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya di dunia, bukan akhirat sama ada kesenangan material seperti harta, kedudukan dan kesihatan atau pun petunjuk, bimbingan kepada kebenaran dan taufiq untuk beramal dengannya. Ia disebut dengan makna ini sebanyak 49 tempat dengan *diidafatkan* kepada Allah SWT atau ganti nama-Nya atau bukan *idafat* tetapi dikaitkan dengan Allah SWT juga melalui ungkapan lain).<sup>169</sup>

---

<sup>168</sup> Al-Saamarra'iy. Al-Ta'bir al-Qur'aaniyy. Hal 38.


<sup>169</sup> 'Abd al-'Aẓīm. Khaṣaa'is al-Ta'bir al-Qur'aaniyy Wa Simaatuhu al-Balaaghiyyat. Hal. 1/287.

(Perkataan النَّعِيمِ pula digunakan oleh al-Quran al-Karim untuk nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT ke atas hamba-hamba yang hampir dengan-Nya di akhirat sahaja).<sup>170</sup>

Berdasarkan kenyataan bahawa maṣdar lebih kuat daripada ṣifat musyabbahat , maka perkataan النَّعْمَةُ lebih kuat daripada النَّعِيمِ. Persoalannya kenapa digunakan النَّعْمَةُ untuk nikmat dunia dan النَّعِيمِ untuk nikmat akhirat, sedangkan yang jelasnya nikmat akhirat lebih besar daripada nikmat dunia?

Penulis berpendapat di sini perlu dilihat kepada makna asal dan konteks penggunaan kedua-dua perkataan tersebut. Perkataan النَّعْمَةُ merujuk kepada nikmat itu sendiri dan النَّعِيمِ pula merujuk kepada keadaan dan suasana nikmat itu. Dengan sebab itu, perkataan النَّعْمَةُ boleh dijamakkan kepada النَّعْمِ dan الْأَنْعَمِ manakala perkataan النَّعِيمِ tidak ada jamaknya. Dengan kata lain, النَّعْمَةُ merujuk kepada kuantiti dan النَّعِيمِ pula merujuk kepada kualiti. Oleh itu, dalam konteks al-Quran al-karim, perkataan النَّعْمَةُ dikaitkan dengan kurniaan Allah SWT di dunia kerana yang ingin ditekankan ialah kurniaan itu sendiri dan kuantitinya, tetapi النَّعِيمِ dikaitkan dengan kenikmatan di akhirat kerana yang ingin ditekankan ialah suasana kenikmatan dan kesenangan serta kualitinya yang dikurniakan oleh Allah SWT di akhirat.

Sebagai contoh perbandingan, antara ayat yang mengandungi النَّعِيمِ ، النَّعْمَةُ ialah ayat 40 surah al-Baqarah dan ayat 17 surah al-Tur:



Maksudnya: *Wahai Bani Israil, ingatlah nikmat-Ku yang telah Aku anugerahkan kepadamu dan penuhilah janjimu kepada-Ku, nescaya Aku penuhi janji-Ku kepadamu. Hanya kepada-Ku jualah kamu harus takut.*

<sup>170</sup> Ibid. Hal. 1/288.



Maksudnya: *Sesungguhnya orang-orang yang bertaqwa berada dalam surga dan kenikmatan.*

Dalam ayat pertama disebut النِّعْمَةُ kerana yang ingin ditekan ialah nikmat itu sendiri serta kuantitinya dan ia sesuai dengan kata kerja yang digunakan, iaitu اذْكُرُوا yang bererti ingatlah. Namun, ia disebut dalam bentuk mufrad kerana sedikit sahaja nikmat sudah memadai untuk menginsafkan mereka. Sementara dalam ayat kedua pula disebut النَّعِيمِ kerana yang ingin ditekan ialah suasana dan kuantiti kenikmatan, kesenangan, keselesaan di syurga dan ia sesuai dengan kata tugas yang digunakan, iaitu فِي yang bermakna “dalam”.

### 3.3.2.11 Kata Kerja Kala Lampau dan Kata Nama Pelaku

Kata Kerja kala lampau menunjukkan berlakunya sesuatu perbuatan pada masa lalu dan kata nama pelaku menunjukkan seseorang itu memang melakukan sesuatu perbuatan atau mempunyai sesuatu sifat yang tetap secara nisbiyy atau relatif. Antara contoh penggunaan kedua-dua struktur ini dalam ayat al-Quran al-Karim ialah ayat 43 surah al-Taubah:



Maksudnya: *Semoga Allah memaafkanmu. Mengapa kamu memberi izin kepada mereka (untuk tidak pergi berperang), sebelum jelas bagimu orang-orang yang benar dan sebelum kamu mengetahui orang-orang yang berdusta?*

Al-Quran al-Karim menggunakan kata kerja kala lampau صَدَقُوا bagi menggambarkan sifat benar orang-orang mukmin dan kata nama pelaku كَاذِبِينَ bagi menggambarkan penipuan orang-orang munafiq (untuk menunjukkan bahawa inilah kebiasaan orang-orang munafiq yang sifat pembohongan itu menjadi akhlak yang tetap dan sifat yang sentiasa berterusan



dan tidak lekang dari diri mereka. Manakala orang-orang mukmin... telah merealisasikan sifat benar dan memilikinya tanpa menukarkannya).<sup>171</sup>

Contoh lain ialah ayat 14 surah al-Baqarah:




Maksudnya: Apabila mereka berjumpa dengan orang-orang yang beriman, mereka berkata:

"Kami telah beriman" dan apabila mereka kembali kepada syaitan-syaitan mereka, mereka berkata: "Sesungguhnya kami bersama kamu, kami hanyalah berolok-olok".

Al-Quran al-Karim menggunakan kata kerja kala lampau ketika menyatakan kata-kata orang munafiq di hadapan orang mukmin bahawa mereka juga beriman, tetapi ia menggunakan kata nama pelaku ketika menyatakan kata-kata mereka bersama rakan-rakan munafiq mereka bahawa mereka hanya berolok-olok. Ini menunjukkan bahawa orang-orang munafiq menzahirkan keimanan mereka hanya kerana takut dan ingin mengambil hati orang-orang mukmin dan sebenarnya keimanan mereka tidak tetap dan sebatu dalam hati mereka, sebaliknya yang tetap, sebatu dan berterusan di hati mereka ialah sifat munafiq.<sup>172</sup>

Antara contohnya juga ialah ayat 28 surah al-Ma'idah:



<sup>171</sup> 'Abd al-Fattaah Fayyuud. Min Balaaghat al-Nazm al-Qur'aaniyy. Hal. 102.

<sup>172</sup> 'Abd al-Fattaah Fayyuud. Min Balaaghat al-Nazm al-Qur'aaniyy. Hal. 103.

Maksudnya: *"Sungguh kalau kamu menggerakkan tanganmu kepadaku untuk membunuhku, aku sekali-kali tidak akan menggerakkan tanganku kepadamu untuk membunuhmu. Sesungguhnya aku takut kepada Allah, Tuhan sekalian alam."*

Habil menggunakan kata nama pelaku untuk menyatakan bahawa beliau tidak akan cuba membunuh saudaranya Qabil untuk menunjukkan bahawa dia tidak mungkin melakukan perbuatan yang terkutuk ini dan itu bukanlah sifatnya.<sup>173</sup> Ini berbeza dengan saudaranya yang hendak membunuhnya dengan begitu mudah dengan sebab yang tidak logik. Penggunaan kata kerja kala lampau menunjukkan bahawa pembunuhan itu pasti akan berlaku.

### 3.3.2.12 Kata Kerja Kala Kini dan Kata Nama Pelaku

Perbandingan antara kata kerja kala kini dan kata nama pelaku adalah lebih relevan berbanding dengan kata kerja kala lampau, kerana hubungan dan kaitan antara keduanya adalah sangat dekat dan rapat sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini.

Kata Kerja kala kini menunjukkan sesuatu perbuatan berlaku secara *tajaddud* atau berulang kali pada masa sekarang dan akan datang, manakala kata nama pelaku menunjukkan sesuatu perbuatan berlaku secara tetap nisbiyy. Kedua-dua struktur ini sering digandingkan dalam ayat al-Quran al-Karim yang mengandungi unsur perbandingan antara dua perkara yang berlawanan. Antara ayat yang mengandungi dua struktur ini ialah ayat 3 surah Fatir:




Maksudnya: *Adakah Pencipta selain Allah yang dapat memberikan rezeki kepada kamu dari langit dan bumi?*

<sup>173</sup> Al-Zamakhshariyy. Al-Kasysyaaf. Hal. 1/456.

Digunakan kata nama pelaku untuk Pencipta خَالِقٍ kerana penciptaan merupakan perbuatan yang telah berlaku dan tetap, tetapi untuk pemberian rezeki digunakan kata kerja kala kini يَرْزُقُ kerana ia perbuatan berterusan yang berlaku secara berulang kali terhadap hambanya.

Gaya yang hampir sama digunakan dalam ayat 96 surah al-Nahl:



Maksudnya: *Apa yang ada pada kamu akan habis dan apa yang ada di sisi Allah tetap kekal.*

Digunakan kata nama pelaku بَاقٍ untuk menyatakan kekalnya apa yang ada di sisi Allah, kerana ia merupakan sesuatu yang pasti dan tetap, tetapi untuk menyatakan habisnya apa yang ada di sisi manusia digunakan kata kerja kala kini يَنْفَدُ kerana ia berlaku secara berterusan dan sedikit demi sedikit.

Begitu juga dengan ayat 33 surah al-Anfal:



Maksudnya: *Allah sekali-kali tidak akan mengazab mereka dalam keadaan kamu berada antara mereka. Allah juga tidak akan mengazab mereka dalam keadaan mereka meminta ampun.*

Ayat tersebut menerangkan dua keadaan yang Allah SWT tidak akan mengazab manusia. Pertamanya beradanya Rasulullah SAW bersama mereka yang digunakan kata kerja kala kini يُعَذَّبُ dan yang kedua ialah mereka memohon ampun yang digunakan kata nama pelaku مُعَذَّبٌ. Al-Saamarra'iy menyatakan bahawa al-Quran al-Karim “menjadikan permohonan ampun sebagai penghalang yang pasti daripada menerima azab, berbeza

dengan adanya Rasulullah SAW bersama mereka yang azab itu bergantung kepadanya”.<sup>174</sup> Penulis berpendapat bahawa permohonan ampun menunjukkan usaha yang dilakukan mereka, maka sesuai digunakan kata nama pelaku yang menunjukkan kepastian. Ini berbeza dengan kewujudan Rasulullah SAW bersama mereka yang tiada kaitan dengan usaha mereka, maka digunakan kata kerja kala kini yang menunjukkan kebergantungan tidak mengenakan azab kepada kewujudan Baginda SAW.

Antara contoh yang menarik untuk dianalisis ialah ayat 95 surah al-An’am:



Maksudnya: *Dia mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup.*

Digunakan kata kerja kala kini مُخْرِجٌ untuk makhluk yang hidup dan kata nama pelaku مُخْرَجٌ untuk makhluk yang mati (kerana sifat utama makhluk yang hidup ialah bergerak dan berubah-ubah, maka untuk itu disebut pola kata kerja yang menunjukkan pergerakan dan perubahan. Sebaliknya makhluk yang mati berada dalam keadaan beku dan diam serta tetap, maka untuk itu disebut pola kata nama yang menunjukkan keadaan yang tetap).<sup>175</sup>


Konteks ayat tersebut ialah penerangan sifat dan kekuasaan Allah SWT serta kurniaan-Nya kepada makhluk-Nya.<sup>176</sup> Oleh itu, dipelbagaikan penggunaan struktur morfologi dalam ayat ini, tetapi dalam ayat 27 surah Ali Imran hanya digunakan struktur kata kerja kala kini sahaja, iaitu:



<sup>174</sup> Al-Saamarra'iy. Al-Ta'biir al-Qur'aaniyy. Hal. 26.

<sup>175</sup> Ibid. Hal. 23.


<sup>176</sup> Ibid. Hal. 23.



Maksudnya: Engkau masukkan malam ke dalam siang dan Engkau masukkan siang ke dalam malam. Engkau keluarkan yang hidup dari yang mati dan Engkau keluarkan yang mati dari yang hidup. Engkau memberi rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki tanpa hisab.

Ini adalah kerana konteks ayat ini ialah (menyatakan perubahan dan pertukaran secara amnya seperti Allah SWT memberi dan mencabut kekuasaan daripada sesiapa yang dikehendaki-Nya serta memulia dan menghina sesiapa yang dikehendaki-Nya...keseluruhan konteks ayat ialah pergerakan, perubahan dan pergantian, maka disebut pola kata kerja yang menunjukkan perubahan dan pergerakan).<sup>177</sup>

Antara yang menarik juga untuk dibincangkan dalam skop yang lebih luas ialah surah الْكَافِرُونَ yang digunakan kedua-dua struktur ini secara berulang kali, iaitu:



Maksudnya: Katakanlah: "Wahai orang-orang kafir, aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Kamu juga bukan penyembah Tuhan yang aku sembah. Aku juga bukan penyembah apa yang kamu sembah. Kamu juga bukan penyembah Tuhan yang aku sembah. Untukmu agamamu, dan untukku agamaku".

Dalam konteks ini, memadailah ulasan yang dilakukan oleh al-Saamarraa'iyiy untuk menunjukkan peranan kedua-dua struktur ini , iaitu kata kerja kala kini تَعْبُدُونَ ، أَعْبُدُ dan

<sup>177</sup> Al-Saamarraa'iyiy. Al-Ta'biir al-Qur'aaniyy. Hal. 23.

kata nama pelaku عَابِدُونَ ، عَابِدٍ - di samping kata kerja lepas عَبَدْتُمْ - dalam menegaskan perbezaan yang sangat besar dan pemisahan yang pasti antara iman dan kufur yang tidak mungkin akan bertemu sama sekali. Beliau menyatakan:

*“Rasulullah SAW menafikan penyembahan berhala daripada dirinya dengan dua pola, iaitu kata kerja dan kata nama...dan dengan dua kata kerja, iaitu kata kerja kala kini dan kala lampau...Baginda juga menafikan daripada orang kafir penyembahan yang sebenar dengan satu pola sahaja sebanyak dua kali, iaitu pola kata nama...Ertinya Baginda menafikan penyembahan berhala daripada dirinya dalam dua keadaan, iaitu tetap dan berulang dalam semua masa...masa lalu, sekarang dan akan datang”.*<sup>178</sup>

Beliau juga membuat pemerhatian umum mengenai penggunaan kedua-dua struktur ini dalam al-Quran al-Karim yang menarik untuk diperhatikan. Antaranya mengenai perbuatan menyesatkan مُضِلٌّ yang kadang-kadang Allah SWT turut menyandarkannya kepada diri-Nya sendiri seperti ayat 27 surah Ibrahim:



Maksudnya: Allah menyesatkan orang-orang yang zalim.

Dalam al-Quran al-Karim, Allah SWT menyandarkan perbuatan menyesatkan kepada diri-Nya dalam bentuk kata kerja sahaja untuk menunjukkan bahawa ia bukan perbuatan atau sifat-Nya yang tetap, tetapi dilakukan-Nya terhadap orang yang berhak menerimanya. Dia tidak pernah menyandarkan perbuatan ini kepada diri-Nya dalam bentuk kata nama untuk menunjukkan bahawa ini bukan sifat-Nya, tetapi apabila Dia menyandarkan perbuatan ini kepada syaitan dinyatakan dalam bentuk kata kerja مُضِلٌّ dan kata nama atau kata sifat مُضِلٌّ untuk menunjukkan bahawa perbuatan menyesatkan ini memang merupakan sifat syaitan


<sup>178</sup> Al-Saamarraa'iy. Al-Ta'biir al-Qur'aaniyy. Hal. 28-29.

yang tetap dan sehati serta dilakukannya dari masa ke masa<sup>179</sup> seperti ayat 15 surah al-Qasas dan ayat 4 surah al-Hajj:



Maksudnya: *Ini adalah perbuatan syaitan.*

*Sesungguhnya ia adalah musuh yang menyesatkan lagi nyata.*



Maksudnya: *Ditetapkan terhadap syaitan itu bahawa sesiapa yang mendampinginya, tentu dia akan menyesatkannya dan membawanya ke azab neraka.*

Pemerhatian beliau juga dibuat terhadap beberapa perkataan atau istilah lain dalam al-Quran al-Karim dengan katanya:

*“Kata kerja يُنْفِقُ (membelanjakan) digunakan dalam bentuk kata kerja kerana perbuatan membelanjakan harta merupakan perbuatan yang berulang-ulang dan berlaku secara berterusan. Ini berbeza dengan iman yang banyak digunakan dalam bentuk kata nama kerana iman mempunyai satu hakikat yang tetap di hati dan digunakan juga dalam bentuk kata kerja pada tempat-tempat yang menunjukkan perlakuan berulang. Demikian juga taqwa, Islam, sabar, syukur, petunjuk, kesesatan, buta hati, celik hati atau seumpamanya...Semuanya ini mempunyai makna hakiki dan majazi yang berterusan dan kesan yang berubah-ubah dan terputus, maka digunakan dalam dua bentuk, cuma masing-masing mempunyai tempat yang sesuai dengannya. Justeru, sekiranya dikehendaki perubahan hakikat dan kesannya, maka digunakan*

<sup>179</sup>.Ibid. Hal. 32.

bentuk kata kerja dan sekiranya dikehendaki sifatnya maka digunakan bentuk kata nama".<sup>180</sup>

### 3.3.2.13 Kata Kerja Kala Lampau Dan Kata Kerja Kala Kini

Pada dasarnya kata kerja kala lampau menunjukkan masa yang lepas dan kata kerja kala kini menunjukkan masa sedang berlaku dan akan datang. Persoalan yang ingin dibincangkan apakah kedua-dua struktur ini menunjukkan masa masing-masing secara tetap?

Al-Quran al-Karim pada dasarnya menggunakan kedua struktur kata kerja ini untuk masa masing-masing mengikut penggunaan asalnya. Antara contohnya ialah 79 surah al-Baqarah:



Maksudnya: *Kecelakaan yang besarlah bagi orang-orang yang menulis Kitab dengan tangan mereka sendiri, kemudian mereka berkata: "Ini adalah dari sisi Allah" dengan tujuan membelinya dengan harga yang murah. Maka, kecelakaan yang besarlah bagi mereka akibat apa yang telah ditulis oleh tangan mereka sendiri dan kecelakaan yang besarlah bagi mereka akibat apa yang mereka lakukan.*

<sup>180</sup> Al-Saamarra' iyy. Al-Ta'biir al-Qur'aaniyy. Hal. 30.



Digunakan kata kerja kala lampau untuk perbuatan menulis كَتَبَتْ kerana ia telah berlalu, tetapi digunakan kata kerja kala kini untuk usaha dan perlakuan mereka يَكْسِبُونَ kerana ia adalah berterusan.<sup>181</sup>

Contoh lain ialah ayat 25 surah al-Hajj:




Maksudnya: *Sesungguhnya orang-orang yang kafir dan menghalang manusia dari jalan Allah dan Masjid Haram yang telah kami jadikan untuk semua manusia, sama ada yang bermukim di situ mahu pun di padang pasir dan sesiapa yang bermaksud melakukan kejahatan secara zalim di dalamnya, nescaya Kami akan rasakan kepadanya seksaan yang pedih.*

Untuk kufur digunakan kata kerja kala lampau kerana mereka telah pun kufur dan kekufuran itu telah sebatu dengan diri mereka, tetapi untuk perbuatan menghalang dari jalan Allah digunakan kata kerja kala kini kerana ia dilakukan secara berterusan.<sup>182</sup>

Namun, didapati bahawa al-Quran al-Karim kadang-kadang menyimpang dan keluar daripada penggunaan biasa ini. Antaranya al-Quran al-Karim menggunakan kata kerja kala lampau untuk peristiwa akan datang untuk menunjukkan bahawa ia pasti akan berlaku seperti hari qiamat, syurga, neraka dan seumpamanya. Contohnya ialah ayat 68 surah al-Zumar:

<sup>181</sup> ‘Abd al-Fattaah Fayyud. ‘Ilm al-Ma‘aani Diraasaṭ Balaaghiyyaṭ Wa Naqdiyyaṭ Li Masaa’il al-Ma‘aani. Hal. 223.


<sup>182</sup> Faḍl Ḥasan ‘Abbaas. Laṭaa’if al-Manaan Wa Rawaa’i‘ al-Bayaan. Hal. 203.



Maksudnya: *Ditiuplah sangkakala, maka matilah sesiapa sahaja di langit dan di bumi kecuali sesiapa yang dikehendaki Allah. Kemudian ditiup sangkakala itu sekali lagi maka tiba-tiba mereka bangun menunggu (keputusan masing-masing).*

Digunakan kata kerja kala lampau untuk menggambarkan peristiwa tiupan sangkakala hari qiamat, walaupun ia belum terjadi untuk menunjukkan bahawa ia pasti berlaku tanpa syak lagi.<sup>183</sup>

Kadang-kadang al-Quran al-Karim menggunakan kata kerja kala lampau untuk menunjukkan keinginan yang kuat dan kesungguhan yang tinggi untuk mendapat sesuatu seperti ayat 2 surah al-Mumtahanah:



Maksudnya: *Jika mereka menangkap kamu, nescaya mereka bertindak sebagai musuh bagimu dan melepaskan tangan dan lidah mereka kepadamu dengan menyakiti(mu) dan mereka ingin supaya kamu menjadi kafir.*

Digunakan kata kerja kala lampau **وَدُّوا** yang bererti mereka ingin untuk menunjukkan betapa besarnya keinginan dan kesungguhan mereka agar orang Islam menjadi kafur.<sup>184</sup>

<sup>183</sup> ‘Abd al-Fattaah Fayyuud. *Min Balaaghat al-Nazm al-Qur’aaniyy*. Hal. 176.

<sup>184</sup> ‘Abd al-Fattaah Fayyuud. *‘Ilm al-Ma’aani, Diraasaṭ Balaaghiyyaṭ Wa Naqdiyyaṭ Li Masaa’il al-Ma’aani*. Hal. 212.

Begitu juga dengan kata kerja kala kini, al-Quran al-Karim kadang-kadang menggunakannya untuk perbuatan dan peristiwa yang telah berlaku bagi menunjukkan bahawa ia akan berlaku lagi secara berterusan. Contohnya ayat 80 surah al-Baqarah:



Maksudnya: *Katakanlah: "Sudahkah kamu menerima janji dari Allah sehingga Dia tidak akan memungkiri janji-Nya, atau kamu hanya mengatakan terhadap Allah apa yang kamu tidak ketahui?"*

Tempat kata kerja kala kini تَقُولُونَ mengikut kebiasaannya hendaklah digunakan kata kerja kala lampau قُلْتُمْ kerana ia merupakan *ma'tuuf* kepada kata kerja kala lampau اتَّخَذْتُمْ, tetapi digunakan kata kerja kala kini (untuk mendedahkan hakikat orang-orang Yahudi dan menerangkan penipuan mereka mengenai Allah SWT dan sifat mereka yang memperkatakan sesuatu yang tidak diketahui bahawa ia belum tamat, malah kekal dan berulang-ulang. Mereka berterusan berada dalam keadaan yang pelik dan munkar ini).<sup>185</sup>

Hal yang hampir sama dapat diperhatikan dalam ayat 87 surah al-Baqarah:



Maksudnya: *Apakah setiap kali datang kepadamu seorang Rasul membawa sesuatu yang tidak sesuai dengan keinginanmu lalu kamu bersikap sombong, maka kamu dustakan sekumpulan daripada mereka dan kamu bunuh sekumpulan yang lain.*

<sup>185</sup> ‘Abd al-Fattaah Fayyuud. *Min Balaaghat al-Nazm al-Qur’aaniyy*. Hal. 180.

Tempat kata kerja kala kini تَفْتُلُونَ mengikut kebiasaannya hendaklah digunakan kata kerja kala lampau supaya selari dengan kata kerja kala lampau sebelumnya كَذَّبْتُمْ, namun digunakan kata kerja kala kini adalah untuk menunjukkan bahawa orang Yahudi akan terus melakukan pembunuhan.<sup>186</sup> Di samping itu, penggunaan kata kerja kala kini ini turut bertujuan untuk menjadikan pembunuhan itu sebagai gambaran yang jelas tergambar dan terpampang di hati, jiwa dan pemikiran pembaca seolah-olah ia merupakan peristiwa yang berlaku di depan mata yang menimbulkan kutukan dan kegerunan kerana penggunaan kata kerja kala kini membawa gambaran lalu supaya terpahat dalam perasaan yang akan memberi kesan lebih mendalam ke dalam jiwa.<sup>187</sup>

Rumusannya kata kerja kala lampau menunjukkan masa lalu, kepastian berlaku dan kesungguhan melakukan perbuatan. Manakala kata kerja kala kini menunjukkan masa sedang berlaku, berterusan dan memberi gambaran sesuatu dengan jelas.

#### **3.3.2.14 Kata Kerja Mujarrad dan Kata Kerja Berimbuhan**

Perbincangan mengenai pemilihan kata kerja mujarrad dan berimbuhan boleh dilakukan pada dua peringkat:

- 1- Pemilihan antara kata kerja mujarrad dan berimbuhan.
- 2- Pemilihan antara pola-pola kata kerja berimbuhan.

Dalam konteks pemilihan antara kata kerja mujarrad dan berimbuhan, ahli bahasa telah menyebut kaedah umum, iaitu penambahan lafaz membawa kepada penambahan makna. Pada dasarnya apabila terdapat sesuatu imbuhan, maka akan terdapat penambahan makna morfologi kepada makna asal sesuatu perkataan. Namun apabila diteliti, makna morfologi ini kadang-kadang dapat difahami dengan jelas dan kebiasaannya ia disebut dalam kitab

---

<sup>186</sup> Ibid. Hal. 181.

<sup>187</sup> ‘Abd al-Fattaah Fayyuud. Min Balaaghat al-Nazm al-Qur’aaniyy. Hal. 181. Faql Hasan ‘Abbaas. Al-Balaaghat, Funuunuhaa wa Afnaanuhaa. Hal. 446.

morfologi. Kadang-kadang makna morfologi ini kurang jelas dan perlu diteliti serta difahami berdasarkan konteks ayat.

Antara makna morfologi utama yang jelas ialah transitif, iaitu menukar kata kerja tak transitif kepada transitif seperti *رأى* dan *أرى* mengenai peristiwa Isra' dan Mi'raj dalam ayat 1 surah al-Isra' dan ayat 10-18 surah al-Najm:

Maksudnya: *Maha Suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa yang telah Kami berkati sekelilingnya untuk Kami memperlihatkan kepadanya sebahagian dari tanda-tanda kebesaran Kami. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.*

Maksudnya: *Sesungguhnya Dia telah melihatnya pada waktu yang lain di Sidratul Muntaha. Di dekatnya ada syurga Ma'wa. Ketika Sidratul Muntaha diliputi oleh sesuatu, penglihatannya tidak berpaling dan tidak melampauinya. Sesungguhnya dia telah melihat sebahagian tanda-tanda kekuasaan Tuhannya yang paling besar.*

Ayat pertama menceritakan mengenai peristiwa Isra' yang berlaku kepada Rasulullah SAW dari Mekah al-Mukarramah ke Baitul Maqdis dan perkataan yang digunakan ialah *نُرِيَ*

daripada *أَرَى* yang bererti memperlihatkan. Manakala ayat kedua menceritakan mengenai peristiwa Mi'raj Rasulullah SAW dari Baitul Maqdis ke Sidratul Muntaha dan perkataan yang digunakan ialah *رَأَى* yang bererti melihat.

Kedua-dua perkataan ini membawa maksud yang agak berbeza. Perkataan *رَأَى* membawa maksud bahawa dalam peristiwa Isra' Rasulullah SAW diperlihatkan kepada Baginda tanda-tanda kebesaran Allah SWT, bukannya Baginda yang melihat sendiri, tetapi perkataan *أَرَى* memberi maksud bahawa dalam peristiwa Mi'raj Baginda melihat sendiri tanda kebesaran Allah SWT.

Persoalannya kenapa dibezakan dua keadaan tersebut? Ulama menyatakan bahawa ketika berlaku Isra' Nabi Muhammad SAW masih lagi mempunyai ciri manusia biasa yang tertakluk kepada sistem penglihatan dan cahaya. Oleh itu, Baginda tidak dapat melihat dengan sendiri peristiwa yang dipaparkan kepadanya. Manakala ketika berlaku Mi'raj keadaan dalaman Baginda diubah, seolah-olah ciri manusia pada Baginda dibuang dan digantikan dengan sedikit ciri malaikat yang dengan itu Baginda dapat melihat dengan sendiri. Oleh itu, ketika Isra' Baginda banyak bertanya kepada Jibril apa yang dilihatnya, tetapi ketika Mi'raj Baginda sudah tidak bertanya lagi.<sup>188</sup>

Antara makna morfologi yang jelas juga ialah makna banyak dan kuat seperti *تَفَجَّرُ* dan *تَفَجَّرُ* dalam ayat 90-91 surah al-Isra':



<sup>188</sup> Al-Sya'raawiyy. 'Alaa Maa'idat al-Fikr al-Islaamiyy. Hal. 168-172. Ibn al-Qayyim. Haadhi al-Arwaah ilaa Bilaad al-Afraah. Hal. 229.

Maksudnya: Mereka berkata: "Kami sekali-kali tidak percaya kepadamu hingga kamu memancarkan mata air dari bumi untuk kami atau kamu mempunyai sebuah kebun korma dan anggur, lalu kamu pancarkan air sungai di celah kebun itu dengan deras.

Dalam ayat pertama digunakan تَفَجَّرُ tetapi dalam ayat kedua digunakan تَفَجَّرُ . Perbedaannya ialah perkataan kedua menunjukkan tahap makna yang lebih kuat dan banyak dari perkataan pertama. Ini membawa maksud bahawa pancaran air dari mata air bumi adalah sedikit dan kurang kuat, tetapi pancaran air dari sungai adalah lebih banyak dan kuat. Oleh itu, perkataan يَنْبُوعٌ disebut dalam bentuk mufrad sahaja, tetapi perkataan أَنْهَارٌ disebut dalam bentuk jamak supaya bertepatan dengan maksud sedikit air mata air dan banyak air sungai.<sup>189</sup>

Makna banyak dan kuat juga boleh ditemui pada perkataan تَبِعَ dan اتَّبَعَ dalam ayat 38 surah al-Baqarah dan ayat 123 surah Taha:

تَبِعَ بِأَنفُسِهِمْ يَكْفُرُوا أَفَتَأْتُونَ آلَ عَادِ إِذْ كَانُوا كَافِرِينَ ﴿١٢٣﴾  
 أَفَتَأْتُونَ آلَ عَادِ إِذْ كَانُوا كَافِرِينَ ﴿١٢٣﴾  
 أَفَتَأْتُونَ آلَ عَادِ إِذْ كَانُوا كَافِرِينَ ﴿١٢٣﴾  
 أَفَتَأْتُونَ آلَ عَادِ إِذْ كَانُوا كَافِرِينَ ﴿١٢٣﴾

Maksudnya: Kami berfirman: "Turunlah kamu semuanya dari surga itu! Kemudian jika datang petunjuk-Ku kepadamu, maka sesiapa yang mengikuti petunjuk-Ku, nescaya tidak ada kebimbangan atas mereka, dan tidak pula mereka bersedih hati".

أَفَتَأْتُونَ آلَ عَادِ إِذْ كَانُوا كَافِرِينَ ﴿١٢٣﴾  
 أَفَتَأْتُونَ آلَ عَادِ إِذْ كَانُوا كَافِرِينَ ﴿١٢٣﴾  
 أَفَتَأْتُونَ آلَ عَادِ إِذْ كَانُوا كَافِرِينَ ﴿١٢٣﴾  
 أَفَتَأْتُونَ آلَ عَادِ إِذْ كَانُوا كَافِرِينَ ﴿١٢٣﴾

<sup>189</sup> ‘Abd al-Fattaah Fayyuud. Min Balaaghat al-Nazm al-Qur’aaniyy. Hal.9.

Maksudnya: *Allah berfirman: "Turunlah kamu berdua dari syurga. Sebahagian kamu menjadi musuh bagi sebahagian yang lain. Maka jika datang kepadamu petunjuk daripada-Ku, maka sesiapa yang mengikut petunjuk-Ku, dia tidak akan sesat dan tidak akan celaka.*

Kedua-dua ayat ini menceritakan mengenai perintah Allah SWT kepada Nabi Adam dan isterinya supaya turun ke bumi setelah mereka melanggar arahan-Nya. Allah SWT menyatakan bahawa sekiranya sesiapa mengikut petunjuk-Nya dia tidak akan bersedih dan tiada kebimbangan terhadapnya dalam ayat pertama dan dia tidak akan sesat dan sengsara dalam ayat kedua.

Diperhatikan bahawa digunakan perkataan تَبِعَ dalam ayat pertama dan اتَّبَعَ dalam ayat kedua. Perkataan kedua menunjukkan makna ikutan yang lebih kuat dan banyak daripada perkataan pertama, kerana konteksnya yang lebih kuat dan keras, iaitu<sup>190</sup>:

- kealpaan Nabi Adam AS dan peringatan yang diberikan kepadanya.
- Kesalahan Nabi Adam AS dinyatakan secara jelas.
- Usaha syaitan yang kuat dan pelbagai tipu dayanya untuk menimbulkan waswas kepada Nabi Adam AS.
- Ayat ini ditujukan kepada penduduk Mekah, manakala ayat pertama ditujukan kepada penduduk Madinah.
- Konteks am ayat tersebut yang keras, berlebihan dan tegas.

Makna transitif dan banyak serta kuat yang difahami daripada imbuhan merupakan makna yang jelas dan masyhur. Namun, terdapat makna-makna lain yang kurang jelas dan kadang-kadang tidak disebut dalam kitab morfologi yang perlu diteliti dan difahami berdasarkan konteks ayat. Antaranya ialah makna yang lebih khusus seperti perkataan نَجْرِي ، نُجَازِي . Dalam al-Quran al-Karim perkataan نَجْرِي disebut sebanyak 19 kali dan perkataan نُجَازِي hanya disebut sekali sahaja.<sup>191</sup> Mengikut al-Zamakhshariyy perkataan نَجْرِي adalah umum

---

<sup>190</sup> 'Abd al-'Aziim. Khaṣaa'is al-Ta'biir al-Qur'aaniyy. Hal. 2/19-21.

<sup>191</sup> 'Audatullah. Sirr al-I'jaaz Fii Tanauwu' al-Ṣiyagh. Hal. 56.



untuk balasan baik mahu pun buruk, tetapi نُجَازِيْ adalah khusus untuk balasan buruk sahaja.<sup>192</sup> Contoh penggunaan نُجَازِيْ dengan makna balasan baik dan buruk ialah ayat 145 surah Ali Imran dan ayat 36 surah Fatir:

﴿لَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ۝۳۶﴾

Maksudnya: Kami akan memberi balasan kepada orang-orang yang bersyukur.

﴿لَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ۝۳۶﴾

Maksudnya: Demikianlah Kami membalas tiap-tiap orang yang sangat kufur.

Manakala perkataan نُجَازِيْ hanya digunakan dengan makna balasan buruk sahaja, iaitu dalam ayat 17 surah Saba':

﴿لَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ۝۱۷﴾

﴿لَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ۝۱۷﴾

Maksudnya: Demikianlah Kami memberi balasan kepada mereka kerana kekufuran mereka.

Kami tidak membalas dengan azab melainkan hanya kepada orang yang sangat kufur.

Selain makna khusus, imbuhan juga kadang-kadang memberi makna sudut yang berbeza seperti perkataan يَطْهَرْنَ dan تَطَهَّرْنَ seperti dalam ayat 222 surah al-Baqarah:

﴿يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ يَذُرْنَهَا حَيْثُ يَذُرْنَ الْمَذْمُومَ ۝۲۲۲﴾

﴿يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ يَذُرْنَهَا حَيْثُ يَذُرْنَ الْمَذْمُومَ ۝۲۲۲﴾

﴿يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ يَذُرْنَهَا حَيْثُ يَذُرْنَ الْمَذْمُومَ ۝۲۲۲﴾

﴿يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ يَذُرْنَهَا حَيْثُ يَذُرْنَ الْمَذْمُومَ ۝۲۲۲﴾

﴿يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ يَذُرْنَهَا حَيْثُ يَذُرْنَ الْمَذْمُومَ ۝۲۲۲﴾

﴿يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ يَذُرْنَهَا حَيْثُ يَذُرْنَ الْمَذْمُومَ ۝۲۲۲﴾

﴿يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ يَذُرْنَهَا حَيْثُ يَذُرْنَ الْمَذْمُومَ ۝۲۲۲﴾

﴿يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ يَذُرْنَهَا حَيْثُ يَذُرْنَ الْمَذْمُومَ ۝۲۲۲﴾

Maksudnya: Mereka bertanya kepadamu tentang haid. Katakanlah: Haid itu

boleh membahayakan, maka jauhkan dirimu dari wanita di waktu haid dan janganlah kamu

<sup>192</sup> Al-Zamakhshariyy. Al-Kasysyaaf. Hal. 3/256.

mendekati mereka sehinggalah mereka suci. Apabila mereka telah bersuci, maka datangilah mereka itu sebagaimana yang diperintahkan Allah kepadamu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertaubat dan menyukai orang-orang yang bersuci.

Kedua-dua perkataan tadi memberi makna suci, tetapi *يَطْهَرُونَ* bermaksud suci dengan berhentinya darah haid dan *تَطَهَّرُونَ* bermaksud suci dengan mandi hadas.

Antara contoh makna jenis ini juga ialah *يَنْكِحُ* dan *يَسْتَنْكِحُ*. Dalam al-Quran al-Karim perkataan *يَنْكِحُ* disebut sebanyak 14 kali dengan makna berkahwin/mengahwini dan perkataan *يَسْتَنْكِحُ* hanya disebut sekali sahaja,<sup>193</sup> iaitu ayat 50 surah al-Ahzab:




Maksudnya: *Wahai Nabi, Sesungguhnya Kami telah menghalalkan bagimu isteri- isterimu yang telah kamu berikan mas kahwinnya dan hamba sahaya yang kamu miliki dari apa yang kamu perolehi dalam peperangan yang dikurniakan Allah untukmu. Begitu juga anak-anak perempuan bapa saudaramu sebelah bapa, anak-anak perempuan emak saudaramu sebelah bapa, anak-anak perempuan bapa saudara sebelah ibu dan anak-anak perempuan emak saudara sebelah emak yang turut hijrah bersamamu*

<sup>193</sup> ‘Audatullah. Sirr al-I’jaaz Fii Tanauwu’ al-Siyagh. Hal. 125.

dan perempuan mukmin yang menyerahkan dirinya kepada Nabi sekiranya Nabi mahu mengahwininya sebagai pengkhususan bagimu, bukan untuk semua orang mukmin.

Apakah makna perkataan *يَسْتَنْكِحُ* ? Ada yang menyatakan bahawa ia memberi makna yang sama dengan *نَكَحَ*.<sup>194</sup> Pendapat ini kurang sesuai kerana setiap imbuhan sepatutnya memberi makna morfologi baru, lebih-lebih lagi dalam al-Quran al-Karim yang sangat memberi penekanan kepada pengungkapan yang halus dan terperinci. Ada yang berpendapat ia memberi makna minta dan ingin berkahwin<sup>195</sup> seperti makna yang masyhur untuk imbuhan *است*. Makna ini juga kurang sesuai kerana konteks ayat menyatakan bahawa wanita itu yang menawarkan dirinya untuk berkahwin, bukannya Rasulullah SAW yang meminta untuk berkahwin. Pendapat yang sesuai ialah seperti pendapat al-Raaziyy yang menyatakan bahawa imbuhan *است* memberi makna terima dan *يَسْتَنْكِحُ* memberi makna terima berkahwin.<sup>196</sup> Ini sesuai dengan perkataan yang digunakan sebelum itu, iaitu *وَهَبَتْ نَفْسَهَا* yang bererti menawarkan dirinya, kerana respon kepada tawaran itu mungkin terima atau tolak.<sup>197</sup>

Antara contoh jenis ini juga ialah perkataan *يَبْدَأُ* dan *يُبْدِئُ*. ‘Audatullah menyatakan bahawa dalam al-Quran al-Karim perkataan *يَبْدَأُ* disebut sebanyak 6 kali dengan maksud penciptaan kali pertama seperti ayat 4 surah Yunus:



Maksudnya: *Sesungguhnya Allah menciptakan makhluk pada permulaannya, kemudian Dia mengembalikannya supaya Dia memberi pembalasan kepada orang-orang yang beriman dan yang melakukan amal saleh dengan adil.*

<sup>194</sup> Al-Jauhariyy. Al-Ṣihaah. Hal. 1/413.

<sup>195</sup> Al-Zamakhsyariyy. Al-Kasysyaaf. Hal. 3/242.

<sup>196</sup> Al-Raaziyy. Al-Tafsiir al-Kabiir. Hal. 25/220.

<sup>197</sup> ‘Audatullah. Surr al-I’jaaz Fii Tanauwu‘ al-Ṣiyagh. Hal. 125.

Perkataan **يَبْدَأُ** memberi makna penciptaan pertama kerana konteks ayat ini adalah berkaitan dengan penciptaan langit dan bumi.

Manakala perkataan **يُبْدِئُ** hanya disebut sekali sahaja dengan makna penciptaan semula, iaitu ayat 19 surah al-Ankabut:



Maksudnya: *Apakah mereka tidak memperhatikan bagaimana Allah menciptakan semula makhluk, kemudian Dia mengembalikannya. Sesungguhnya yang demikian itu adalah mudah bagi Allah.*

Perkataan **يُبْدِئُ** memberi makna penciptaan semula kerana konteks ayat ini adalah berkaitan dakwah Nabi Nuh dan Ibrahim AS kepada kaum mereka yang merupakan penciptaan semula melalui kelahiran.<sup>198</sup>

Perbincangan tadi merupakan perbandingan antara kata kerja mujarrad dan berimbuhan. Perbandingan juga dapat dibuat antara pola-pola kata kerja berimbuhan sahaja untuk melihat rahsia di sebalik pemilihan sesuatu pola berimbuhan. Antara pola yang elok difokuskan untuk perbandingan ialah **فَعَّلَ** dan **فَعَّلَ** kerana kedua-dua pola ini kebiasaannya digunakan dengan maksud transitif, tetapi perbezaan antara kedua-duanya ialah **فَعَّلَ** pada dasarnya menunjukkan maksud kuat dari sudut kualiti dan banyak dari sudut kuantiti, sesuai dengan sifat sabdu yang ada padanya, berbeza dengan **أَفْعَلَ** yang tidak menunjukkan makna tersebut.

Persoalannya apakah al-Quran al-Karim menggunakan kedua-duanya dengan maksud-maksud tersebut? Contohnya ialah perkataan **نَزَّلَ** dan **أَنْزَلَ** seperti dalam ayat 3 surah Ali Imran dan ayat 1 surah al-Qadr:

<sup>198</sup> ‘Audatullah. Sirr al-I’jaaz Fii Tanauwu’ al-Şiyagh. Hal. 49-50.

Maksudnya: *Dia menurunkan al-Kitab kepadamu dengan sebenarnya yang membenarkan Kitab yang telah diturunkan sebelumnya dan Dia juga menurunkan Taurat dan Injil*


Maksudnya: *Sesungguhnya Kami telah menurunkannya (al-Quran) pada malam kemuliaan.*

Ulama menyatakan bahwa ayat pertama yang menggunakan perkataan نَزَّلَ menerangkan tentang penurunan al-Quran al-Karim kepada Nabi Muhammad SAW dan ayat kedua yang menggunakan أَنْزَلَ menerangkan tentang penurunannya pada malam al-qadr ke langit dunia. Al-Quran al-Karim diturunkan secara beransur-ansur kepada Rasulullah SAW selama 23 tahun dan ia berbeza dengan Taurat dan Injil yang diturunkan sekali gus. Namun, pada malam *al-qadr* ia diturunkan secara sekaligus ke langit dunia. Ini menunjukkan bahawa نَزَّلَ memberi maksud berulang-ulang dan beransur-beransur, manakala أَنْزَلَ menunjukkan maksud sekaligus.<sup>199</sup>

Namun, maksud beransur dan sekaligus ini tidak boleh diaplikasikan kepada ayat 37 surah al-An'am dan ayat 50 surah al-Ankabut:

<sup>199</sup> 'Audatullah. SIRR al-I'jaaz Fii Tanauwu' al-Siyagh. Hal. 121. Al-Saamarra'iiyy. Balaaghat al-Kalimat Fii al-Ta'biir al-Qur'aaniyy. Hal. 64.


Maksudnya: Mereka berkata: "Mengapa tidak diturunkan kepadanya suatu tanda dari Tuhannya?" Katakanlah: "Sesungguhnya Allah berkuasa menurunkan sesuatu tanda, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui".



Maksudnya: Mereka berkata: "Mengapa tidak diturunkan kepadanya tanda-tanda dari Tuhannya?" Katakanlah: "Sesungguhnya tanda-tanda itu terserah kepada Allah. Sesungguhnya Aku hanya seorang pemberi peringatan yang nyata".


Ini adalah kerana penerima tanda atau mukjizat itu merupakan orang yang sama. Justeru, perbezaan makna antara kedua-duanya merupakan makna lain yang difahami daripada konteks ayat. Jika dibandingkan antara kedua-dua ayat ini didapati konteks ayat pertama lebih kuat, kerana ia berkaitan dengan sikap orang kafir yang keras, berdebat dengan kebatilan dan pendustaan, berbanding dengan konteks ayat kedua yang kurang kuat.<sup>200</sup> Maka boleh dikatakan bahawa نَزَّلَ menunjukkan makna penegasan, penekanan, kesungguhan dan keutamaan<sup>201</sup> yang merupakan maksud yang hampir dengan kuat, berbanding dengan أَنْزَلَ yang kurang menunjukkan maksud tersebut.

Penulis berpendapat tujuan penegasan, kesungguhan dan penekanan inilah yang dimaksudkan untuk perkataan نَزَّلَ bagi penurunan ayat-ayat al-Quran al-Karim kepada Rasulullah SAW dan bukannya maksud beransur-ansur dalam ayat 32 surah al-Furqan:



<sup>200</sup> Al-Saamarra'iy. Balaaghat al-Kalimat Fii al-Ta'biir al-Qur'aaniyy. Hal. 67-68.


<sup>201</sup> Al-Saamarra'iy. Balaaghat al-Kalimat Fii al-Ta'biir al-Qur'aaniyy. Hal. 64. 'Audatullah. Sirr al-I'jaaz Fii Tanauwu' al-Şiyagh. Hal. 122.



Maksudnya: *Orang-orang kafir berkata: "Mengapa al-Quran itu tidak diturunkan kepadanya sekaligus?". Demikianlah supaya Kami perteguhkan hatimu dengannya dan Kami membacanya secara tartil.*

Kesimpulannya نَزَّلَ memberi maksud penegasan, kesungguhan dan penekanan.

Makna lebih penekanan, penegasan dan keutamaan ini juga boleh diperhatikan ketika membandingkan antara perkataan وَصَّى dan أُوصِيَ dalam ayat 132 surah al-Baqarah dan ayat 11 surah al-Nisa':



Maksudnya: *Ibrahim telah berpesan dengan ucapan itu kepada anak-anaknya dan demikian pula Ya'qub: "Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama ini bagimu, maka janganlah kamu mati kecuali dalam memeluk agama Islam".*




Maksudnya: *Allah berpesan kepada kamu mengenai anak-anakmu bahawa seorang anak lelaki mendapat sama dengan bahagian dua orang anak perempuan.*

Diperhatikan bahawa وَصَّى digunakan dalam konteks agama dan perkara maknawi, manakala أُوصِيَ digunakan dalam konteks perkara material.<sup>202</sup> Pastinya bahawa perkara agama adalah lebih penting dan utama berbanding dengan urusan material.

<sup>202</sup> Al-Saamarra' iyy. Al-Ta'biir al-Qur'aaniyy. Hal.15.

Maksud yang hampir sama pada perkataan **أُنبأ** dan **نُبا** dalam ayat 3 surah al-Tahrim:



Maksudnya: *Ketika Nabi memberitahu suatu perkara secara rahsia kepada salah seorang isterinya. Kemudian apabila isterinya itu menceritakan rahsia tersebut (kepada seorang madunya), dan Allah menyatakan pembukaan rahsia itu kepada Nabi, maka dia menerangkan kepadanya sebahagian (rahsia tersebut) dan tidak menerangkan sebahagian lagi. Setelah Nabi menyatakan hal itu kepada isterinya, isterinya bertanya: "Siapakah yang memberi tahu hal ini kepadamu?" Nabi menjawab: "Aku diberitahu oleh Allah Yang Maha Mengetahui, lagi Amat Mendalam Pengetahuannya".*

Ayat ini menceritakan mengenai Nabi SAW yang pada satu ketika memberitahu kepada Hafsa RA bahawa Baginda telah minum madu di rumah Zainab RA dan tidak akan mengulanginya lagi sambil meminta supaya jangan memberitahunya kepada isterinya yang lain, tetapi Hafsa RA memberitahunya juga kepada Aishah RA. Kemudian, Allah SWT memaklumkan perkara itu kepada Rasulullah SAW, maka Baginda pun memberitahu pemakluman itu kepada Hafsa RA, lalu dia bertanya kepada Baginda mengenai orang yang memberitahu perkara tersebut. Baginda menjawab bahawa Allah SWT yang memberitahunya.

Al-Raaghib al-Aṣṣfahaaniyy menyatakan bahawa **نُبأ** lebih kuat berbanding **أُنْبأ** dari sudut makna berlakunya pemberitahuan itu dan bahawa ia dari Allah SWT.<sup>203</sup> ‘Audatullah

<sup>203</sup> Al-Raaghib al-Aṣṣfahaaniyy. Al-Mufradaat Fii Ghariib al-Qur’aan. Hal. 483.




menambah bahawa نَبَأٌ bermaksud berita yang yakin, manakala أَنْبَأٌ bermaksud sangkaan yang besar. Maka digunakan ungkapan لَمَّا نَبَّأَهَا kerana perkara yang diberitahu oleh Rasulullah SAW merupakan berita yakin, tetapi digunakan أَنْبَأَكَ kerana Hafsa hanya menyangka sahaja bahawa Rasulullah SAW diberitahu oleh wahyu, namun dia tidak pasti kerana terlintas juga di pemikirannya kemungkinan saiditina Aishah RA yang membuka rahsia itu kepada Baginda. Oleh itu, Hafsa bertanya sumber yang memberitahu kerana pertanyaan mengandungi maksud sangkaan dan kurang kepastian. Kemudian dijawab oleh Rasulullah SAW dengan نَبَّأَنِي kerana ia merupakan berita yakin.<sup>204</sup> Justeru, boleh disimpulkan bahawa نَبَأٌ memberi makna lebih kuat dari sudut kepastian dan sangkaan.

Pola seterusnya yang ingin dibincangkan dan dibandingkan ialah تَفَاعَلَ dan افْتَعَلَ . Contohnya ialah perkataan تَشَابَهَ dan اشْتَبَهَ seperti dalam ayat 99 dan 141 surah al-An'am:



Maksudnya: *Dialah yang menurunkan air hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu segala macam tumbuh-tumbuhan, maka Kami keluarkan dari tumbuh-tumbuhan itu tanaman yang menghijau yang kemudiannya Kami keluarkan dari tanaman yang menghijau itu bijian yang banyak dan dari mayang korma mengurai tangkai-tangkai yang menjulai serta kebun-kebun anggur. (Kami keluarkan pula) zaitun dan delima yang serupa dan yang tidak serupa.*

<sup>204</sup> 'Audatullah. Sirr al-I'jaaz Fii Tanauwu' al-Siyagh. Hal. 117.




Maksudnya: *Dialah yang menjadikan kebun-kebon yang menjalar dan yang tidak menjalar, pohon kurma, tanam-tanaman yang bermacam-macam buahnya, zaitun dan delima yang serupa dan tidak serupa.*

Diperhatikan bahawa dalam ayat pertama digunakan perkataan مُشْتَبِهًا dan dalam ayat kedua digunakan perkataan مُتَشَابِهًا . Perbezaan antara kedua-duanya ialah perkataan مُشْتَبِهًا menunjukkan makna kekeliruan dan masalah yang perlu penelitian, kajian dan seumpamanya. Manakala perkataan مُتَشَابِهًا pula menunjukkan makna persamaan antara dua perkara sama ada membawa kepada makna keliru atau pun tidak. Digunakan perkataan مُشْتَبِهًا dalam ayat pertama kerana konteksnya ialah menerangkan kekuasaan Allah SWT pada perkara-perkara halus dan kompleks yang memerlukan penelitian dan kajian. Ini berbeza dengan konteks ayat kedua yang hanya menerangkan jenis-jenis makanan sahaja seperti buah-buahan dan tumbuhan.<sup>205</sup> Jadi, perbezaan antara kedua-dua perkataan tersebut ialah tahap persamaan dan perbezaan yang membawa kekeliruan atau tidak.

Selain daripada dua pola yang hampir sama, terdapat satu perkara yang menarik perhatian apabila diteliti penggunaan pola-pola morfologi dalam al-Quran al-Karim, iaitu penukaran huruf tertentu pada sesuatu pola tanpa sebab biasa morfologi sebagaimana dalam bab *i'laal dan ibdaal*. Diperhatikan bahawa pola yang banyak menerima pertukaran tersebut ialah فَتَعَلَّ and اِفْتَعَلَ . Huruf ت pada pola tersebut ditukar kepada huruf selepasnya. Contohnya ialah perkataan يَخْتَصِمُونَ yang ditukarkan ت padanya menjadi ص lalu digabungkan dua huruf ص bagi membentuk perkataan يَخِصِّمُونَ . Kedua-dua perkataan ini digunakan dalam

<sup>205</sup> Al-Saamarra' iyy. Balaaghah al-Kalimat Fii al-Ta'biir al-Qur'aaniyy. Hal. 89-92.

al-Quran al-Karim. Perkataan **يَخْتَصِمُونَ** yang merupakan asal pola ini digunakan 4 kali<sup>206</sup> seperti ayat 44 surah Ali Imran:



Maksudnya: *Yang demikian itu adalah sebagian dari berita-berita ghaib yang Kami wahyukan kepada kamu, padahal kamu tidak hadir beserta mereka ketika mereka melemparkan anak-anak panah mereka (untuk mengundi) siapa antara mereka yang akan memelihara Maryam dan kamu tidak hadir di sisi mereka ketika mereka bersengketa.*

Manakala perkataan **يَخِصِّمُونَ** disebut sekali sahaja, iaitu ayat 49 surah Yasin:



Maksudnya: *Mereka tidak menunggu melainkan satu pekikan sahaja yang akan membinasakan mereka ketika mereka sedang bertengkar.*

Perkataan **يَخْتَصِمُونَ** disebut dalam bentuk asal dan tiada isu berbangkit, tetapi perkataan **يَخِصِّمُونَ** mengundang persoalan kenapa ditukarkan huruf **ت** kepada **ص** ? Dari sudut bunyinya pun sudah menggambarkan satu makna umum yang lebih kuat. Inilah sebenarnya sebab yang diberikan oleh ahli bahasa. ‘Audatullah menyatakan bahawa pertukaran ini mempunyai dua sebab. Pertamanya ialah kuatnya pertengkaran antara penyokong kebenaran dan penentangannya. Penyokong kebenaran memperingatkan penentangannya

<sup>206</sup> ‘Audatullah. Sirr al-I’jaaz Fii Tanauwu‘ al-Şiyagh. Hal. 69.

mengenai janji Allah SWT akan membinasakan mereka, tetapi mereka tidak mempercayainya. Kuatnya pertengkaran ini yang disertai dengan emosi yang kuat menghalang seseorang daripada mengungkapkan kata-kata dengan baik dan menyebut huruf-huruf perkataan dengan sempurna. Keduanya ialah pekikan yang kuat tersebut menimpa mereka ketika mereka sedang bertengkar yang menjadikan mereka sangat terkejut dan menyebabkan kata-kata mereka kucar kacir yang berubah hurufnya tanpa sebab fonetik yang membolehkan penggabungan huruf.<sup>207</sup>

Bahagian pertama alasan ini boleh dikatakan rasional, namun bahagian kedua alasan ini yang menyebut bahawa pekikan itu menyebabkan mereka tidak dapat menyebut huruf dengan betul agak kurang sesuai kerana perkataan *يَخْصَمُونَ* menceritakan mengenai keadaan mereka yang sedang bertengkar dengan kuat dan bukannya kata-kata mereka yang kucar kacir setelah mendengar pekikan tersebut.

Oleh itu, alasan yang diberikan oleh al-Saamarra'iyi pula agak lebih sesuai walaupun bahagian awalnya adalah sama. Beliau menyatakan bahawa penukaran dan penggabungan huruf itu menunjukkan maksud kuat pertengkaran. Ketika qiamat berlaku mereka terlalu sebak dengan pertengkaran, lalu pekikan tersebut memutuskan pertengkaran mereka, maka tiada lagi pergaduhan, pergerakan atau percakapan, sebaliknya hanya senyap dan diam yang sepenuhnya.<sup>208</sup> Ini lebih menunjukkan bahawa qiamat itu berlaku dalam keadaan yang tidak dijangkakan dan begitu cepat dalam sekelip mata sahaja.

Begitu juga dengan pola *تَفَعَّلَ* yang menjadi *اَفْعَلَ* apabila ditukar ت kepada huruf selepasnya. Al-Saamarra'iyi menyatakan mengenai kedua-dua pola tersebut dalam bentuk kata kerja kala kininya bahawa:

---

<sup>207</sup> 'Audatullah. *Sirr al-I'jaaz Fii Tanawwu' al-Siyagh*. Hal. 69.

<sup>208</sup> Al-Saamarra'iyi. *Balaaghat al-Kalimat Fii al-Ta'biir al-Qur'aaniyy*. Hal. 55.

“Pola *يَتَفَعَّلُ* lebih panjang daripada pola *يَفْعَلُ* tetapi pola kedua mempunyai tad’iif yang lebih daripada pola pertama. Pola *يَتَفَعَّلُ* mungkin menunjukkan maksud beransur-ansur seperti *تَمَشَّى* ، *تَحَسَّنَ* atau maksud berusaha seperti *تَصَبَّرَ*. Kedua-dua maksud ini menunjukkan maksud masa yang panjang dan perbuatan yang beransur-ansur. Dalam al-Quran al-Karim digunakan *يَتَفَعَّلُ* bagi sesuatu yang lebih panjang masanya berbanding *يَفْعَلُ* dan sebaliknya digunakan *يَفْعَلُ* untuk sesuatu perbuatan yang menunjukkan makna berlebihan”<sup>209</sup>.

Persoalannya apakah kenyataan ini benar? Untuk menjawab persoalan ini, dikemukakan perkataan *تَطَهَّرَ* yang apabila ditukarkan ت kepada ط ia menjadi *اطَّهَّرَ* untuk dianalisis seperti *مُطَهَّرٌ* dan *مُطَهِّرٌ* yang digunakan dalam bentuk kata nama pelaku pada ayat 222 surah al-Baqarah dan ayat 107 surah al-Taubah:



Maksudnya: Mereka bertanya kepadamu tentang haid. Katakanlah: Haid itu boleh membahayakan, maka jauhkan dirimu dari wanita di waktu haid dan janganlah kamu mendekati mereka sehinggalah mereka suci. Apabila mereka telah bersuci, maka datangilah mereka itu sebagaimana yang diperintahkan Allah kepadamu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertaubat dan menyukai orang-orang yang bersuci.

<sup>209</sup> Ibid. Hal. 41-42.

Maksudnya: *Sesungguhnya Masjid (Quba') yang telah didirikan di atas dasar taqwa dari permulaannya lagi lebih patut engkau sembahyang padanya. Di dalam masjid itu ada orang-orang yang suka mensucikan diri. Allah memang menyukai orang-orang yang mensucikan diri.*

Nampaknya kenyataan tersebut adalah betul kerana ayat pertama yang mengandungi perkataan **مُتَطَهَّر** menyebut tentang suci daripada haid dan mandi selepasnya. Ia merupakan sesuatu yang berulang-ulang dan berpanjangan dalam kehidupan wanita, di samping ia bersifat jasmani. Manakala ayat kedua pula yang mengandungi perkataan **مُطَهَّر** berbicara mengenai penyucian hati kerana ia diturunkan mengenai orang-orang munafiq yang menyalahgunakan masjid *Diraar*.<sup>210</sup> Memang penyucian hati dan penyalahgunaan masjid merupakan perkara yang lebih besar dan utama berbanding penyucian badan.

Dalam pada itu, Perkataan **مطهر** juga disebut dalam ayat 77-79 surah al-Waqi'ah:

Maksudnya: *Sesungguhnya ia merupakan al-Quran yang sangat mulia berada pada Kitab yang terpelihara (Lauh Mahfuz) yang tidak menyentuhnya kecuali orang-orang yang disucikan.*

Perkataa **الْمُطَهَّرُونَ** dalam ayat ini bermaksud para malaikat kerana mereka sahaja yang dapat menyentuh al-Quran al-Karim yang tersimpan di Lauh Mahfuz.<sup>211</sup> Memang konteks ayat ini adalah perkara yang besar kerana al-Quran al-Karim selain daripada kitab suci, ia tersimpan


<sup>210</sup> Al-Saamarra' iyy. Balaaghat al-Kalimat Fii al-Ta'biir al-Qur'aaniyy. Hal. 50.

<sup>211</sup> Ibn al-Qayyim. Al-Tafsir al-Qayyim. Hal.141-143 dan Madaarij al-Saalikiin. Hal. 3/321.

di satu tempat yang sangat mulia, iaitu Lauh Mahfuz dan para malaikat pula merupakan makhluk yang sentiasa taat kepada Allah. Oleh itu, disebut **المُطَهَّرُونَ** untuk menunjukkan makna yang besar dan utama.


Dalam ayat ini yang dimaksudkan dengan al-Quran al-Karim ialah kitab suci yang tersimpan di Lauh Mahfuz dan yang menyentuhnya ialah para malaikat. Namun, ini tidaklah bererti bahawa al-Quran al-Karim yang ada bersama kita boleh disentuh oleh sesiapa sahaja tanpa bersuci terlebih dahulu dengan berwudu' malah mengikut pendapat keempat-empat mazhab fiqh yang utama wajib berwudu' untuk menyentuh al-Quran al-Karim. Ibn Taimiyyah menggunakan ayat di atas sebagai dalil bahawa al-Quran al-Karim tidak boleh disentuh oleh orang berhadap dari sudut lain, iaitu melalui *tanbih dan isyaarat*, kerana kalaulah al-Quran al-Karim yang berada di langit tidak boleh disentuh kecuali oleh malaikat yang suci, maka al-Quran al-Karim yang bersama kita pun tidak boleh disentuh kecuali oleh orang yang bersuci sahaja.<sup>212</sup>

Contoh lain ialah perkataan **المُصَدِّقِينَ** dan **المُصَدِّقِينَ** seperti dalam ayat 88 surah Yusuf dan ayat 18 surah al-Hadid:



Maksudnya: *Ketika mereka masuk menemuinya (Yusuf) mereka berkata: "Wahai tuan, kami dan keluarga kami telah ditimpa kesengsaraan dan kami datang membawa barang-barang yang tak berharga, maka sempurnakanlah sukatan untuk kami dan bersedekahlah kepada kami. Sesungguhnya Allah memberi balasan kepada orang-orang yang bersedekah".*

<sup>212</sup> Al-Saabuniyy. Al-Tibyaan Fii 'Uluum al-Qur'aan. Hal. 143.



Maksudnya: *Sesungguhnya orang-orang yang membenarkan (Allah dan Rasul-Nya) sama ada lelaki mahu pun perempuan dan mereka meminjamkan kepada Allah pinjaman yang baik, nescaya akan dilipatgandakan kepada mereka dan bagi mereka pahala yang banyak.*

Al-Saamarraa’iyy menyatakan bahawa dalam ayat surah Yusuf “mereka hanya meminta diberikan sedekah kepada mereka dan tidak meminta sedekah yang berlebihan kerana itu merupakan adab mereka yang baik... Sekiranya dikatakan إِنَّ اللَّهَ يَجْزِي الْمُصَّدِّقِينَ ia memberi maksud bahawa Allah SWT memberi ganjaran kepada orang yang memberi sedekah dengan banyak, tidak kepada orang yang memberi dengan sedikit dan ini tidak dimaksudkan kerana Allah tetap memberi ganjaran kepada sedekah yang banyak atau sedikit... Manakala dalam ayat surah al-Hadid pula Dia menyebut mengenai orang-orang yang banyak memberi sedekah dan Dia akan menggandakan ganjaran kepada mereka...Dia juga menyebut mengenai orang yang banyak memberi sedekah dalam surah al-Hadid kerana dalam surah ini disebut berulang-ulang kali mengenai sedekah dan sumbangan dan larangan daripada bersikap bakhil, maka sesuai disebut sedekah yang banyak”.<sup>213</sup>

Diperhatikan juga bahawa maksud berterusan dan beransur-ansur bagi pola مُتَّفَعِّلٌ pada perkataan مُتَّصِدِّقٌ adalah sesuai dan boleh diaplikasikan kerana berdasarkan konteks ayat ia sesuai memberi makna orang yang bersedekah secara berterusan dan beransur-ansur akan diberi ganjaran oleh Allah SWT. Begitu juga dengan maksud banyak bagi pola مُتَّفَعِّلٌ pada perkataan مُتَّصِدِّقٌ kerana berdasarkan konteks ayat berkenaan ia sesuai memberi makna orang yang banyak bersedekah akan dilipatgandakan ganjaran mereka oleh Allah SWT.

---

<sup>213</sup> Al-Saamarraa’iyy. Balaaghat al-Kalimat Fii al-Ta’biir al-Qur’aaniyy. Hal. 44-45.



### **3.4 Penutup**

Bab ini membincang dan menganalisis pemilihan struktur morfologi dalam al-Quran al-karim secara perbandingan. Dari perbincangan dan analisis tersebut, diperhatikan secara amnya bahawa al-Quran al-Karim menggunakan struktur morfologi secara halus dan terperinci untuk memberi makna yang tepat dan mengandungi makna tersirat berdasarkan konteks sesuatu ayat.